

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

---

**Tarikh** : 4 Julai 2013 (Khamis)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

---

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
3.	YB. Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/ Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Sungai Bakap

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	Komtar
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubok
30.	YB. Dr. T. Jayabalan a/l A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Mohd. Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam
39.	YB. Datuk Shah Headan Ayoob Bin Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A  
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

YB. Dato' Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
YB. Dato' Faiza Binti Zulkifli	Penasihat Undang–Undang Negeri
YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

**TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha

**Dewan mula bersidang pada jam 9.40 pagi.**

**Setiausaha:**

Doa

**Ahli Kawasan Sungai Bakap (YB. Maktar Bin Haji Shapee):**

Membaca Doa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Dewan masih dalam peringkat perbahasan ucapan terima kasih TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin meneruskan dengan perbahasan dipersilakan.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

*Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Hiwabarakatuh*, salam perpaduan dan salam 1Malaysia YB. Tuan Speaker dan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat. Pertama, saya mengucapkan terima kasih di atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ucap Terima Kasih kepada ucapan TYT Saya ucap tahniah kepada Tuan Speaker yang telah dilantik sebagai Speaker, semoga dapat menjalankan tugas dengan Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Tahniah juga saya ucapkan kepada rakan kita YB. Sungai Bakap yang telah dilantik sebagai Timbalan Speaker.

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga merasa tidak seronok kerana sidang kali ini tidak dapat menyediakan soalan Dewan. Sudah semestilah bila soalan tidak ada maka jawapan pun tidak ada. Sebelum ini pun kalau ada soalan, jawapan agak lewat diterima. Dulu biasanya kita terima notis supaya kemukakan soalan Dewan dalam tempoh 21 hari tetapi kali ini tidak ada, ini menunjukkan satu perubahan.

YB. Ahli-ahli Dewan sekalian, banyak kawan-kawan sebut dan bercakap mengenai bukit gondol, bukit botak. Amat dukacita sekali perkara ini boleh berlaku, pemantauan dan penguatkuasaan perlu dijalankan secara serius. Bukan di bukit itu sahaja, sebenarnya kerja-kerja ambil tanah bukit ini banyak tempat sedang berlaku. Kita kena kenalpastikan operator-operator atau pengusaha-pengusaha ini yang mengambil tanah merah mempunyai lesen dan permit sebagai kebenaran untuk mengeluarkan tanah. Mereka juga mesti patuh kepada syarat-syarat yang dikenakan oleh agensi tertentu. Bila keadaan ini

berlaku ini menampakkan Kerajaan sekarang tidak Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, jika difikirkan perlu untuk menambah pegawai dan kakitangan sebagai penguatkuasa eloklah ianya dilaksanakan supaya penguatkuasaan ini dapat dijalankan dengan serius dan penuh telus untuk kebaikan Negeri dan rakyat Pulau Pinang. Saya yakin soal tanah ini di bawah Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) dan sudah semestinya PTG juga mempunyai penguatkuasaan tentang tanah. Saya faham tenaga penguatkuasa ini tidak cukup maka sebab itu saya mencadangkan supaya Pentadbir Tanah dan Daerah di bawah PTG supaya menambahkan lagi pegawai dan kakitangan dalam bidang penguatkuasaan supaya mereka dapat menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan supaya kes-kes seperti ini tidak berulang lagi. Penguatkuasaan ini juga dilakukan oleh agensi-agensi lain yang terlibat seperti MPPP, MPSP, jabatan-jabatan teknikal seperti JKR, JPS dan Alam Sekitar. Mereka juga kena bersepadu bertanggungjawab untuk mengatasi masalah ini.

YB. Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, beberapa hari selepas PRU Ke-13 banyak penjaja-penjaja kecil di kawasan saya dikenakan saman kerana berniaga di tepi jalan. Mereka berniaga di atas bahu Jalan Persekutuan dan peniaga di kawasan saya iaitu di hadapan Taman Sri Aceh telah lama berniaga di situ. Peniaga-peniaga ini berkata atau sebahagian dari keluarga mereka turut berkata kerana Barisan yang menang di kawasan itu, sebab itulah MPSP buat operasi. Saya menafikan perkara itu, mustahil Kerajaan CAT akan bersikap begitu, lagi pun Parlimen kawasan tersebut dimenangi Pakatan. Mereka juga kata, saya ulangi perkara yang lama, mercu tanda Taman Residensi Merbuk di Jawi terletak di atas bahu Jalan Persekutuan, kenapa tidak kena saman pun. Saya jawab kepada mereka dalam Sidang DUN yang lepas, EXCO JKR menyatakan pemaju akan ubah bila JKR hendak memperbesarkan jalan itu dan gerai penjaja ini tidak boleh beroperasi atas alasan keselamatan. Setahu saya bahu jalan yang digunakan oleh penjaja ini luas saiznya jika hendak dibandingkan di kawasan yang terletaknya mercu tanda ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):**

Mohon penjelasan. Penjaja-penjaja yang disebutkan tadi, adakah mereka peniaga berlesen untuk mengendalikan perniagaan tersebut.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Bagan Dalam, peniaga-peniaga ini ada yang berlesen dan ada yang tidak, lesen tidak dapat diberi kerana berniaga di situ. YB. Tuan Speaker, apa pun sepatutnya Kerajaan Negeri sediakan tempat berniaga kepada mereka ataupun benarkan mereka berniaga di situ dan beri peralatan yang seragam kepada mereka seperti payung, bangku, meja dan sebagainya termasuk kereta

tolak. Kenakan syarat kepada mereka dan pastikan syarat-syarat itu dipatuhi terutamanya dari segi kebersihan dan keselamatan. Ini membuktikan bahawa Kerajaan juga tidak pinggirkan peniaga-peniaga kecil. Pertama saya sebut tadi kalau mereka tidak boleh berniaga di situ, Kerajaan bertanggung jawab untuk menyediakan tempat-tempat tertentu kerana mereka dah berniaga lama.

Yang kedua, kita halalkan mereka berniaga di situ dengan syarat-syarat tertentu supaya dari pemandangannya cantik, indah dan mereka dapat mencari rezeki. Begitu juga kalau ada industri-industri yang mungkin dibina tanpa kebenaran boleh juga dihalalkan. Asalkan ianya mendatangkan hasil kepada kerajaan dan mereka yang usahakan dapat faedah. Kalau itu, mungkin boleh.

Yang Berhormat Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sebut lagi juga soal lama, soal pemeliharaan ikan dan udang di Sungai Udang yang tidak dipantau oleh pihak berkuasa. Kelodak dalam kolam dilepaskan dalam parit 2 JPS Sungai Udang menyebabkan parit tersebut menjadi cangkak dan banjir khususnya di kawasan Sungai Tok Tuntung dan tanah kebun Sungai Setar Kecil. Ini menjadi masalah kepada pesawah, petani yang miskin juga kepada peladang-peladang kelapa sawit yang kecil di tanah kebun. Isu ini dah lama dan banyak kali saya bangkitkan isu ini semasa sidang Dewan dulu. Tapi tak nampak hasilnya. Sepatutnya Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi yang ada kuasa kena pantau dan jalankan penguatkuasaan. Setakat ini kita hanya dapat simpati daripada JPS untuk membersihkan parit itu.

Saya dimaklumkan bahawa peruntukan JPS hanyalah membersihkan parit dalam setahun 3 kali. Tetapi tidak menggali parit membersihkan keladak-keladak itu. Saya juga dimaklumkan semasa EXCO Pertanian dulu telah pergi melawat kawasan tersebut dan telah pun membentuk satu jawatankuasa bertindak supaya pengusaha-pengusaha kolam ini menyelesaikan masalah-masalah keladak ini. Tapi untuk pengetahuan YB. Tuan Speaker sehingga sekarang belum lagi perkara ini dilaksanakan. Setiap kali hujan, banjir berlaku dan jadi mangsanya ialah pesawah-pesawah, petani-petani yang miskin dan sentiasa mereka datang ke Pusat Khidmat saya untuk mendapatkan bantuan dan nasihat. Saya pohonlah kepada Kerajaan Negeri, ambillah tindakan yang serius bukan sekadar dicatitkan saja tetapi tindakan tidak berjalan sehinggalah EXCO yang dulu dah naik pangkat jadi Speaker pun belum selesai lagi. Terima kasih.

Yang Berhormat Tuan Speaker, dari segi pelancongan dalam ucapan Tun, kita melihat bahawa bidang pelancongan ini bukan setakat di Pulau dan George Town sahaja. Ianya sampai ke Seberang dan sampailah ke kampung-kampung saya di kawasan Sungai Acheh dan sebagainya. Tapi sejauh mana Kerajaan Negeri memberi peruntukan bantuan secara yang bersungguh-sungguh untuk membantu di kawasan saya ini supaya boleh jadi salah satu tarikan pelancong. Di tempat saya ada dua kawasan *home stay*, di Sungai

Setar dan di Sungai Chenaam. Banyak juga pelancong-pelancong luar negara datang. Tapi bukanlah melalui usaha Kerajaan Negeri. Di kawasan Sungai Bakap, kawasan YB. Timbalan Speaker juga ada, iaitu Sungai Duri. Saya dimaklumkan juga Kerajaan Negeri tak bantu apa lagi. Jadi eloklah kita bantu mereka. Janganlah hanya tumpu di tempat-tempat yang besar sedangkan di tempat kecil tidak ambil kisah.

Di kawasan saya juga ada kelip-kelip, di Kuala Sungai Kerian. Jadi eloklah Kerajaan Negeri membantu. Setakat ini kita dapat peruntukan jeti daripada Kerajaan Pusat. Tapi Kerajaan Negeri belum lagi memberi bantuan. Selain daripada membantu kelip-kelip, *home stay*, eloklah Kerajaan Negeri juga adakan satu perancangan yang rapi bagi mengindahkan Sungai Kerian untuk menarik pelancong. Saya juga ingin mencadangkan oleh kerana kawasan Sungai Acheh merupakan kawasan pertanian, kita wujudkan satu bandar pertanian. Kalau di Juru kita boleh wujudkan Auto City, Auto World. Apa salahnya di Sungai Acheh kita wujudkan Agro City, supaya kita pusatkan semua produk-produk pertanian di situ, kita buat promosi dan akhirnya pelancong dapat sampai ke Sungai Acheh dengan produk-produk pertanian ini. Sekurang-kurangnya ada satu jenama di Sungai Acheh ini iaitu produk-produk pertanian yang banyak.

YB. Tuan Speaker, tuan-tuan sekalian, saya difahamkan baru-baru ini bila pihak Pakatan Rakyat buat satu program Mesra Rakyat di Pusat Khidmat Simpang Tiga, mungkin istilahnya berbeza ada penghuni-penghuni rumah 100 PPRT di Sungai Chenaam dijemput diberi taklimat atau berbincang tentang cadangan nak beri LPS, Lesen Pendudukan Sementara kepada penghuni-penghuni rumah tersebut. Saya ingin mencadangkan supaya kita jangan sekadar memberi LPS. Kita bagi geran di bawah pemberian milik dengan bayaran premium yang mudah atau yang murah. Sebab di Chenaam ini ada dua (2) kelompok atau dua (2) pakej perumahan. Yang lama itu ada 300 rumah yang dahulunya di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Kita bagi geran.

Kita usaha bagi depa pinjam duit melalui Bank Pertanian dengan bayaran yang murah. Dan hari ini mereka telah maju dan rumah yang kecil sudah jadi besar. Apa salahnya rumah 100 PPRT ini juga kita bagi pemberian milik. Kalau geran ini LPS ini kita bagi tempoh 2 tahun, kemudian tahun yang ketiga nak kena mesyuarat EXCO pula untuk *renew* lesen. Dan ini adalah kehendak mereka, sebab beberapa orang kanan mereka telah berjumpa dengan saya dan saya berjanji kepada mereka, saya akan bawa benda ini kepada Kerajaan Negeri.

YB. Speaker, Ahli Dewan, saya juga difahamkan ada pihak tertentu yang ingin majukan tanah kerajaan di kawasan tersebut dengan pembinaan rumah. Sekiranya benar ianya akan berlaku diharap pembinaannya nanti mesti bersesuaian dengan keadaan persekitarannya. Sebaik-baiknya sama dengan konsep rumah yang sedia ada dan berilah keutamaan kepada penduduk-penduduk setempat.

YB. Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, akhir sekali saya ingin sentuh tentang isu pelantikan Jawatankuasa Kariah dalam Mesyuarat Agong Kariah. Dah banyak dah masjid-masjid menjalankan Mesyuarat Agong bagi memilih Jawatankuasa Kariah atau jawatankuasa masjid sebagaimana yang diarahkan oleh pihak atasan. Saya dimaklumkan pelantikan telah dibuat dalam Mesyuarat Agong. Tapi ada sesetengah masjid jawatankuasanya terpaksa ditangguhkan. Dan ada juga sesetengah masjid, Pengerusi atau Timbalan Pengerusi yang telah dilantik di dalam Mesyuarat Agong tidak dipakai. Pihak atasan memilih orang lain daripada keputusan Mesyuarat Agong. Jadi kalau ini berlaku apa gunanya pendemokrasian di dalam masjid. Kita arah supaya ada Mesyuarat Agong supaya memilih mereka-mereka yang layak. Apabila keputusan dibuat, malang sekali keputusan itu tidak dipakai. Sedangkan dalam mesyuarat tersebut juga ada wakil daripada pegawai tadbir agama atau wakil pentadbir agama.

Kalau tidak sah mesyuarat itu, sepatutnya hari itu, mesyuarat itu dibatalkan atau ditangguh. Tetapi setelah mesyuarat selesai, Pegawai Tadbir Agama pun setuju, wakilnya pun setuju, setelah dihantar ke pihak atasan lain pula ceritanya. Ini masalah masjid, anak-anak kariah lahirkan rasa tidak puas hati dan agak pelik bila benda ini berlaku kerana Kerajaan Negeri dah kata kita nak buat yang terbaik, kita nak buat secara adil, kita pakai slogan CAT. Tapi hari ini CAT sudah tidak berjaya. YB. Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Salam sejahtera dan salam reformasi saya ucapkan kepada YB. Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Dewan yang dihormati sekalian. Terima kasih diucapkan kepada YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan mengucapkan terima kasih ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana telah melafazkan ucapan.



Sebelum saya memulakan perbahasan saya, saya ingin membangkitkan satu perkara yang telah dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar dan Ahli Kawasan Pulau Betong dan di mana tadi Ahli Kawasan Sungai Acheh ada membangkitkan bahawa sidang Dewan pada kali ini tidak membenarkan Ahli-ahli Dewan untuk menanyakan soalan, di mana saya rasa Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar dan Ahli Kawasan Sungai Acheh yang ada di dalam Dewan ini, mereka ini pun bukan kali pertama menjadi ADUN.

Jika kita membaca Peraturan 23 dalam Peraturan-peraturan Tetap yang telah dimaktubkan di mana dalam Peraturan 23 (1). "Seseorang Ahli yang berhajat hendak menanyakan sesuatu soalan hendaklah (kecuali jika perkara itu berkehendak disegerakan dan jika diizinkan oleh Speaker) mengeluarkan pemberitahu yang bertulis mengenai soalan itu kepada Setiausaha sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum hari yang beliau bermaksud hendak menanyakan soalan itu." Dan sekiranya dalam perkara 26 (1). Sekiranya juga mereka tidak Ahli-ahli Dewan yang tidak dapat menanya soalan sebelum dua puluh satu (21) hari, mereka pun ada peluang lagi di mana Peraturan 26 (1).

"Sesuatu soalan yang tidak dikeluarkan pemberitahu yang diperlu; sebagaimana yang disyarakat di dalam Peraturan Majlis Mesyuarat 23 tidak boleh ditanya melainkan jika soalan itu perlu disegerakan dan Ahli itu telah mendapat keizinan daripada Speaker sebagaimana yang disyarakatkan di dalam Peraturan Majlis Mesyuarat yang tersebut."

Ini maksudnya sekiranya Ahli-ahli Dewan yang ingin menanya soalan, mereka masih boleh menunjukkan soalan mesti ada keizinan daripada YB. Speaker. Oleh itu saya harap pihak....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Bagi saya *finish*, biar saya habiskan dulu. Bagi saya, saya rasa kita Ahli-ahli Dewan ini khasnya Telok Ayer Tawar tidak perlu memainkan perkara ini dan cuba untuk mendapatkan publisiti murahan kerana sebenarnya Dewan ini masih membuka ruang kepada Ahli-ahli Dewan untuk menanya soalan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Terima kasih Ahli Machang Bubok, Ahli Machang Bubok ini hari keempat duduk dalam Dewan. Tetapi janganlah seperti pepatah Melayu, hendak mengajar itik berenang. Bukan kita hendak membanggakan diri, tetapi saya rasa sebagai Ahli Dewan yang sudah duduk di dalam Dewan ini 36 kali bersidang sekurang-kurangnya fahamlah sedikit tentang perjalanan. Memang peraturan disediakan, peraturan supaya notis kena bagi, begitulah juga saya sudah 36 kali berada dalam Dewan ini, tidak pernah kita tidak dibenarkan membuat soalan-soalan, tak pernah lagi berlaku. Kenapa kali ini? Kerana hendak tunjuk kuasa, bukan kerana tidak ada masa. Dewan Undangan Negeri Perlis pun bersidang buat juga soalan. Dewan Rakyat pun bersidang pada 24hb. buat juga soalan, bukan masalah masa. Ini masalah kuasa saja, hendak tunjuk bongkak kerana sudah menguasai Dewan ini dan semua *backbencher* takut hendak bersuara, walaupun ini adalah hak masing-masing, hak rakyat, bukan hak Ahli. Ahli Dewan semua mewakili rakyat masing-masing tentu banyak soalan yang hendak ditanya, yang sudah timbul semasa sejak Dewan yang lalu sampai sekarang. Saya rasa tidak payahlah hendak diungkit-ungkitkan cerita ini. Memalukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sahaja.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Saya cuma bangkitkan perkara ini kerana....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Minta laluan Machang Bubok, kalau rakan saya *junior* ada di sini, sekurang-kurangnya saya penggal kedua, saya boleh membantu, saya cuma hendak tanya Telok Ayer Tawar sama ada Telok Ayer Tawar ada hantar soalan atau tidak, itu persoalan saya. Kalau Telok Ayer Tawar tidak hantar soalan macam mana kata Dewan ini tidak bagi peluang untuk hantar soalan.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya hendak jawab sebab soalan dituju kepada saya.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Bukan minta laluan daripada saya, minta laluan daripada Machang Bubok.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Dah minta laluan pada Machang Bubok.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Kalau Machang Bubok tidak bagi, terpulang kepada Machang Bubok.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Telok Ayer Tawar. Sila duduk.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

YB. Tuan Speaker....(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Telok Ayer Tawar, perkara ini telah pun, dalam permulaan Dewan saya telah beri ketetapan saya, tidak perlu dibangkitkan lagi. Teruskan Machang Bubok.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Speaker. Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan terima kasih kepada pengundi Machang Bubok yang telah memberi amanah dan kepercayaan kepada saya sebagai ADUN dalam pilihan raya yang lalu. Kemenangan Pakatan Rakyat yang cemerlang di Pulau Pinang menunjukkan rakyat telah menaruhkan harapan yang begitu tinggi ke atas agenda reformasi yang telah dilaksanakan sejak 2008. Pakatan Rakyat Pulau Pinang berjaya meningkatkan undi popular sebanyak 7.7% iaitu daripada 58% pada 2008 kepada 65.7% pada 2013. Ini menunjukkan bahawa Pakatan Rakyat telah mendapat sokongan daripada pelbagai kaum dan bukannya seperti yang buruk sangka pemimpin UMNO BN yang sering menuduh bahawa Pakatan Rakyat gagal mendapat sokongan pengundi bukan Cina.

YB. Tuan Speaker, saya ingin membangkitkan 5 perkara dalam ucapan perbahasan saya.

- (1) Tentang isu Keselamatan dan Kesejahteraan Masyarakat
- (2) Menangani bencana alam serta sistem penebatan banjir
- (3) Pembangunan rumah mampu milik
- (4) Bandar mampan meningkat kualiti hidup,
- (5) Pembahagian tuntutan mengikut keluasan dan populasi.

Yang Pertama, isu keselamatan dan kesejahteraan masyarakat. Kebelakangan ini kadar jenayah di kawasan Machang Bubok telah meningkat, setiap hari terdapat penduduk menjadi mangsa jenayah, seperti kes ragut,

pecah tingkap kereta, kecurian dan sebagainya. Ramai di antara mereka terdiri daripada golongan wanita, malahan orang tua juga tidak dikecualikan daripada ancaman jenayah. Ramai penduduk di kawasan Machang Bubok hidup dalam keadaan ketakutan serta bimbang, mereka sentiasa menjadi mangsa yang seterusnya. Keselamatan sepatutnya dijamin kerana ia merupakan hak asasi bagi semua rakyat. Namun keselamatan kita telah menjadi benda yang mewah dan sukar dinikmati. Bagi golongan yang berpendapatan tinggi yang kaya mereka boleh memilih untuk tinggal di kawasan perumahan yang dilengkapi dengan sistem keselamatan yang menyeluruh. Mereka boleh membeli rumah di kawasan perumahan *gated and guarded community*...(dengan izin). Namun demikian, bagaimana pula dengan orang yang berpendapatan rendah? Mereka yagn tidak mampu untuk memiliki kawasan perumahan yang sedemikian akan terus tinggal dalam keadaan yang terancam. Adakah kita hanya ingin mewujudkan masyarakat yang kaya dilindungi, yang miskin dibiarkan begitu sahaja. Oleh itu, Machang Bubok menyokong sepenuhnya ucapan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua yang menyentuh tentang konsep bandar selamat. Kadar jenayah yang kian meningkat bukan semata-mata persepsi orang ramai, tetapi ia juga berlaku ke atas rumah kediaman. Baru-baru ini Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan baru-baru ini serta pemimpin-pemimpin kanan parti pemerintah dan pembangkang.

Di samping itu tindakan memasang CCTV di kawasan-kawasan yang ditetapkan oleh Kerajaan telah memutuskan untuk memasang CCTV di kawasan-kawasan Pulau dan Seberang, tapi Machang Bubok juga mencadangkan supaya PBT boleh mengambil langkah yang pro-aktif untuk memohon kebenaran daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memberi kuasa kepada PBT mengupah Polis Bantuan untuk menjaga keamanan kawasan-kawasan perumahan, khasnya kawasan yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi. Walaupun ada pengalaman di Selangor, di mana Majlis Bandar Raya Petaling Jaya telah membuat permohonan tersebut tetapi di tolak oleh KDN. Namun demikian saya rasa pentingnya juga bagi MPPP dan juga MPSP untuk terus memberi tekanan kepada Kementerian Dalam Negeri yang semakin hari semakin menunjukkan kegagalan Kementerian dalam membanteras jenayah. Kedua-dua PBT di Pulau Pinang boleh mengadakan kempen tandatangan untuk mendesak KDN memberi kebenaran kepada PBT untuk menubuhkan Polis Bantuan untuk menjaga keamanan di Pulau Pinang ini.

Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sejak saya menjadi ADUN Machang Bubok saya telah diminta oleh rakyat Machang Bubok dan Bukit Mertajam untuk membangkitkan beberapa isu-isu yang berikut:

Saya ingin membangkitkan satu perkara di Dewan yang mulia ini bahawa terdapat banyak kedai mesin judi "*slot machine*" di Taman Machang Bubok khususnya di sekitar kariah Machang Bubok. Menurut maklumat yang diberi oleh wakil penduduk serta kariah Masjid, anak kariah juga disyaki turut terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kegiatan tersebut. Lebih parah lagi apabila kegiatan haram tersebut seolah-oleh tidak dapat dibendung walaupun pelbagai maklumat serta laporan Polis telah dibuat oleh penduduk setempat tentang masalah mesin judi yang kian berleluasa.

Menangi bencana alam serta sistem penebatan banjir. YB. Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Masalah banjir kilat yang sentiasa menghanui penduduk-penduduk di Machang bubok khususnya di kampung Machang Bubok, Tasek Junjong, sebahagian kecil Taman Impian serta kampung Kuala Tasek, Punca banjir kilat adalah disebabkan sistem saliran yang tidak dapat menampung permintaan pembangunan. Walaupun pelbagai projek penebatan banjir telah dirancang di kawasan Machang Bubok, tetapi keberkesanan sistem penebatan banjir yang dilaksanakan tidak dapat menyelesaikan masalah banjir kilat. Kebanyakan kampung-kampung tradisi seperti Kampung Machang Bubok, Kampung Bukit Minyak sampai hari ini langsung tidak mempunyai longkang untuk air mengalir. Apabila hujan lebat, maka terdapat rumah-rumah kampung akan dilanda banjir serta menyebabkan banyak kerosakan harta benda. Dalam papatah Inggeris "*Prevention is better than cure*". Untuk mengelakkan bencana alam daripada berlaku seperti isu banjir yang sering kali berlaku di DUN Machang Bubok. Langkah-langkah pencegahan dan persediaan untuk berdepan bencana alam seperti banjir dan ribut. Baru-baru ini Pulau Pinang telah mengalami serangan ribut yang telah mengakibatkan banyak pokok besar tumbang serta bumbung rumah yang terbang.

YB. Speaker, Machang Bubok ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mangsa yang terkorban dan cedera dalam ribut tersebut. Tragedi runtuh tanjakan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang dan runtuh rod besi penebat kilat di Menara UMNO, Jalan Macalister telah mengejutkan kesemua pihak. Sebenarnya, bencana atau ribut yang berlaku tersebut telah menguji keupayaan Kerajaan Negeri dalam menangani krisis. Apabila krisis berlaku, maka siapakah yang mengepalai misi penyelamat tersebut. Adakah Pengarah Pasukan Bomba dan Penyelamat, atau Ketua Polis Negeri atau YDP Pihak Berkuasa Tempatan atau Majlis Tindakan Bencana Negeri atau Y.A.B. Ketua Menteri sendiri.

Dengan mengambil iktibar daripada peristiwa bencana ribut, saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil tindakan segera untuk memeriksa kestabilan dan keselamatan kesemua struktur bangunan tinggi di dalam Pulau Pinang. Siasatan terperinci tentang runtuh rod besi penebat

kilat tersebut perlu dijalankan dan dikemukakan kepada orang ramai untuk memastikan kemalangan seperti ini tidak akan berulang dan juga tidak akan berlaku di bangunan tinggi yang lain. *We have to learn from the past and plan for the future...*(dengan izin). Pihak MPPP dan MPSP perlu mengaudit kesemua bangunan tinggi dalam tempoh masa yang ditentukan supaya keselamatan orang ramai dapat dijamin. Memandangkan banyak bangunan tinggi di Pulau Pinang di sebelah Pulau dan juga di sebelah Butterworth, maka perlu ada satu pelan tindakan jangka masa panjang dan pendek termasuk dengan bilangan kakitangan yang mencukupi untuk mengenal pasti kestabilan dan keutuhan bangunan-bangunan tinggi.

Pembangunan rumah mampu milik, tanah yang terhad dan peningkatan populasi di Pulau Pinang telah menyebabkan harga rumah yang semakin meningkat sehingga kebanyakan rakyat Pulau Pinang tidak berupaya untuk memiliki rumah. Kepentingan dan kemampuan orang muda serta kawasan luar bandar tidak mampu untuk memiliki rumah di kawasan bandar. Harga rumah yang terlampau tinggi telah menyebabkan beban hidup bagi orang muda mereka juga perlu menanggung beban hutang yang berat. Orang muda sekarang bukan saja berhutang dengan PTPTN, berhutang dengan berbagai motosikal dan juga lain-lain kredit kad, maka mereka telah menjadi, saya telah katakan generasi muda pada hari ini telah menjadi generasi hamba rumah, mereka perlu membayar hutang untuk membeli rumah dan sepanjang hidup 35 tahun atau yang perlu meminjam sampai 45 tahun untuk membayar rumah mereka.

Sebenarnya isu perumahan adalah hak asasi manusia atau hak habitat di mana kerajaan bertanggungjawab untuk menyediakan rumah yang mencukupi pada rakyat, walaupun tanggungjawab untuk membina rumah adalah di bawah kuasa Kerajaan Persekutuan, tetapi Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah untuk membina rumah bagi menampung permintaan rakyat yang kian hari kian meningkat. Saya mencadangkan bahawa lebih banyak rumah mampu milik perlu didirikan dengan kerjasama sektor awam dan juga sektor swasta, selain itu, proses pemilihan yang lebih ketat akan dilaksanakan bagi menjamin hak untuk mendapatkan rumah dinikmati oleh semua orang tanpa mengira kaum. Oleh yang demikian selain daripada....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Ahli Machang Bubok. Penyediaan rumah bukanlah Kerajaan Pusat sahaja, Kerajaan Negeri juga turut bertanggungjawab untuk membina rumah, pertama sekali Kerajaan Negeri memegang hak ke atas tanah dan kelulusan-kelulusan untuk semua pelan-pelan merancang di bawah Kerajaan Tempatan. Jadi Kerajaan Pusat telah pun memberi banyak tawaran, kita telah banyak membina rumah untuk mereka-mereka yang tidak mampu

seperti projek PPRT Projek Perumahan Rakyat Termiskin dan Projek PPR, Projek Perumahan Rakyat di mana disewa selama lima (5) tahun, jadi dari segi kumpulan rakyat yang miskin dan amat miskin ini tidak ada langsung sumbangan Kerajaan Negeri untuk membantu. Kerajaan Negeri pun banyak tanah lagi walau pun terhad di Pulau Pinang boleh membantu untuk menyediakan rumah-rumah ini untuk rakyat yang miskin ini dan juga yang lain-lain rumah mampu milik, jadi ini kenalah ada keseimbangan peranan yang diberi oleh Kerajaan Negeri, ini kita mintalah dibantu dan diusahakan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Telok Ayer Tawar. Saya setuju kerana kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri itu perlu ada. Cuma saya kata itu kebanyakan perkara ini tentang rumah-rumah ini khasnya perlu dibina dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Saya ingin menyeru di sini bahawa Kerajaan Persekutuan tidak menuding jari kepada Kerajaan Negeri untuk mengalih fokus orang ramai terhadap kegagalan Kerajaan Persekutuan dalam membina rumah kepada rakyat di seluruh Malaysia. Bandar yang mampan pertingkatkan kualiti hidup, konsep Cleaner Greener Penang adalah satu program yang baik serta membawa satu pembangunan Negeri yang mampan.

Negeri Pulau Pinang telah menjadi satu pusat tarikan pelancong serta pelabur, di Machang Bubok, populasi telah meningkat secara mendadak kerana terdapat banyak projek-projek perumahan telah didirikan. Kedudukan di kawasan Machang Bubok yang strategik di mana terletaknya dengan sempadan Kulim dan kawasan perindustrian Bukit Minyak, telah menjadi pilihan orang ramai untuk menetap di Machang Bubok. Dengan populasi yang tinggi, maka pelbagai kemudahan serta infrastruktur perlu disediakan bagi menampung permintaan kehidupan seharian penduduk setempat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana telah memutuskan projek menaik taraf Jalan Bukit Minyak ke Alma dengan melebarkan jalan tersebut. Keputusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk naik taraf selepas projek Jalan Song Ban Kheng siap memang tepat pada sasaran. Jalan Bukit Minyak telah menjadi laluan utama penduduk-penduduk di kawasan perumahan Alma untuk pergi bekerja atau menjalankan aktiviti seharian mereka. Keadaan jalan yang sentiasa sesak pada *peak hour* telah menyebabkan kesukaran dan pembaziran masa penduduk setempat kualiti hidup mereka pun jatuh.

Di samping itu, saya juga mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengkaji selidik tentang keperluan untuk melebarkan Jalan Rozhan di mana ia menyambung Jalan Persekutuan dengan Jalan Kulim. Keadaan Jalan Rozhan yang terdapat beberapa *bottleneck* yang telah menyebabkan kesesakan lalu

lintas yang serius semasa waktu pergi bekerja dan selepas bekerja. Seajar dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri basikal pertama di Malaysia, maka saya mencadangkan di sini supaya usaha ini tidak hanya tumpu di sebelah Pulau sahaja, malah di Seberang Perai juga memerlukan peruntukan untuk membina laluan basikal. Buat sementara ini, tiada sebarang laluan basikal di kawasan Machang Bubok dan Bukit Mertajam. Walaupun ramai pengayuh basikal di kawasan Seberang Perai, tetapi jelas bahawa infrastruktur laluan basikal tersebut masih tidak dibina lagi. Oleh itu, saya berharap Kerajaan Negeri akan mengkaji pelaksanaan laluan khas basikal ini di jalan-jalan utama seperti Jalan Rozhan dan Jalan Kulim sekiranya pelebaran jalan yang akan dijalankan.

YB. Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dihormati sekalian, untuk mempertingkatkan kualiti penduduk setempat, tempat rekreasi dan riadah adalah sangat penting. Di kawasan Machang Bubok, hanya terdapat sebuah hutan lipur Bukit Mertajam sahaja yang menjadi tempat untuk penduduk di seluruh Bukit Mertajam sehingga ke Kulim dan kawasan persekitaran datang untuk bersenam dan rekreasi. Kekurangan tempat rekreasi juga menyebabkan kualiti hidup rakyat tidak dapat dipertingkatkan. Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan perlu memainkan peranan *mediator* di mana memastikan bahawa kesemua projek pembangunan perumahan perlu memperuntukkan tanah-tanah lapang untuk membina tempat rekreasi. Sekiranya keluasan pembangunan perumahan tersebut adalah kecil, maka perlunya untuk menggabungkan tapak-tapak tanah tersebut supaya keluasan tempat rekreasi itu mencukupi untuk menjadi satu taman rekreasi yang besar dan dilengkapi dengan kemudahan asas.

Oleh itu peranan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan adalah sangat penting untuk memastikan pihak pemaju-pemaju ini bukan sahaja hanya sekadar untuk mendapatkan kelulusan kebenaran merancang malah perlu ada satu koordinasi di bawah Kerajaan Negeri di mana mereka perlu duduk dan mencari satu setiap pemaju kena *counter view* kena mengeluarkan tanah-tanah yang telah ditetapkan di suatu kawasan untuk bersama-sama bagi pemaju untuk mendirikan tempat-tempat rekreasi.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan, terima kasih Ahli Machang, saya amat menyokong sarana Ahli Machang Bubok untuk Kerajaan Negeri menambah kemudahan-kemudahan rekreasi, memang kita duduk di Negeri Pulau Pinang ini merasai tertekan kerana kita sudah menghadapi masalah lalu lintas yang sesak sekarang ini jerebu pula dan berbagai-bagai tambahan pula macam Yang Berhormat bangkitkan tadi kurang pula kemudahan untuk kumpulan-kumpulan tertentu seperti Mak Nyah dan sebagainya, jadi memohon, meminta supaya pemaju menggunakan tanah yang akan dibangunkan ini, mungkin tidak cukup



kerana ia di bawah syarat *building by laws* hanya 10% sahaja yang pemaju kena sediakan untuk kawasan-kawasan lapang. Tetapi kita di Negeri Pulau Pinang mempunyai banyak kawasan-kawasan yang rizab, rizab pantai, rizab sungai yang luas dan yang boleh digunakan, tetapi tidak dibenarkan, di kawasan Batu Feringghi misalnya contoh kawasan-kawasan rizab ini semua diambil oleh hotel-hotel, di eksklusifkan untuk hotel-hotel yang mempunyai *beach front* ....(dengan izin), ini semua harus diambil perhatian, rakyat Pulau Pinang hendak guna semua rizab-rizab ini kerana tanah semua tidak cukup ya, rizab sungai, rizab pantai dan bukit-bukit yang jangan digondolkan buat kawasan rekreasi jangan tebang pokok tapi tambah kemudahan-kemudahan. Jadi ini yang kita mintalah untuk tindakan Negeri Pulau Pinang, terima kasih.

**Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Cadangan tempat-tempat rekreasi yang dikemukakan oleh pihak pemaju tidak boleh diterima semata-mata untuk tujuan kelulusan. Tempat rekreasi yang dicadangkan perlu selaras dengan kriteria-kriteria yang ditetapkan dalam kelulusan kebenaran merancang, malah untuk jangka masa panjang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan bersenam dan cukup untuk menampung keperluan penduduk-penduduk setempat.

Yang terakhir, pembahagian peruntukan mengikut keluasan dan populasi. YB. Speaker, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang prihatin kepada rakyat serta cermat dalam segi pengurusan kewangan, saya mencadangkan bahawa peruntukan untuk setiap KADUN akan dibahagikan mengikut keluasan tanah pentadbiran serta populasi. Kenapa kita perlu ada perubahan seperti ini. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, untuk KADUN-KADUN yang luas permukaan di Pulau Pinang seperti KADUN Sungai Bakap, Bukit Tengah, Bukit Tambun, Machang Bubok dan sebagainya maka keperluan untuk menyediakan infrastruktur serta kemudahan adalah jauh lebih tinggi termasuk isi padu jalan dan longkang yang perlu, yang lebih besar daripada KADUN-KADUN yang kecil.

Projek-projek penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan yang tinggi termasuk membaiki jalan-jalan kampung yang panjang dan kondisi yang teruk, maka memerlukan peruntukan yang lebih besar. Maka adalah munasabah untuk Kerajaan Negeri untuk memperuntukkan lebih banyak peruntukan untuk membolehkan pembangunan tempatan dan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat. Selain itu, peruntukan juga perlu dibahagikan mengikut jumlah pengundi yang terdapat di KADUN tersebut. Perbezaan yang begitu besar di antara KADUN-KADUN di Pulau Pinang contohnya, saya ambil contoh. Jumlah pengundi di Paya Terubong adalah 39,649 pengundi yang merupakan yang tertinggi di Pulau Pinang. Manakala pengundi di Air Putih yang hanya mencapai 13,803 pengundi sahaja. Iaitu tiga (3) kali ganda lebih kecil daripada Paya Terubong. Yang jelas bahawa perbezaan tersebut,

perbezaan yang begitu besar sekiranya peruntukan yang sama dibahagikan oleh kedua-dua kawasan ini. Maka adalah tidak cukup untuk Paya Terubong untuk memenuhi peluang-peluang pengundi di kawasan yang mempunyai pengundi yang sangat tinggi ini. Oleh itu adalah lebih wajar untuk Kerajaan Negeri untuk mengubah dasar pembahagian peruntukan kepada setiap KADUN agar kesemua rakyat akan dijaga dan tiada sesiapa yang akan terpinggir dalam sistem pembahagian hasil Negeri kepada rakyat.

Akhirnya, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, ingin saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah berjaya menerajui perubahan dalam semua aspek termasuk aspek pengurusan ekonomi dan pentadbiran yang cekap, akauntabiliti, telus dengan melaksanakan agenda ekonomi saksama AES yang berteraskan kepentingan rakyat yang terpinggir dan miskin, maka hasil pembangunan Negeri tersebut boleh dinikmati oleh semua rakyat. Adalah tidak bermakna untuk Negeri mencapai *surplus*... (dengan izin) atau pertumbuhan Negeri yang pesat tetapi rakyat masih hidup susah di tanah air Negeri Pulau Pinang ini. Sebagai Kerajaan Negeri yang berjiwa rakyat perlu sentiasa prihatin terhadap pembangunan sebenar yang diharap-harapkan oleh rakyat. Dengan kata-kata ini, saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya YB. Komtar.

#### **Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):**

YB. Tuan Speaker, Yang Berhormat-Yang Berhormat. Selamat Pagi dan Selamat Sejahtera. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini kerana memberi peluang untuk melakukan ucapan perbahasan terima kasih di atas Ucapan Tuan Yang Terutama, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang.

Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri serta seluruh barisan Ahli-ahli EXCO dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah dipilih atas mandat rakyat bagi menerajui amanah serta harapan mereka untuk lima (5) tahun ini. Syabas dan tahniah juga saya tujukan kepada YB. Tuan Speaker di atas pelantikan baru untuk menerajui kepimpinan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Persidangan DUN pada kali ini amat bermakna kepada saya kerana buat pertama kalinya saya diberi peluang untuk bersama membahaskan dalam persidangan DUN yang mulia ini demi pembangunan Negeri Pulau Pinang bagi pihak masyarakat N28 KADUN KOMTAR. Kesempatan ini juga diambil oleh saya untuk mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa yang terlibat dalam kes runtuh besi penebat kilat bangunan UMNO yang berlaku dua (2) minggu yang lepas di

KADUN saya iaitu KADUN KOMTAR dan juga mangsa runtuhannya Jambatan Kedua Pulau Pinang. Sebenarnya di bawah Seksyen 85A Akta Jalan & Parit, Bangunan 1976, memberi atau memberi kuasa untuk PBT untuk mengeluarkan Notis atau surat *reminder* kepada semua bangunan bertingkat yang lebih daripada 5 tingkat dan berusia lebih daripada 10 tahun untuk menghantarkan laporan keselamatan bangunan. Saya harap PBT bukan sahaja kerjanya untuk menghantar Notis sahaja, perlu ada tindakan susulan yang diambil supaya tragedi yang malang ini tidak berlaku lagi.

YB. Tuan Speaker, pembangunan Bandar Raya George Town yang berkembang pesat banyak dipengaruhi oleh aktiviti perdagangan bermula di Pelabuhan telah menyumbang pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang bermula dari zaman penjajahan British dahulu sehinggalah ke hari ini. Pada tahun 1971 Negeri Pulau Pinang menyaksikan status pelabuhan bebas cukai ini digugurkan taraf dan untuk menangani kehilangan status ini, bekas Ketua Menteri Pulau Pinang, mendiang Tun Dr. Lim Chong Eu telah membangunkan kawasan Bayan Lepas sebagai Zon Perdagangan Bebas (FTZ), sebagai usaha kerajaan pada masa itu untuk mewujudkan sektor perkilangan dan perindustrian yang berasaskan konsep bebas cukai bagi memberi peluang kepada Negeri Pulau Pinang untuk bersaing dan membuka pintu ekonomi Negeri untuk menggalakkan kemasukan pelaburan asing.

FTZ atau kini melalui penamaan semula sebagai Zon Perindustrian Bebas (FIZ) telah menyaksikan transformasi ekonomi Pulau Pinang mula berubah selepas itu, di mana *idea* mendiang Tun Lim telah mewujudkan ribuan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang serta meletak Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri perindustrian yang terkenal di rantau Asia yang mana banyak syarikat-syarikat multi-nasional seperti INTEL, DELL, AMD, dan apa yang disebutkan semalam iaitu JABIL juga membuka tapak perindustrian di Negeri Pulau Pinang. Atas kepesatan transformasi perindustrian dan juga masalah kekangan dan tapak tanah serta kos-kos pekerja yang semakin meningkat saban hari adalah perlu supaya sektor perindustrian di Negeri Pulau Pinang beralih ke era perindustrian yang berkonsepkan k-Ekonomi yang berteraskan sektor penyelidikan dan pembangunan dalam konteks Sains dan Teknologi sebagai usaha menjana kemasukan pelaburan asing yang positif dan sihat. Saya mengambil kesempatan ini untuk turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang telah membuktikan keupayaan untuk menambah baik catatan kemasukan pelaburan berjumlah RM36.1 bilion untuk lima (5) tahun yang pertama bermula pada tahun 2008 hingga 2012 berbanding dengan RM18.7 bilion yang dicatat dalam masa lima (5) tahun sebelum itu iaitu dari 2003 hingga 2007 di bawah kerajaan Barisan Nasional.

YB. Tuan Speaker, selepas perindustrian Negeri Pulau Pinang turut bergantung kepada sektor pelancongan yang antaranya merupakan penyumbang kedua besar kepada ekonomi Pulau Pinang. Di bawah usaha serta peranan aktif YB. Batu Lancang selaku EXCO Pelancongan Negeri di Pulau Pinang, program-program serta komitmen beliau untuk menyaksikan Pulau Pinang tampil sebagai destinasi pelancongan unggul di Malaysia telah berjaya meningkat jumlah kemasukan pelancong asing yang tinggi ke Negeri Pulau Pinang, di samping lain-lain usaha untuk memperbanyakkan destinasi Pulau Pinang yang terkenal sebagai George Town World Heritage Site. Antaranya adalah pembukaan Taman Tema Escape di Telok Bahang, Acara Larian Jambatan Pulau Pinang dan *International Dragon Boat Festival*, Program Pesta Durian di Balik Pulau. Saya turut difahamkan bahawa pelbagai program dan pakej khas diatur untuk membawa masuk pelancong terutamanya dari Negera China, Taiwan, Hong Kong dan Singapura ke Pulau Pinang untuk menikmati raja buah-buahan ini. Ini telah merangsangkan perkembangan ekonomi tempatan khususnya Balik Pulau.

Baru-baru ini Kerajaan Negeri Melaka berkeras bahawa akan terus membuka jalan di sekitar *Jonker Walk* untuk laluan trafik. Saya berasa kecewa dengan tindakan Kerajaan Negeri Melaka memandangkan jalan tersebut kini telah terkenal di kalangan sektor pelancongan domestik sebagai destinasi pelancongan yang perlu dilawati di Melaka. Usaha-usaha untuk menaik taraf perlu dilaksanakan dan bukannya mengugat sesuatu yang telah baik berkembang. Ini berlain di Pulau Pinang di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus menerus mengambil langkah-langkah mengukuhkan sektor pelancongan dan destinasi pelancongan Negeri dengan harapan untuk menjadi Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama yang perlu dilawati. Dalam usaha untuk memelihara dan mengukuhkan destinasi George Town, sebagai tapak warisan dunia saya akan berbincang dengan pihak MPPP bersama George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) untuk menjenamakan Lebuh Armenian, Lebuh Aceh dan Lebu Cannon sebagai kawasan dan jalan khusus bagi program-program kebudayaan di Negeri Pulau Pinang.

Saya percaya bahawa melalui penjenamaan ini, pelbagai program-program kebudayaan dapat dilaksanakan serta dipromosi dalam usaha untuk memupuk pembangunan budaya dalam warisan Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang mencatat tumbuhan kemasukan pelancong sebanyak 6,093,189 orang pelancong pada tahun 2012. Daripada jumlah ini, 3,096,907 adalah pelancong asing. Daripada jumlah pelancong ini, anggaran jumlah perbelanjaan yang dijana melalui sektor pelancongan adalah sebanyak RM8,674,356,426.

Selain itu saya menyokong perbincangan YB. Pengkalan Kota mengenai perkara caj warisan ke atas premis penginapan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Akan tetapi saya bercadang caj ini hanya dikenakan di kawasan sekitar Bandar Raya George Town Warisan sahaja sebagai dana untuk Tabung Tapak Warisan. Untuk tidak membebankan para pelancong dan sektor perniagaan yang terlibat saya bercadang agar cajnya dikenakan mengikut *grade* premis penginapan, seperti hotel bertaraf lima (5) bintang dicaj RM10, hotel bertaraf empat (4) bintang dicaj RM8, hotel bertaraf tiga (3) bintang dicaj RM6 dan hotel Budget dicaj RM5. Sebagai contoh Kerajaan Negeri Melaka telah melaksanakan caj warisan ke atas premis penginapan di Melaka mulai 1 September 2011. Caj sebanyak RM2 dikenakan untuk satu (1) bilik untuk satu (1) malam oleh Kerajaan Negeri Melaka tidak kira sama ada ia bilik hotel berbintang atau penginapan biasa. Dengan pengutipan caj warisan ini, Kerajaan Negeri Melaka meramalkan kutipan kira-kira RM4 juta dalam tempoh setahun. Kutipan dan caj warisan ini nanti akan digunakan untuk memperbaiki segala infrastruktur di kawasan tapak warisan membangunkan produk-produk pelancongan dan pemulihan warisan Negeri.

YB. Tuan Speaker, selepas George Town diisytiharkan sebagai tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 7 Julai 2008. Ia merupakan satu lonjakan kepada sektor pelancongan di Pulau Pinang. George Town mempunyai lebih daripada 12 ribu buah bangunan lama heritage termasuk rumah kedai, rumah ibadat, gereja, masjid, banglo, vila, pejabat kerajaan dan *monument*. Mengikut butiran dari George Town World Heritage Incorporated GTWHI sehingga Februari 2013 masih terdapat 106 buah bangunan usang termasuk (32) buah di zon teras dan (74) di zon penampakan di dalam tapak warisan dunia. Daripada jumlah tersebut terdapat bangunan-bangunan usang yang memerlukan perhatian segera bagi memastikan bangunan ini dipelihara dengan baik, namun adalah didapati bahawa kebanyakan pemilik bangunan tidak berminat untuk memulihara bangunan tersebut disebabkan kos pemulihan yang tinggi, sebaliknya mereka hanya bertindak membersihkan tapak bangunan dan memagarkan kawasan sekitar bangunan dengan *zink* bagi mengelakkan pemandangan yang kurang menyenangkan, setelah menerima notis dari pihak MPPP. Tetapi saya berpendapat bahawa usaha ini tidak mencukupi, MPPP dan GTWHI perlu menggubal dasar pemulihan bangunan warisan usang dan memastikan pemilik mesti membaiki pulih bangunan kepada keadaan yang memuaskan.

Untuk menggalakkan pemilik menjalankan kerja pembaikan. Saya cadangkan supaya insentif pengecualian cukai pintu lima (5) tahun diberikan kepada pemilik bangunan usang yang berada dalam zon teras dan zon penampakan. Bagi pemilik-pemilik yang sudah menerima notis akhir dari MPPP dan masih enggan membaiki pulih bangunan dalam tempoh masa yang diberi,

cukai pintu yang lebih tinggi mungkin tiga (3) hingga lima (5) kali ganda wajar dikenakan kepada pemilik sedia ada. Selain itu saya juga mengharap agar pihak GTWHI boleh menubuhkan satu dana khas untuk boleh digunakan mengambil alih bangunan usang di zon warisan yang pemiliknya tidak mampu atau tidak ingin membaik pulih. Dengan adanya dana ini ia dapat mengelakkan penjualan bangunan warisan ini kepada pelabur-pelabur asing.

YB. Tuan Speaker, isu pengangkutan atau isu lalu lintas adalah isu hangat untuk Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2012 kadar penggunaan pengangkutan di Pulau Pinang di antara tiga (3) kumpulan iaitu kereta 56%, motosikal 33%, bas kilang dan bas sekolah mencatat kadar 8% manakala kadar penggunaan kenderaan awam, bas, teksi adalah paling minimum iaitu 3%. Kajian daripada Bahagian Kerajaan Tempatan bagi pengangkutan dan pengurusan lalu lintas Pulau Pinang menunjukkan bahawa populasi di Pulau Pinang akan meningkat kira-kira 25% pada tahun 2020 dan sebanyak 30% pada tahun 2030. Jika sistem pengangkutan masih tidak dapat dibaiki di Pulau Pinang adalah dijangkakan bahawa keadaan ini akan bertambah serius dan kesesakan lalu lintas mungkin bertambah teruk. Untuk itu adalah perlu supaya sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang dipertingkatkan dan dikaji dengan teliti supaya ia dapat membantu mengurangkan beban kesesakan yang semakin meningkat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Rapid Penang telah berjanji untuk mengimport sebanyak 80 buah bas untuk menambah laluan bas dan juga di *hot spot-hot spot* yang tertentu. Namun kekecewaan Kerajaan Negeri amat dirasakan apabila penungguhan pengimportan ini telah berlaku beberapa kali walaupun dikatakan akan berlaku pada bulan Jun 2012, Oktober 2012, Mac 2013 dan janji terakhir adalah bulan September 2013. Dengan adanya penambahan bas rapid ini ia dapat menggantikan bas lama yang bermasalah dan menambahkan kekerapan perkhidmatan bas rapid, mengurangkan risiko kemalangan kerana hanya dengan penambahan kekerapan perkhidmatan bas, cadangan laluan bas khas "*bus lane*" oleh MPPP boleh dilaksanakan. Semasa saya berkhidmat sebagai Ahli MPPP dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur dan Pengurusan Lalu Lintas, kami telah bercadang untuk mengadakan laluan bas khas di Lebuhraya Chulia, Jalan Penang.

Selain itu, saya turut ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri melalui MPPP mempertimbangkan cadangan untuk mewujudkan tiga (3) lagi laluan khas bas awam bagi pengangkutan awam di Pulau Pinang. Yang Pertama dari KOMTAR ke Jalan Datok Keramat ke Bandar Air Itam dan ke Paya Terubong memandangkan kawasan ini adalah padat dengan populasi penduduk. Kedua dari terminal feri ke Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Ketiga, adalah laluan yang menghubungkan Pulau dengan tanah besar Seberang Perai. Untuk Negeri Pulau Pinang mencapai status Negeri yang bertaraf antarabangsa, masalah-masalah kritikal iaitu kesesakan lalu

lintas perlu ditangani dengan segera. Selain itu, saya turut berharap agar pihak Kerajaan Negeri dapat menimbangkan usaha-usaha untuk memperkenalkan sistem *tram* atau monorel di dalam Bandar Raya George Town sebagai usaha untuk menambah jenis-jenis pengangkutan di Pulau Pinang selain daripada bas awam dan teksi-teksi awam bagi membantu usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas.

YB. Tuan Speaker, selepas pemansuhan Akta Kawalan Sewa 1966 pada tahun 2000, populasi George Town turut menurun secara mendadak dan seterusnya menjejaskan daya tarikan dan status George Town sebagai ibu kota Negeri Pulau Pinang. Akibatnya ramai beribu-ribu penduduk telah berpindah keluar dari George Town kerana tidak mampu menanggung kos sewaan rumah yang tinggi dan seterusnya menambah bilangan rumah yang tidak berpenghuni di dalam kawasan George Town. Setelah beberapa tahun rumah yang kosong ini pasti mengalami kerosakan akibat tiadanya penyelenggaraan dan penjagaan dari sesiapa sehingga ianya menjadi usang dan menjejaskan imej George Town sebagai bandar warisan dunia. Keadaan ini menjadi lebih serius dan menjelang waktu malam yang sunyi selepas kedai-kedai di sekitar KOMTAR berhenti beroperasi. Di sinilah isu keselamatan menyumbang dan menjadi perkara yang dibimbangkan oleh penduduk-penduduk di sekitar pusat bandar. Selepas Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pimpinan Kerajaan Negeri pada tahun 2008, Kerajaan Pakatan Rakyat telah memutuskan supaya pusat pentadbiran Kerajaan Negeri dikekalkan di KOMTAR dan keputusan ini amat tepat sekali. Dengan itu, peniaga-peniaga sedia ada di sekitar kawasan KOMTAR masih boleh meneruskan perniagaan dengan sokongan daripada penjawat awam yang berpusat di KOMTAR.

Di sini saya ingin menekankan sumbangan YB. Saudara Ng Wei Aik yang menumpukan segala usaha untuk membangunkan kawasan KOMTAR pada penggal yang lalu. Pelbagai usaha telah dilakukan seperti pembukaan Pacific Hypermarket and Department Store, KOMTAR Walk, ICT Mall di KOMTAR dan pembukaan Kompleks First Avenue yang beroperasi sejak September 2010. Ini sedikit sebanyak telah menarik minat golongan muda untuk kembali ke George Town. Walau bagaimanapun, ini merupakan pendekatan jangka pendek saja, manakala secara jangka panjang, perlu adanya inisiatif serta usaha-usaha berterusan untuk terus menarik minat orang ramai supaya berhijrah kembali ke George Town sama ada melalui penyewaan premis bagi tujuan penginapan kekal atau melabur hartanah di sekitar George Town. Adalah diharapkan bahawa penduduk Pulau Pinang mengambil peluang untuk mempertimbangkan pembelian 1,900 unit rumah mampu milik dan kos sederhana rendah yang akan dibangunkan oleh Kerajaan Negeri di SP Chelliah. Selain itu, saya yakin bahawa rancangan *Business Improvement District Schema (BIDS)* di kawasan sekitar KOMTAR hasil usaha di antara Kerajaan Negeri, MPPP, PDC, Think City Sdn.Bhd dan pihak berkepentingan *stake holder* dari pihak swasta seperti Penang Times Square, GAMA, Prangin

Mall-JMB, Heng Lee Group serta lain-lain organisasi akan membantu untuk mewujudkan sasaran utama melibatkan pembangunan terhadap pewujudan jalinan antara bangunan, kebersihan dan alam sekitar serta peningkatan terhadap tahap keselamatan pengunjung...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan YB. KOMTAR, sedarkah Dewan ini bahawa pelantikan atau pengiktirafan bandar George Town sebagai bandar warisan dunia adalah satu perkara yang cukup besar dan seharusnya digunakan sepenuhnya untuk menjadikan bandar warisan ini satu tarikan untuk pelancong kerana kita dapati bahawa konsep ini begitu berjaya yang telah dibangunkan oleh beberapa bandar warisan dunia kita ambil Fes di Morocco, kita ambil Gastown di Kanada, banyak lagi di China dan sebagainya yang mana walaupun terhadap penghijrahan penduduk di sini tetapi bangunan-bangunan lama ini boleh dijadikan *boutique* hotel-*boutique* hotel, kedai-kedai kraftangan dan sebagainya dan menjadi satu tarikan bila kita hiduapkan bandar warisan ini dengan pelbagai budaya yang begitu terdapat di negara kita terutama sekali di Pulau Pinang. Jadi ini yang kita nampak tak dijalankan dengan memuaskan untuk menghiduapkan bandar warisan ini dan mengisikannya dengan kepelbagaian budaya dan kehidupan. Jadi kita amat berharap bahawa YB. KOMTAR juga dapat memberi idea-idea kepada Kerajaan Negeri bagaimana untuk membangukan bandar warisan, terima kasih.

**Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Untuk memastikan kejayaan BIDS ini nanti pihak-pihak yang terlibat perlu melihat kepada usaha-usaha untuk membina laluan pejalan kaki yang menyambungkan, menggabungkan semua bangunan di kawasan sekitar KOMTAR, menambah bilangan pengawal rondaan keselamatan dan memastikan supaya penubuhan pusat informasi diwujudkan bagi memudahkan penyebaran maklumat kepada para pengunjung yang ada. YB. Tuan Speaker, semasa saya berjumpa dan berbincang dengan peniaga-peniaga KOMTAR, mereka telah berkongsi dua (2) masalah utama yang dihadapi oleh peniaga dan pengunjung KOMTAR iaitu masalah tempat letak kereta dan masalah keselamatan. KOMTAR adalah konsep pembangukan pada 70-an, mungkin pada masa itu tempat letak kereta bukanlah satu isu yang utama, tetapi pada masa kini kekurangan tempat letak kereta telah menjejaskan perniagaan KOMTAR. Semua orang tahu KOMTAR mempunyai sebuah tempat letak kereta bertingkat yang telah dipajakan kepada satu syarikat swasta selama ini. Menurut maklum balas daripada pihak PDC, kontrak pajakan kepada syarikat swasta akan tamat pada tahun 2014. Saya berharap agar pihak PDC boleh membuat cadangan serta rancangan awal untuk menaiktarafkan tempat letak kereta tersebut.



Satu lagi masalah adalah berkenaan isu keselamatan KOMTAR terutamanya melibatkan penggunaan tandas awam. Seringkali dilaporkan bahawa berlakunya kekerapan kes ragut dan kes curi hendap di dalam tandas wanita. Kes ini meningkat disebabkan banyak kedai tidak beroperasi terutamanya di tingkat empat (4) KOMTAR. Justeru saya menyokong penuh usaha PDC Setia Urus untuk menutup tandas-tandas awam yang kurang dapat sambutan dan memohon agar pihak PDC Setia Urus dan pihak Polis Diraja Malaysia meningkatkan rondaan keselamatan di KOMTAR bagi membendung masalah sosial yang negatif selain daripada dua (2) masalah utama yang disebut tadi, juga terdapat masalah-masalah lain seperti warga asing menjalankan perniagaan di KOMTAR. Statistik yang diberi oleh PDC terdapat 34 unit disewa oleh pemilik swasta kepada warga asing untuk menjalankan perniagaan. Bagi saya, oleh kerana KOMTAR bukan sahaja tempat perniagaan malah ia juga tempat pentadbiran Kerajaan Negeri oleh demikian terlalu banyak peniaga warga asing akan menjejaskan imej Kerajaan Negeri. Oleh itu masalah ini juga perlu diselesaikan segera.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya difahamkan bahawa kerajaan hanya memiliki sejumlah 18.88% unit-unit komersial dan pejabat di KOMTAR manakala PDC memiliki 45.52% dan 35.6% dimiliki oleh sektor swasta. Kerajaan tidak mempunyai hak majoriti pada keadaan sekarang. Sama ada seperti cadangan yang dikemukakan untuk pembelian balik bangunan warisan yang usang, saya turut mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menimbang semula untuk membeli kembali semua premis perniagaan swasta yang dibeli oleh pihak swasta yang dijual pada masa dahulu, supaya untuk berusaha untuk memulihkan perniagaan dijalankan di bawah Project New Komtar berkenaan.

Saya juga mengambil peluang ini ingin mengucapkan syabas kepada pihak PDC kerana telah berjaya mengisi kedua-dua ruang di KOMTAR iaitu Pacific Hyper Market and Departmental Store Sdn. Bhd. dan Venice Gateway Sdn. Bhd., yang masih kekal beroperasi. Setakat ini telah Only World Group (OWG) melalui sebuah syarikat di bawah kumpulan OWG iaitu World Equipment Sdn. Bhd. (WESB) telah menandatangani perjanjian dengan PDC pada 22 November 2012 untuk pajakan beberapa premis di Komtar. Komponen pertama yang akan dibangunkan ialah dewan Banquet di atas tapak makanan sedia ada di aras lima (5) *roof top* di mana dijangka akan siap akhir tahun 2014. Komponen pembangunan lain akan melibatkan kawasan terbuka di aras lima (5) bekas premis restoran, di aras 59 dan 60 kawasan pelantar di aras 64 dan 65 serta cadangan membina lif berkelajuan tinggi, yang akan menghubungkan kawasan terbuka Aras lima (5), *rooftop* terus ke tingkat 65. Dengan jumlah pelaburan minimum sebanyak RM40 juta.

Adalah diharapkan usaha sebegini akan dapat mengembalikan sinar kegemilangan KOMTAR sebagai bangunan mercu tanda dan pusat komersial yang akan menjadi tarikan orang ramai selain kekal sebagai nadi pentadbiran Kerajaan Negeri. Harapan saya sebagai wakil rakyat KADUN Komtar adalah untuk menjadikan kawasan persekitaran KOMTAR sebagai sebuah kawasan yang selamat didiami di samping menggiatkan semula aktiviti perniagaan dan ekonomi kawasan setempat. Yang Berhormat Tuan Speaker saya memohon menyokong. Terima kasih.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan pada pagi ini dialu-alukan kedatangan lawatan 11 orang pelajar dari Kolej Han Chiang. Seterusnya Permatang Berangan.

#### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat dan Yang Berhormat Tuan Speaker terima kasih memberi peluang kepada saya untuk berucap terima kasih dalam ucapan TYT melafazkan dalam Dewan ini pada penggal pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas pada 2 Julai 2013. Juga kesempatan ini saya mengambil untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Speaker di atas pelantikan beliau pada penggal ketiga belas Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya ingin menyentuh tentang pembangunan perumahan Negeri Pulau Pinang. Masalah rumah kediaman menjadi agenda utama dalam Negeri Pulau Pinang, Kerajaan bertanggungjawab menyediakan perumahan yang selesa dan kondusif dan Kerajaan Negeri telah pun mengenal pasti tujuh (7) kawasan iaitu di setiap daerah iaitu di SPU, SPS, SPT, DTL dan DBD. Saya berharap di DUN-DUN berkenaan dengan SPT, SPS dan SPU kawasan-kawasan tersebut diberitahu di manakah projek-projek perumahan itu akan dibangunkan, luas kawasan dan bila dijangka dibina dan bila dijangka siap. Saya minta ADUN Datok Keramat dapat menerangkan kepada kita. Yang Berhormat Tuan Speaker rumah yang akan dibina dan dijual dengan mampu milik dengan kos sekitar RM72,000, RM400,000 dengan penekanan RM200,000 hingga RM250,000 dengan harga yang ditawarkan ini ianya menafikan hak golongan-golongan miskin dan tidak berupaya.

Seterusnya Kerajaan Negeri membiarkan mereka dibelenggu oleh masalah mendapatkan tempat tinggal yang selesa apatah lagi yang lebih kondusif. Harga pula mencecah RM200,000, kalau tak silap saya harga rumah kos rendah di Pulau Pinang dan di mana-mana di Malaysia adalah sekitar RM42,000. Ini bermakna Negeri Pulau Pinang kurang berminat untuk menyediakan Perumahan Kos Rendah di Negeri Pulau Pinang. Kalau benar di mana 11,596 rumah rakyat dibina oleh Kerajaan Negeri di Pulau Pinang seperti

didakwa oleh Kerajaan Negeri seperti yang dinyatakan di dalam manifesto dalam pilihan raya yang lalu. Jika benar Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membina rumah kos rendah dan sederhana seperti yang diuar-uarkan di mana tempat perumahan tersebut dibina dan agensi Kerajaan manakah yang bertanggungjawab membina perumahan tersebut.

Saya memetik Laporan Ketua Audit Negara. Bagi tempoh 2008-2010 sejumlah 14,059 permohonan kos rendah dan projek perumahan rakyat telah mendaftar secara *online* dan *manual* ..(dengan izin) dengan jumlah pendaftaran 152,702 dan dalam tempoh ini tiada perumahan dibina dan semua projek perumahan dibina oleh pihak swasta, saya petik dalam Laporan Audit Negara, saya minta penjelasan dari pihak EXCO Datok Keramat. Yang Berhormat Tuan Speaker satu lagi isu yang membelenggu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Tentang isu ini saya berharap Datok Keramat kalau boleh cuba tetapkan mekanisme harga ini. Supaya setiap pembangunan ada komposisi membolehkan masyarakat memiliki yang mahal ke, sederhana murah ke, yang murah setiap pembangunan ada idea yang saksama kepada Negeri Pulau Pinang ini saya sebut ini dalam Dewan yang lalu masih belum ada lagi. Dan melihat perkara ini supaya meletakkan harga yang tertentu dan membolehkan kesemua masyarakat tanpa berbeza mendapat rumah mampu milik. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Satu lagi isu membelenggu rakyat Pulau Pinang setiap pemaju perumahan seperti UDA, Kerajaan Persekutuan, JKP dan PERDA rata-rata menyediakan perumahan untuk rakyat. Mengapa agensi ini setiap Kebenaran Pelan Merancang harus melalui SPC atau OSC, padahal agensi pemaju swasta tak perlu melalui kedua-dua agensi ini. Kerajaan Negeri sebagai contoh telah meluluskan pelan kebenaran projek perumahan di hotel di PERDA di Telok Bahang, tetapi malangnya pelan pembangunan untuk rumah kos rendah yang terletak pada lot yang sama ditolak dengan alasan tidak memenuhi syarat, padahal syarat tidak dihantar kepada PERDA dan ini menyebabkan Kebenaran Pelan Merancang tamat tempoh dan harus diperbaharui. Permohonan memperbaharui untuk membuat permohonan melalui MPPP selama dua (2) bulan tamat tempoh iaitu pada bulan April 2012, tetapi sehingga kini tiada kelulusan diperolehi. Saya ingin tahu kenapa perlanjutan tempoh Kebenaran Merancang tidak diuruskan oleh MPPP seperti dahulu sebaliknya dikendalikan oleh SPC. Adakah ini disyaratkan untuk UDA, JKP, PERDA. Adakah ini *purely administrative*? ...(dengan izin) kelulusan telah diperolehi cuma perlanjutan *renewal* sahaja yang ditunggu.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Penjelasan. Adakah benar apabila pemajuan projek perumahan oleh Kerajaan Pusat semuanya disalurkan kepada OSC bukan lagi kepada SPC seperti biasa apakah yang sebenarnya berlaku Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Inilah yang benar-benar berlaku semasa agensi Kerajaan Pusat, setiap permohonan yang hendak dikemukakan hendaklah melalui SPC (*State Planning Committee*) ...(dengan izin) dan kemudian oleh OSC dan sekarang ini disalurkan kepada MPSP atau MPPP dan kemudian saluran MPSP tidak memproses terus kepada SPC. Apabila SPC menimbang dan meluluskan ini dan mengenakan syarat-syarat tambahan seperti menurunkan ketinggian bangunan pada asalnya bangunan ini telah mencecah 39 tingkat kelulusan telah pun diperolehi kemudian kelulusan telah diminta untuk menurunkan ketinggian tingkat ini kepada 28. Satu lagi ialah apabila...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, jadi apabila ada luahan ataupun sebutan oleh Yang Berhormat Permatang Berangan yang bersangkutan paut dengan kedudukan dan keadaan yang dikemukakan, sudah ini peranan tugas dan tanggungjawab bagi Ahli Kawasan Pantai Jerejak untuk melihat balik, kalau dahulu Ahli Kawasan Penanti sepertimana Dewan maklum terdapat tidak tunai tanggungjawab dengan baik dan berkesan setelah segala permasalahan orang Melayu Bumiputera khususnya, tidak sampai dua (2) tahun, jawatan dia diganti dengan orang lain. Begitu juga mandat tanggungjawab yang diberi kepada orang baru dengan keadaan yang serupa juga sudah tentu menjadi cabaran kepada Ahli Kawasan Pantai Jerejak, untuk melihat kawasan Ahli Kawasan Pantai Jerejak kena ingat benda ini pengalaman penggal pertama di bawah Pakatan Rakyat akan berulang. Ahli Kawasan Batu Maung berminat juga, daripada dulu dia minat tapi tak dapat-dapat lagi. Saya harap kepada Pantai Jerejak akan melihat kedudukan dan keadaan untuk kepentingan orang Melayu di Negeri Pulau Pinang daripada perumahan hingga peluang niaga atau apa-apa juga yang bersangkutan paut dengan kepentingan orang-orang Melayu, kalau tidak ada maknanya muka baru tampil setiap kali ada, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I (YB. Haji Mohd Rashid Bin Hsnon):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, oleh kerana Pulau Jerejak dah panggil diminta izin untuk memberi penjelasan. Sebenarnya ditujukan EXCO Perumahan bukan saya, kelmarin begitu juga Ahli Pulau Betong tentang urusan tanah wakaf, tapi tak mengapa kerana pengalaman saya sebagai sebagai

menjawab Permatang Berangan sebagai pernah jadi Ahli Majlis MPPP sebenarnya kita mengikut peraturan diperuntukkan tidak ada *selective* pilihan, kalau ada dalam OSC sama ada ianya daripada Persekutuan ataupun daripada *private* ataupun *local government* kita mengikut peraturan yang sebenarnya. Tentang ketinggian tadi kita ada syarat-syaratnya DCA, iaitu *Department of Civil Aviation* kita tidak sewenang-wenangnya membuat satu yang pilhan yang berbeza malahan kalau kita nak permohonan nak buat pembangunan contohnya bangunan-bangunan Persekutuan Balai Polis ataupun sekolah kita tidak menggunakan *wane and crisis* kita ...(dengan izin), kerana kita memang mengikut peraturan yang sedia ada dan mungkin EXCO, PBT yang mungkin boleh menggulung untuk esok menjawab apa yang telah dinyatakan. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit lagi Tuan Speaker, minta laluan. Saya faham semua yang telah pun diperjelaskan oleh Ahli dari Pantai Jerejak, mana tugas dan tanggungjawab untuk penggal ini di mana dalam bab perumahan ini kepada Datok Keramat. Saya faham Datok Keramat sahabat lama saya daripada situ dulu dia pindah pi sana naik pangkat, syabas tahniah, dia tahu peranan tugas dan tanggungjawab dia harap-harap sangat itu tanggungjawab dia tapi tanggungjawab Ahli Kawasan Pantai Jerejak bukan nak tengok pasal sekian-sekian sahaja tetapi atas nama Timbalan Ketua Menteri I mewakili orang Melayu yang Pulau Pinang kita hendak. Saya bagi cabaran ini kepada Ahli Kawasan Pantai Jerejak. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pantai Jerejak mewakili semua. Silakan Permatang Berangan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Kalau kita mengikut *aviation* yang kemukakan oleh Pantai Jerejak kalau 39 tingkat di kawasan itu di kawasan Telok Bahang ianya lebih rendah daripada bukit, jadi bukit itu lebih tinggi daripada bangunan itu kalau 39 tingkat pun. Jadi tidak timbullah soal *aviation* di kawasan ini. Jadi satu lagi yang membelenggu ialah kemudian kita telah bersetuju dengan cadangan menurunkan kepada 28 tingkat, ada lagi satu syarat tambahan yang diberikan ialah hendaklah membina rumah kos rendah daripada 650 kaki persegi kepada 700 kaki persegi dan ini adalah merubah keseluruhan struktur *layout plan* dan... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya minta penjelasan YB. Permatang Berangan adakah di Malaysia ini seluruh Malaysia ini rumah kos rendah 700 kaki persegi. Saya tak tahulah, ini syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri terlalu membebankan sehingga projek itu sudah tidak menjadi *viable*.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Jadi yang paling mengecewakan sekali ialah kita telah membayar RM3.1 juta *conversion* kepada pihak Kerajaan Negeri pada tahun 2010 dan untuk membina telah menukar syarat tanah ini kepada syarat kegunaan tanah kepada kediaman hotel, *club house* dan komersial dan daripada pelancongan khas. Perkara ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri bagi membina projek-projek tersebut dan kawasan itu adalah seluas 16 ekar sahaja. Kenapa Kerajaan Negeri kemudiannya meminta projek ini dibangunkan dengan perumahan kos rendah dan kos sederhana yang harganya sekitar RM72,000.00 ditetapkan sebanyak RM72,000.00 sahaja padahal harga tanah di kawasan itu termasuk premium adalah RM20 juta lebih, jadi dengan kadar yang diberikan itu dengan itu adalah menjadikan rumah itu tidak *viable* untuk dibangunkan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan. Terima Kasih Tuan Speaker, sikit lagi. Ini juga adalah satu cabaran untuk Pantai Jerejak, tadi pasal bersangkutan paut dengan keluasan dan sebagainya, tapi ini pasal pindah milik, saya difahamkan kalau pemiliknya orang Melayu, kalau nak jual kepada kaum Cina, cepat-cepat namanya boleh, tetapi kalau kepada orang Melayu nak jual kepada orang Melayu ini menjadi masalah, juga nak ambil masa lama, jadi ini menjadi peranan dan tanggungjawab Pantai Jerejak juga untuk melihat di samping bantuan daripada sahabat saya Datok Keramat. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta laluan kerana apa yang dinyatakan oleh Pinang Tunggal. Kalau ada apa-apa bukti spesifik tentang isu hendak jual kepada Melayu lambat, hendak jual kepada Cina cepat. Sila beritahu supaya saya boleh ulaskan penggulangan saya kalau tidak saya ingat saya tak akan sentuh isu itu kerana mesti ada bukti spesifik. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Permatang Berangan teruskan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

YB. Tuan Speaker, saya ingin satu lagi isu ialah apakah langkah Kerajaan Negeri berkaitan perumahan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta laluan. Sekejap, memandangkan saya memohon kepada Pinang Tunggul untuk dapat bukti tersebut saya juga hendak tahu sama ada beliau YB. daripada Pinang Tunggul telah memberi bukti ataupun maklumat berkenaan doktor di Hospital Seberang Jaya tersebut. Doktor Cina tersebut yang enggan merawat seorang pesakit Melayu, kerana saya dapati itu adalah satu tuduhan yang begitu serius sekali dan sekiranya Seri Delima telah memberi tempoh 24 jam. Saya ingat tempoh 24 jam sudah hampir sampai, semalam pukul 11 Seri Delima tanya sekarang sudah 24 jam dan 30 minit, sekiranya tiada saya minta Tuan Speaker minta satu *ruling*, sama ada Pinang Tunggul apa-apa tindakan diambil terhadap beliau kerana kita tidak boleh menerima perkara sebegini. Sekarang juga Melayu dan Cina berkenaan perumahan terlalu *racist* dan saya tanya saya ingin dapat satu keputusan daripada Tuan Speaker, apakah tindakan yang akan diambil terhadap Pinang Tunggul, sama ada beliau seharusnya dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana saya di EXCO mungkin saya tak boleh buat sedemikian kerana ataupun....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Seri Delima boleh membantu tak ada masalah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Dulu saya dikerusi itu mungkin boleh buat.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kita Seri Delima dengan Datok Keramat sahabat bukan macam Pinang Tunggul. Cakap tak berasas.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Mungkin salah seorang *backbencher* akan buat permohonan tersebut.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih saya ingin minta Tuan Speaker untuk saya, isu peraturan Tuan Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Permatang Berangan punya *floor*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Isu peraturan YB. Speaker. Isu peraturan Tuan Speaker, isu peraturan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk dulu. Saya bagi sedikit pengumuman. Terima kasih. Saya rasa Permatang Berangan ada membangkitkan isu bersabit dengan kelulusan projek pemajuan, projek pemajuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyentuh meminta penjelasan biar dia kena mengena yang lain saya rasa sila jangan mengganggu perkara-perkara yang tidak mengena dengan tajuk yang sedang diulas oleh Permatang Berangan dan saya minta Permatang Berangan teruskan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker, saya minta maaf, saya terpaksa bangkitkan isu peraturan kerana saya baru masuk Dewan dan kelmarin sebelum kita meninggalkan sidang Dewan kita bersurai saya telah tanya dengan Pinang Tunggul untuk mengemukakan bukti, saya telah minta beliau 24 jam, kalau boleh beri nama doktor tersebut, di unit mana beliau bertugas kerana ini adalah satu pertuduhan yang begitu serius. Kita lihat komen-komen yang keluar dalam Malaysiakini terhadap Pinang Tunggul, saya pun terkejut ini adalah isu serius menuduh seorang doktor Cina tidak memberi rawatan kepada seorang Melayu. Kalau anak jantan kemukakan bukti sekarang, saya cabar dia.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggul (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Tuan Speaker, saya sudah bagi tahu kelmarin lagi, sudah bagi tahu bahawasanya tindakan saya telah buat di luar, saya sudah buat tindakan terhadap doktor yang bertugas sama ada di Hospital Seberang Jaya atau di Hospital Kepala Batas saya telah nyatakan apabila Seberang Jaya bangun menyoalkan saya bahawa ini bukan dibawah bidang kuasa dia, bidang kuasa Kementerian, bidang kuasa Menteri, bidang kuasa Timbalan Menteri, apatah lagi Timbalan Menteri dari Balik Pulau Ahli Parlimen Balik Pulau, dan saya dah buat jawapan semalam saya kata dah tindakan dah saya buat. Saya sudah



buat tindakan ke atas doktor yang bertugas di Seberang Jaya, begitu juga di Kepala Batas, yang Seri Delima hendak lebih-lebih untuk apa, untuk apa? Kita tahu prestasi dia nampak kurang dia dulu masa penggal pertama dia dulu dia berada di belakang saya prestasi dia nampak jauh lebih hebat daripada segi lakonan dia berbanding Datok Keramat. tetapi Datok Keramat naik pangkat cepat daripada dia adakah oleh kerana dari masalah itu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Permatang Berangan. Ahli-ahli yang lain jangan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tuan Speaker, saya minta Tuan Speaker membuat ketetapan, kalau tidak di Dewan ini siapa-siapa boleh datang bercakap macam-macam saja, ini bukan market, kalau berani tunjukkan bukti. Inikah cara wakil rakyat UMNO berdebat di Dewan Undangan Negeri, kalau macam itu tunjukkan saya dah cabar. Saya hendak cabar.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima sila duduk, duduk.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Kalau berani tunjukkan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk, duduk. Seri Delima duduk. Bila telah pun timbulkan sesuatu penjelasan yang diminta dan Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun memberi penjelasan dalam Dewan ini saya rasa dengan saya boleh terima. Saya minta perkara ini jangan unkitkan lagi kerana sesi perbahasan ini perlu dijalankan dengan lebih lancar, jadi saya minta Permatang Berangan teruskan. Jangan timbul lagi isu yang sama, sekali lagi saya kenakan tindakan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker, saya....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Tuan Speaker...(gangguan).

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan timbul lagi, Pinang Tunggal kerjasama. Sekali lagi saya akan ambil tindakan.

### **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Speaker, saya minta maaf, adakah Tuan Speaker akan benarkan Pinang Tunggal untuk tinggalkan Dewan ini, banyak doktor di luar sana, orang Melayu, orang India, orang Cina, semua yang kurang puas hati kerana ikut *profession* doktor kerana mereka akan mengambil sumpah memberi perkhidmatan tanpa mengira bangsa, fahaman politik dan sebagainya.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima duduk, apa yang telah pun diucapkan di Dewan ini dipertanggungjawabkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap dan pada sesi kali ini, saya rasa yang perlunya perbahasan ini dijalankan dengan lebih lancar lagi dan perkara-perkara yang telah pun dibangkit dan yang diperjelaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat masing-masing, setakat ini saya terima dan silakan Permatang Berangan jangan lagi mengganggu dengan perkara-perkara yang tidak kena mengena. Silakan teruskan.

### **Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

YB. Tuan Speaker, satu lagi isu apakah langkah Kerajaan Negeri berkaitan perumahan seperti rumah kos rendah yang terlalu rendah iaitu ketinggiannya begitu rendah tak sampai 10 kaki seperti yang terdapat di Tasek Gelugor, Perumahan Kerajaan Negeri seperti di Tasek Gelugor yang telah berusia lebih daripada 30 tahun ke atas dan perumahan kuarters Kerajaan yang telah usang. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan dan apakah ada rancangan pembangunan semula seperti merobohkan dan membina semula perumahan tersebut. Akhir kata...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Sebentar tentang perumahan lagi. YB. Permatang Berangan, saya juga nak minta kerjasama setelah mendengar hujah daripada YB. Permatang Berangan bukti bahawasanya terdapat semacam kata perbuatan yang seolah-oleh melambat-lambatkan kelulusan kepada projek-projek daripada Kerajaan Pusat. Semalam saya buktikan di Sungai Pinang kalau berapa kali buat permohonan OC dan diberi bermacam-macam alasan tadi pun telah jelaskan oleh YB. Permatang Berangan. Jadi saya minta oleh Kerajaan Negeri supaya apa juga projek yang dibuat oleh Kerajaan Pusat supaya kita membantu

mempercepatkan bukan melengah-lengahkan kerana ini berkaitan rapat dengan keperluan rakyat itu perumahan, kalau pihak Kerajaan Negeri tidak boleh bantu dan sebagainya macam mana kita nak *proceed* kita nak buat rumah-rumah dan kebanyakan rumah yang dibuat oleh agensi Kerajaan Pusat adalah rumah-rumah yang mampu milik dan sebagainya. Jadi saya minta kalau boleh jangan lagi ada sikap yang macam itu kalau boleh tolonglah beri kerjasama dengan Kerajaan Pusat untuk membolehkan kita membuat perumahan yang sesuai untuk rakyat, begitu juga Kerajaan Pusat akan membantu juga permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri oleh MPSP, dan sebagainya. Ini pilihan rakyat janganlah mengambil sikap, kalau ini Kerajaan Pusat punya, tak boleh macam itu, kita buat untuk rakyat maka saya rasa kerjasama penting antara Negeri dan Pusat itu yang saya minta, sekian terima kasih.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd. Hamid):**

Yang Berhormat Tuan Speaker, akhirnya saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi kawasan DUN Permatang Berangan kerana memberi kepercayaan kepada saya mewakili mereka dan saya berdoa agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menjalankan tugas mengikut peraturan Cekap, Adil dan Saksama. Sebagai mana satu kata pepatah ...(dengan izin), *good man make others good*. Yang Berhormat Tuan Speaker saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Ahli-ahli. YB. Sungai Pinang, silakan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

YB. Tuan Speaker saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk menyertai dalam sesi perbahasan terima kasih atas ucapan perasmian Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang Ketiga Belas ini. Yang Berhormat Tuan Speaker saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada rakyat Negeri Pulau Pinang kerana sekali lagi memilih Pakatan Rakyat untuk terus menaungi pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Menerusi usaha gigih pada penggal yang lepas, Pakatan Rakyat sekali lagi mendapat mandat yang kuat daripada Pulau Pinang dan berjaya menambah sebuah kerusi Dewan Undangan Negeri lagi pada penggal ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, pada penggal ini rakyat Pulau Pinang sememangnya menaruh harapan yang besar kepada Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang tentang kemajuan Negeri kita bukan sahaja tidak akan henti setakata pada pencapaian pada penggal tapi menerusi sokongan padu yang diberikan oleh rakyat, nescaya pada penggal ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan terus mencatat kejayaan untuk membalas kepercayaan dan keyakinan para rakyat.

Yang Berhormat Tuan Speaker, seperti Ahli-ahli yang dihormati sedia maklum, Dewan yang mulia ini penggal ini telah disertai oleh sebanyak enam (6) orang ahli wanita ini termasuk Yang Berhormat Telok Ayer Tawar yang merupakan Ketua Pembangkang Negeri Pulau Pinang, tahniah diucapkan. Sehubungan dengan ini saya berharap agar agenda-agenda yang berkait rapat dengan kaum wanita dan keluarga dapat dipertingkatkan lagi dan dibincangkan secara lancar dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker pada masa kini masyarakat kita sedang mengalami perubahan khasnya di laman demokrasi tempatan telah kian dipandang berat bukan sahaja di antara golongan ahli-ahli politik tetapi menerima juga penyertaan seluruh masyarakat seperti yang kita dapat saksikan pada Pilihan Raya Umum yang Ketiga Belas. Justeru itu, menerusi *Budget Responsive Gender* atau (BRG) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan projeknya, projek perumahan rakyat iaitu PPR di Jalan Sungai di bawah KADUN Sungai Pinang. Usaha ini adalah untuk mewujudkan sebuah mekanisme pengurusan di mana melibatkan penduduk di projek perumahan tersebut untuk mengambil bahagian secara langsung dalam proses perbincangan untuk menyuarakan keperluan mereka melalui cara yang sistematik dan kemudian telah mengundi keperluan tersebut secara demokratik. Hasil daripada proses demokratik maka wujudlah pertubuhan komuniti PPR Jalan Sungai yang akan meneruskan program pembersihan bagi projek perumahan mereka dengan lebih cekap lagi, ini adalah satu contoh perubahan positif yang membolehkan penduduk setempat bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk meningkatkan lagi taraf pembersihan sekeliling di rumah kediaman mereka. Sehubungan dengan polisi yang positif ini saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat meneruskan usaha ini dan melaksanakan program ini di seluruh Negeri.

Yang Berhormat Tuan Speaker, susulan dengan kemajuan pembangunan banyak kawasan telah mengalami perubahan yang ketara, dengan pembangunan projek perumahan komersial dan lain-lain cara pesat, sedar dengan situasi ini, saya berharap agar Kerajaan Negeri dapat mengambil langkah yang pro-aktif bagi memantau projek-projek pembangunan ini dan mementingkan pembangunan yang mampan bagi jangka masa panjang.

Ahli-ahli yang saya hormati sekalian, kes-kes kawasan setinggan sering kali dibangkitkan apabila terlibatnya projek pembangunan. Hak-hak dan kepentingan kawasan setinggan juga selalu diabaikan oleh pihak pemaju yang cuma mementingkan projek pembangunan mereka. Sehubungan dengan ini, saya ingin meminta jasa baik Kerajaan Negeri supaya mekanisme ataupun kaedah dapat dirangka bagi menangani isu ini, supaya kepentingan penduduk kawasan setinggan dapat dijamin dan seterusnya dapat mengawal pihak pemaju.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya minta laluan, Yang Berhormat. Saya cuam ingin tambah bahawa sejak 2008, kita lihat Kerajaan Negeri telah pun mengambil kira ataupun secara langsung dan tidak langsung melibatkan diri dalam proses-proses pembincangan penyelesaian dalam kes-kes seperti ini dan kalau kita lihat, kalau sebelum 2008, Kerajaan Negeri tidak pernah melibatkan diri secara langsung dalam menyelesaikan masalah setinggan-setinggan diusir daripada kampung halaman yang mereka telah tinggal sekian hari. Dan satu kesimpulan baik yang dapat saya berikan berlaku di kawasan saya ialah Kampung Buah Pala, di mana sebelum 2008, bila projek itu bermula tahun 2007, 2006, Kerajaan Negeri Barisan Nasional meluluskan semua pelan-pelan di situ dan hanya menawarkan wang sebanyak RM1,000.00 ke RM1,200.00 sebagai pampasan. Tapi selepas 2008 kita mengambil alih memang banyak kejadian-kejadian yang telah berlaku sehinggalah sekarang kita dapati bahawa penduduk kawasan itu telah ditempatkan semula dalam rumah-rumah teres di kawasan di situ, di kawasan lain juga begitu, di Datok Keramat, di Jelutong dan di kawasan-kawasan lain. Juga saya ingin menambahkan bahawa memang kita berterima kasih kepada Kerajaan Negeri sekarang menyanjung tinggi jasa baik mereka kerana kalau dulu sebelum 2008 kita mendapati bahawa pemaju-pemaju diberi *freehand* untuk mengusir keluar, Kerajaan Negeri ketika itu Barisan Nasional hanya menyerahkan kepada penduduk di situ untuk lawan kes di mahkamah sama ada memperolehi pampasan ataupun perolehi kewangan atau satu unit rumah diberikan tetapi sekarang kita lihat terdapat *participation* Kerajaan Negeri dalam semua projek-projek ini di mana kita menjadi perantara *middle man* ...(dengan izin) untuk membincangkan satu penyelesaian yang boleh dicapai di antara pemaju dan juga penduduk-penduduk di kawasan tersebut, cuma ingin menambah setakat ini sahaja. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih YB. Seri Delima, saya setuju dengan apa yang dia katakan oleh YB. Seri Delima, sejak sebagai ADUN Kawasan Sungai Pinang saya telah kena turun padang beberapa kali di kawasan saya, sebab di kawasan saya ada banyak pembangunan dan seperti apa yang diperkatakan oleh YB. Seri Delima, sebagai wakil rakyat kita perlu jadi perantaraan di antara penduduk setinggan dan pemaju dan kami telah bekerjasama dengan penduduk dan pemaju supaya satu pendekatan yang baik *decision* ...(dengan izin) akan dicapai. Saya teruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit saja Yang Berhormat, saya nak tambah, kalau kita lihat, dahulu perkara ini mustahil dilakukan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum 2008, kebanyakan setiap wakil-wakil rakyat Barisan Nasional UMNO khususnya, merupakan pengarah-pengarah ataupun pemegang-pemegang saham dalam syarikat-syarikat pemaju ini dan kita lihat terdapat beberapa kes di mana mereka terpanggil, walaupun untuk campur tangan mungkin mereka risau disebabkan oleh kedudukan mereka sebagai pengarah syarikat, mereka tidak mahu campur tangan secara aktif untuk menyelesaikan perkara ini. Kerajaan sekarang melarang sama sekali wakil rakyat sekarang di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat untuk menjadi pengarah mana-mana syarikat pemaju ataupun secara langsung dan tidak langsung terlibat dalam apa-apa aktiviti kemajuan projek-projek dan sebagainya. Saya rasa perkara ini wajar dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim);**

Terima kasih YB. Seri Delima. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan di sini. Masih segar di ingatan kita disentak dengan peristiwa duka kisah bapa ditikam mati? Si isteri meninggalkan anak-anak yang masih kecil, si anak pula membunuh ibu kandung angkara dadah yang menghantui diri. Statistik kes yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga menunjukkan ada peningkatan kes setiap tahun iaitu daripada 2,503 kes pada tahun 2010 kepada 2,952 kes pada tahun 2011. Senario realiti masyarakat Malaysia hari ini telah menakutkan seolah-oleh masyarakat kita kehilangan rentak memacu keluarga sejahtera, anak-anak muda di bangku persekolahan sudah mempraktikkan gejala sumbang yang ditonton melalui kemajuan teknologi. Persoalannya mampukah kita membentuk akhlak mulia dalam kalangan masyarakat kita dan seterusnya melahirkan keluarga yang bahagia dalam situasi sebegini.

Yang Berhormat Tuan Speaker, cabaran dalam membentuk keluarga bahagia kehidupan moden hari ini bukan sahaja menuntut manusia untuk bekerja keras bagi menampung kehidupan. Namun manusia mula melupakan asas pembinaan keluarga menurut luno dan akhlak yang mulia, pembentukan keluarga *nucleus* ...(dengan izin) tidak lagi menjadi keutamaan dalam era kemodenan ini, para ibu bapa begitu sibuk bekerja sehingga anak-anak dibiarkan membesar tanpa ada pengawasan. Statistik kes lari dari rumah yang dikeluarkan oleh Polis DiRaja Malaysia menunjukkan 87% kes lari dari rumah kerana kelalaian ibu bapa. Pakej keluarga bahagia berteraskan “Yang Muda Disayangi, Yang Tua Dihormati.” Konsep “Rumahku Syurgaku” tidak lagi menjadi ikutan bahkan dipandang sepi dalam masyarakat. Sungguh sedih melihat kehancuran akhlak di kalangan remaja. Imam al-Ghazali pernah berkata untuk melihat kemajuan sesuatu bangsa lihatlah remajanya hari ini. Namun sayang seribu kali sayang, kes-kes moral terus meningkat saban tahun dan dilihat tiada kesudahannya. Sehubungan dengan ini, saya berharap agar Kerajaan Negeri khasnya menerusi EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dapat memberi tumpuan terhadap gejala sosial dan seterusnya dapat mewujudkan kaedah bagi menangani masalah ini.

Yang Berhormat Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat yang dihormati. Peranan wanita dan keperluan wanita dalam masyarakat adalah besar dan penting dengan adanya program-program bantuan seperti ibu tunggal, dan yang terbaru program ibu emas yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri pasti akan melonjakkan lagi peranan wanita di dalam masyarakat khususnya. Dengan penubuhan *bridged* wanita yang tepat pada masanya memungkinkan wanita bergerak dengan seiring dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk memperkasakan peranan wanita dalam memberi khidmat masyarakat sekali gus membantu pelaksanaan dasar pengurusan masyarakat menjana pendapatan isi rumah dan membentuk sahsiah mulia anak muda belia serta beliawanis. Kewajaran dalam mengembangkan lagi bantuan kepada komuniti wanita perlu diperluaskan lagi oleh Kerajaan Negeri seperti mengkaji semula bantuan yang lebih dinamik agar setiap wanita di Negeri ini mendapat manfaat.

YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang dihormati, akhir kata ini diuikrkan agar kita dapat mengekalkan warisan gemilang Pulau Pinang tanpa menggalangantikan norma-norma budaya kita sebagai masyarakat majmuk kepelbagaian dalam beragama, pergaulan, pendapatan, ekonomi serta sosial. Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan Kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang, Kesopanan Dan Kesusilaan yang kita dokong sebagai rakyat Malaysia. Bersama-sama kita merealisasikan Malaysia untuk rakyat Malaysia yang berlatarbelakangkan Pulau Pinang dengan memberi hak kepada yang berhak. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya. Pulau Tikus dipersilakan.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

YB. Tuan Law Choo Kiang, Speaker Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Antara wayang filem yang paling dikikis, ditekap dalam memori saya adalah sebuah filem daripada Negara China. Filem-filem Negara China biasanya amat berkesan menggambarkan kepahitan dan penderitaan kehidupan. Dalam filem ini Negara China dalam keadaan huru-hara akibat serangan Negara Jepun. Watak utama telah melarikan diri dari kampung dan sempat membawa isterinya yang mengandung ke hospital besar yang penuh dengan orang yang cedera dan sakit. Dia terjumpa dengan seorang yang kelihatan hampir mati. Orang tersebut berkata bahawa dia sudah lama tidak makan dengan sebanyak tenaga yang dia masih ada orang tersebut merayu agar watak utama memberinya makanan. Watak utama pun memberinya pau satu (1), dua (2), tiga (3), empat (4), lima (5) biji. Dia terpegun macam mana orang ini boleh makan begitu banyak pau, tetapi disebabkan semakin makan, orang tersebut semakin gembira maka watak utama terus memberinya makanan dan akhirnya berkata bahawa dia patut minum sedikit air juga lalu memberinya air. Orang itu dengan cepat menghabiskan air itu. Tiba-tiba perutnya sakit, dia muntah dan bergelut dalam kesakitan dan dia mati. Pau yang dimakan telah berkembang dalam perutnya apabila dia meminum air dan perutnya sudah tidak tahu bagaimana meneruskan begitu banyak makanan setelah lama tidak makan. Isteri watak utama juga mati semasa melahirkan anak dan anaknya pula sudah pun mati sebelum dilahirkan. Watak utama tersebut akhirnya kelaparan juga kerana telah memberikan semua makanannya kepada orang tadi.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Tikus. Kita habiskan perbahasan.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Orang Cina memang tahu tulis cerita pahit. Saya membentangkan cerita itu kerana ingin menggambarkan kelaparan. Bagi saya, program-program kebajikan dan penghargaan Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang adalah seperti usaha membantu orang yang lapar. Rakyat Pulau Pinang yang berasa mereka sudah lama tidak menerima bantuan daripada kerajaan dan sebelum ini perlu berjuang sendiri demi *survival* kehidupan mereka dan keluarga mereka. Kini amat bersyukur kepada Agenda Ekonomi Saksama (AES) Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang.



### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Ahli Pulau Tikus. Sejauh manakah Ahli Pulau Tikus rasa pemberian RM100.00 setahun itu dapat memenuhi keperluan orang yang begitu lapar tadi. Berapa buah kuih pau boleh beli?

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, kalau Yang Berhormat prihatin terhadap ucapan Tuan Yang Terutama dalam agenda AES itu, ada juga program di mana setiap isi keluarga mendapat sekurang-kurangnya RM770.00 sebulan dan dalam pengalaman saya mengagihkan wang RM100.00 bagi warga emas, pelajar emas memang ia memberi *sense of security* ...(dengan izin) kepada rakyat. Sebagai rakyat Pulau Pinang saya memang amat gembira kerana Kerajaan Pakatan Rakyat berikhtiar menetapkan pendapatan minimum sebanyak RM770.00 sebulan dan memastikan bahawa semua isi keluarga di Pulau Pinang akan ada sekurang-kurangnya RM770.00 setiap bulan.

Ini penting untuk meringankan beban keluarga miskin, melepaskan mereka daripada perasaan bimbang, sedih dan takut dan membantu mereka. Yang pentingnya membantu mereka merancang kehidupan dan kembali kepada rohani yang sihat dan berdaya diri tetapi pada pendapat saya ini hanya keperluan asas ...(dengan izin) *this is the minimum welfare any government should provide it's people*. Apabila seorang telah pun kembali kepada kenyang, selamat dan bertenaga semula kami perlu membantunya berdaya diri lagi bagi kelangsungan jangka masa panjang.

Pada penggal Kedua Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang kami perlu bergerak kepada tahap kedua iaitu melancarkan dan menggerakkan rangka-rangka kerja, institusi-institusi, tenaga kerja dan ciri-ciri yang diperlukan sesebuah Negeri untuk memastikan kelangsungan Negeri Pulau Pinang dan Malaysia dalam jangka masa panjang. Ini mungkin merangkumi keputusan-keputusan yang lebih susah dilaksanakan dan sumber manusia dan kegigihan yang lebih gigih lagi, tetapi diperlukan kerana penting bagi jangka masa panjang. Maka dengan hormatnya saya ingin memberi sedikit banyak cadangan untuk mempertingkatkan kejayaan Negeri Pulau Pinang seperti yang dihujah oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dalam ucapan sempena perasmian mesyuarat ini.

Untuk meneruskan AES dan demi masa depan Pulau Pinang serta masa depan Malaysia juga, kami perlu mengatasi cabaran kewangan dan impak kemerosotan ekonomi yang melanda seluruh dunia. Adalah amat penting kami meneruskan usaha merencanakan industri bukan sahaja pelaburan tetapi ekonomi Negeri pada keseluruhannya. Banyak faktor-faktor yang kritikal bagi

pemantapan dan pembangunan Negeri Pulau Pinang. Pertama sekali ada kalangan yang berpendapat bahawa pelabur asing dan syarikat multinasional adalah seperti gejala dadah Pulau Pinang. Syarikat multinasional telah membolehkan perangsangan ekonomi Negeri dan menyumbang bilangan pekerjaan dan pendapatan kepada rakyat dan Negeri Pulau Pinang, tetapi ini mewujudkan situasi *reliance*. Pergantungan kepada syarikat-syarikat asing. Pekerja-pekerja yang selesa bekerja dengan syarikat asing akan kurang berminat memperjuangkan perniagaan sendiri.

Di Pulau Pinang kami bernasib baik kami ada banyak syarikat besar multinasional maka ramai pekerja-pekerja dan peniaga-peniaga kecil yang gembira bergantung kepada syarikat asing, tetapi semasa kajian penyediaan Penang Paradise kebanyakan usahawan tempatan kurang berminat mengambil risiko membuat penyelidikan untuk meningkatkan produk-produk mereka kerana mereka berasa pendapatan mereka sebagai *vendor* syarikat multinasional sudah mencukupi walaupun tidak lumayan. Usahawan Pulau Pinang ...(dengan izin) mempunyai *low risk appetite*, pada halnya kesungguhan mengambil risiko adalah salah satu kriteria usahawan dan diperlukan untuk mempertingkatkan teknologi dan menerokai pasaran luar negara. Moga-moga sekarang dengan adanya AES dan amanah Kerajaan Pakatan Rakyat usahawan-usahawan Negeri Pulau Pinang akan lama-lama lebih selesa mengambil risiko kerana mereka tahu mereka selamat dalam bimbingan Kerajaan berjiwa rakyat. Namun bagi mereka yang kini pun sanggup mengambil risiko mereka memerlukan pertolongan Kerajaan.

Di setiap negara yang maju *intervention* Kerajaan diperlukan untuk membantu dan menggalakkan usahawan tempatan. Kerajaan Pusat Malaysia mempunyai banyak program dan *branch* tetapi tidak senang dimenangi oleh perniagaan yang terletak di Pulau Pinang. Hanya mereka yang tahu atau pun kenal orang yang tahu yang dapat memenangi anugerah atau geran. Taklimat-taklimat dan temu duga-temu duga biasanya diadakan di Kuala Lumpur dan tidak banyak dipromosikan di Pulau Pinang. Walau pun ada juga syarikat Pulau Pinang yang kerap memenangi anugerah SME Corp, kebanyakan usahawan Pulau Pinang masih ketinggalan. Kami sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut lebih tahu daripada Kerajaan Pusat siapa yang *deserve* yang patut menerima anugerah kecemerlangan. Jangan-jangan sekali kami biarkan tradisi di mana orang yang kenal orang sahaja yang mendapat bantuan. Pulau Pinang mempunyai banyak usahawan, penyelidik yang cerdas.

#### **Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. Terima kasih Ahli Pulau Tikus dan Tuan Speaker. Saya rasa ahli Pulau Tikus tidak boleh mempersoalkan kaedah bagaimana SME Corp., atau pun lain-lain anugerah yang diberikan untuk usahawan kerana mereka tentu mempunyai garis panduan dan sebagainya. SME Corp., mendaftar

semua usahawan di bawah dia dan tentunya kalau hendak bagi anugerah semua yang di bawah senarainya dipertimbangkan. Jadi adalah tidak adil mengatakan bahawa hanya yang kenal, hanya orang tertentu sahaja. Ini tidak benar dan tidak sepatutnya kerana sebagai satu badan yang bertanggungjawab, ianya tentulah mempunyai kaedah-kaedah dan kalau Negeri Pulau Pinang hendak membuat anugerah sendiri, teruskan tidak ada sesiapa menghalang. Buatlah anugerah usahawan untuk Pulau Pinang. Kita pun hendak juga lihat pengiktirafan kepada usahawan-usahawan yang telah dipelopori oleh Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi yang ada. Kenapa? Tidak ada masalah, teruskan.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan ahli Yang Berhormat Pulau Tikus. YB. Tuan Speaker, baru-baru ini saya diberi peluang untuk merasmikan seminar PKS yang diatur oleh SME Corp. Ada satu angka yang saya hendak sebut sebab tadi Yang Berhormat kata orang yang kenal sahaja, orang itu akan dapat, betul ada keistimewaannya? Kalau tidak salah saya 120 juta geran telah pun diberikan kepada Pulau Pinang, daripada jumlah yang banyak itu untuk Bumiputera 8.8 juta sahaja. Siapa kenal siapa? Jangan sebut isu ini, saya rasa ini adil, siapa yang minta ada kekuatan mereka produk mereka diketengahkan kerajaan bagi. Angka-angka ini kalau kita lihat memang kita pun tidak puas hati sebenarnya, tapi saya rasa pada usahawan yang mempunyai produk untuk diketengahkan yang berpotensi dipasarkan di antarabangsa dan sebagainya mereka layak mereka mendapat. Jangan sebutkan kata yang mana yang kenal dan sebagainya saya rasa itu pun tidak adil kepada SME Corp., kerana mereka mempunyai kriteria penilaian masing-masing.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Minta laluan Pulau Tikus. Boleh? Saya cukup tertarik dengan apa yang disebut oleh Telok Ayer Tawar tadi. Maksudnya apa yang SME Corp., buat pemilihan kita tidak boleh soal. Kalau macam itu apa gunanya kita duduk di sini. Apa yang Kerajaan Negeri buat kita tidak payah soal. Betul logiknya tidak betul.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Yang Berhormat Bukit Tengah, setiap institusi yang menawarkan geran dan sebagainya mereka mempunyai kriteria masing-masing, so keperluan mereka di situ apa yang mereka perlu kita harus *comply* dan kita bagi, sebab itu kita harus melihat dan tadi masih bagi tadi ini memang diberikan banyak dan bagi kita sendiri pun, saya melihat kenapa jumlah sedikit diberikan kepada bumiputera rupanya ada kriterianya yang perlu dipenuhi oleh semua usahawan. Bagi mereka yang memenuhi keperluan itu mereka akan mendapat geran itu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Pulau Tikus.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pulau Tikus sila teruskan.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):**

Penjelasan. YB. Pulau Betong, saya rasa apa yang saya maksudkan ialah apa yang disebutkan oleh YB. Telok Ayer Tawar ialah beliau mempertikaikan kenapa YB. Pulau Tikus mempertikaikan *selection* tersebut dan Telok Ayer kata tidak payah pertikaikan *selection* itu kerana ianya ada kriteria-kriteria tertentu. Kalau macam itu apa yang *selection* yang kita buat itu malahan kalau kata ikut ada tarikan berdasarkan kriteria-kriteria itu kita tidak payah persoalkan. Macam mana semalam YB. Telok Bahang mempersoalkan calon-calon yang datang ke syarikat JABIL itu kena ada yang datang untuk temu duga perlu ada syarat-syarat pengetahuan bertutur Bahasa Mandarin dan bahasa lain. Kalau macam itu mengapa Telok Bahang mempertikaikan. Ini yang saya tidak faham.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan YB. Pulau Tikus. Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Speaker. Saya menyatakan bahawa YB. Pulau Tikus tidak seharusnya mempersoalkan pemberian itu kerana ia melalui kaedah-kaedah tertentu, tidak ada pun dalam kaedah itu menyatakan ianya perlu ada sokongan sesiapa pun, tidak ada. Telah dibuktikan di sini melalui angka di mana pemberian itu berdasarkan kepada merit, siapa layak, siapa yang memenuhi syarat, dia dapat. Ia tidak kira siapa, *it is a color blind*, ...(dengan izin), jadi kenapa hendak dipersoalkan. Kalau kita hendak buat kriteria baru, teruskan, untuk Pulau Pinang. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

YB. Pulau Betong, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana menyorot bahawa rupa-rupanya sama ada anda seorang Bumiputera mempunyai peranan sama ada atau patut dan tidak patut atau sama banyak kurang memenangi anugerah kecemerlangan. Sebenarnya sebagai seorang Bumiputera atau sebaliknya. Bagi YB. Telok Ayer Tawar, sebenarnya ulasan saya ini juga berhubung dengan dasar disentralisasi, bukannya saya ingin menyoal kaedah SME Corp., dan memilih pemenang. Dengan mengikut dasar ataupun prinsip disentralisasi, memang lebih senang dan lebih efektif Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendekati dan mengenali usahawan-usahawan yang terletak di Pulau Pinang kerana Pulau Pinang mempunyai banyak usahawan penyelidik yang cerdas dan berupaya tetapi mungkin tidak mendapat sokongan yang mencukupi. Saya mencadangkan...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan, minta laluan Pulau Tikus, baru-baru ini YB. Pantai Jerejak ada merasmikan Hari Keusahawanan, mungkin boleh mengambil kira cadangan yang dibuat oleh Pulau Tikus, supaya Pantai Jerejak juga mengambil untuk menyiapkan diri sendiri untuk Pulau Pinang ini, kita tahu Pulau Pinang banyak idea dan sebagainya. Mungkin Pantai Jerejak boleh memperkembangkan idea yang diingini oleh Pulau Tikus. Jangan menyalahkan orang lain.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya mencadangkan agar sebahagian sebenarnya peruntukan EXCO Sains, Teknologi & Inovasi ditumpukan untuk menyokong usaha penyelidikan dan peningkatan teknologi dan perbezaan antara EXCO Sains, Teknologi & Inovasi Negeri Pulau Pinang berbanding dengan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi haruslah bahawa geran dan peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah berdasarkan merit dan ditentukan oleh panel yang benar-benar pakar dalam bidang sains atau teknologi yang berkaitan. *Penang can lead on this. Penang can show them how it is done, ...*(dengan izin).

Tumpuan EXCO Sains, Teknologi dan Inovasi harus juga dipanjangkan kepada penyelidik-penyelidik di universiti-universiti awam. Pada zaman dahulu, pihak universiti dan pihak Kerajaan Pakatan Rakyat kurang menjalin perhubungan kerana ...(dengan izin)nya, *politics gets in the way, when it should not. For the sake of our country, politics should not get in the way.* Pada penggal kedua Kerajaan Negeri Pulau Pinang Pakatan Rakyat sebagai kerajaan yang walaupun hanya lima (5) tahun tetapi bersifat lebih matang daripada kerajaan yang sudah 56 tahun. Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh lebih proaktif mendekati penyelidik-penyelidik di dalam universiti kerana

mereka memerlukan kita. Mereka yang berkebolehan tetapi ditindas oleh sistem kroni memerlukan kami. Geran daripada EXCO Sains, Teknologi dan Inovasi Negeri Pulau Pinang boleh membantu mereka dan mereka boleh merasai perbezaan jika pemilihan kita berdasarkan merit dan ditentukan oleh panel yang benar-benar pakar dalam bidang sains atau teknologi yang berkaitan....(dengan izin)nya, *let us be the first state in Malaysia to take the development of science, technology and innovation back into our hands. Let us decentralize, let us grow a knowledge society, a knowledge government.*

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sedikit penjelasan. Terima kasih. Saya ingin menjemput Yang Berhormat untuk memberi komen. Saya tertarik dengan cadangan yang diberikan tetapi apa yang telah berlaku sekarang adalah begini. Di peringkat sekolah pun, bila ada sukan sekolah yang diadakan setiap tahun, kita ingin mendekati pihak sekolah. Pihak sekolah ada meminta bantuan dari kita dan kita selalu beri tetapi kita langsung tidak dijemput untuk menghadiri majlis-majlis. Bila tanya Guru Besar dia beritahu arahan dari pihak Kementerian. Pihak sekolah terlalu takut, kerana takut dan tidak mahu Pakatan Rakyat mempengaruhi atau sekolah terpengaruh dengan kerja-kerja baik kita. Masih ada lagi amalan kuku besi, saya katakan di sini kerana ada pengerusi-pengerusi PIBG sekolah beritahu kepada kita. Perkara ini banyak berlaku, jadi bagaimanakah cadangan Yang Berhormat supaya kita masuk pula universiti-universiti, di situ lagi teruk, dekan-dekan akan lagi takut, kalau jemput sahaja wakil-wakil dari Pakatan Rakyat, tidak akan diberi promosi, tidak akan diberi kenaikan pangkat dan sebagainya. Saya jemput Yang Berhormat untuk memberi komen, terima kasih.

**Timbalan Ketua Menteri I (YB. Haji Mohd. Rashid Bin Hasnon):**

Penjelasan Yang Berhormat Tuan Speaker. Saya mengambil daripada apa yang disebut tadi bahawa universiti-universiti banyak mengeluarkan idea-idea dan khususnya kalau kita melihat di Pulau Pinang sendiri, universiti yang ternama di sini berjaya mengeluarkan produk-produk hasil daripada inovasi mereka. Selaku orang bertanggungjawab dalam usahawan ini, produk-produk tersebut harus dikomersialkan dan di sinilah sebenarnya peluang yang terbaik yang kita harus gabungkan bagaimana untuk meneruskan usaha-usaha daripada inovasi dan reka cipta daripada universiti-universiti. Pada masa sekarang ialah bahawa untuk usahawan memasuki universiti itu merupakan satu perkara yang agak susah dan mungkin kita tidak dapat lawan. Usahawan cukup ramai di Pulau Pinang seperti yang disebutkan tadi dan YB. Pulau Betong telah menyebutkan bahawa yang tidak mendapat pekerjaan sebagai *employee* maka usaha untuk menyediakan mereka untuk menceburkan diri dalam keusahawanan adalah amat penting. Peluang untuk mendapat kelulusan daripada institusi-institusi sebegini adalah amat sukar dan mungkin kita boleh minta idea daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya ingin minta penjelasan dari kedua-dua sekali, YB. Pulau Jerejak dan Pulau Tikus. Saya hendak minta dari YB. Pulau Tikus tolong beri satu (1) atau dua (2) atau tiga (3) contoh yang menunjukkan bahawasanya pemilihan usahawan atau hadiah inovasi itu tidak betul dan beri pada orang yang salah. Saya minta tolong beri contoh, *to be fair* kepada kementerian yang memberi *awara* itu. Kepada YB. Pantai Jerejak, tinggal dekat USM, saya tahu, *super-corridor* dengan kerjasama dengan pihak kilang-kilang, mereka ada buat sebenarnya, *base* daripada dekan itu sebenarnya, supaya *researcher* dari USM dapat kolaborasi dengan pihak kilang dengan kerjasama SIA ke arah mewujudkan lebih ramai usahawan, itu sebenarnya ada. Baru-baru ini pada tahun sudah saya menghadiri satu program dengan lebih kurang 100 lebih pelajar USM yang bekerjasama dengan pihak kilang-kilang untuk mengeluarkan produk-produk baru. Ini wujud sebenarnya untuk pengetahuan YB. Pulau Jerejak.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya menjawab kepada YB. Seri Delima. Sebab itu saya membentangkan tentang kematangan dalam usaha menyokong penyelidik-penyelidik dalam universiti, saya rasa kita harus sedar bahawa ini adalah demi kebaikan negara, demi peningkatan dan demi menyokong usaha penyelidikan di Negeri Pulau Pinang dan untuk meningkatkan mutu penyelidikan di dalam Negeri Pulau Pinang dan bukan setakat ingin menghadiri majlis jempunan universiti. Sebab itu saya rasa sebagai Kerajaan yang lebih matang yang dapat *see past the politics*, yang tidak akan memberi perasaan bahawa politik telah mengaburi visi kami. Saya rasa lama-kelamaan penyelidik-penyelidik dan orang akademik dalam universiti dapat melihat sokongan daripada Kerajaan Pakatan Rakyat maka *we can win them over*, ...(dengan izin)nya.

**Timbalan Ketua Menteri II (YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy):**

Penjelasan YB. Pulau Tikus. Terima kasih. Saya ingin bertanya satu soalan ringkas. Apakah peranan USM dalam masyarakat Pulau Pinang, sejauh mana masyarakat mendapat faedah daripada ciptaan-ciptaan dan rekaan-rekaan daripada USM? Tambahan pula apakah kaitan antara universiti tempatan dengan masyarakat di sini, sebagai *apex university*. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Disebabkan latar belakang. Mungkin saya akan menjawab YB. Pantai Jerejak dulu.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat Pulau Tikus boleh pilih, jelas tak perlu atau boleh pilih hendak jawab mana dulu. Sila teruskan.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Saya akan menjawab kepada YB. Perai dahulu. Berdasarkan latar belakang saya dalam bidang Sains Kajihayat saya akan bercakap mengenai bidang Sains Kajihayat. Kerajaan Malaysia telah lama cuba membangunkan Industri Bioteknologi. Industri bioteknologi memang tidak boleh dinafikan adalah salah satu ekonomi yang akan meningkat pada masa hadapan, *in the immediate future*. Dengan menyokong penyelidik-penyelidik di universiti kita juga akan menyokong ekonomi Negeri dan Negara. Mutu penyelidikan dalam universiti akan memberi kesan terhadap graduan universiti serta jenis teknologi dan jenis maklumat yang keluar daripada universiti terus kepada perniagaan serta rakyat Pulau Pinang. *I think* saya harus sambung.

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penjelasan sikit saja. Saya hendak sentuh mengenai apa yang dicakapkan oleh YB. Perai, boleh?

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Biar YB. Pulau Tikus teruskan.

### **Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Bagi infrasturktur dan kemudahan, saya gembira mendengar seruan TYT Yang di-Pertua Negeri bahawa infrastruktur jalan raya Pulau Pinang perlulah dipertingkatkan setaraf dengan negara-negara maju. Namun saya rasa Negeri Pulau Pinang haruslah jelas negara atau bandar manakah yang menjadi sasaran kita. Los Angeles, New York, Taipei, Tokyo, London, Melbourne atau Singapore. Kesemua bandar ini dan juga negara-negara lain adalah lebih maju tetapi berbeza antara satu sama lain.

Saya risau kerana tidak lama lagi akan ada penukaran lalu lintas di Pulau Tikus. Tetapi fokus pihak konsultan seolah-olah kepada pergerakan kereta sahaja, pada halnya banyak orang yang berjalan kaki di Pulau Tikus. Ada banyak kenderaan motosikal, pengguna basikal, pengguna bas dan ada banyak orang yang melalu lintas untuk membeli-belah. Mungkin kita tidak berapa perasan kerana 10 buah kereta akan memenuhi Dewan ini tetapi sepuluh (10) orang penunggang motosikal ataupun sepuluh (10) orang pengguna bas hanya akan memenuhi barisan ini. Namun bilangan orang



dalam sepuluh (10) buah kereta biasanya sama dengan sepuluh (10) orang pengguna bas. Perbezaannya adalah sepuluh (10) buah kereta akan mengambil tempat seluruh Dewan ini. Saya risau kerana jika sasaran kita adalah bandar Los Angeles, ...(dengan izin)nya, *then we are in trouble*. Kita akan menghadapi masalah kerana wang subsidi negara dan sumber petrol Petronas akan terhad. Kami akan menghadapi masalah kerana 191 buah Negara serta rantau European Union telah meratifikasikan Protocol Kyoto yang merangkumi penggunaan, ...(dengan izin) *emissions trading scheme* untuk mewujudkan sistem pasaran bagi sumber karbon. Kami akan menghadapi masalah kerana 33 buah negara dan 18 sub-negara sudah pun mempunyai sistem harga karbon. Dalam kata lain, ...(dengan izin) *to put simply*, tidak boleh dinafikan bahawa harga petrol antarabangsa akan meningkat dan satu (1) hari nanti, Malaysia tidak akan dikecualikan. Tambahan lagi, penambahan bilangan populasi akan menjadikan penggunaan kereta tidak digalakkan.

Dengan hormatnya saya faham bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak dapat melantik sistem pengangkutan awam yang dikawal oleh Kerajaan Pusat. Tetapi, jika kita tidak memberi tumpuan kepada pengguna-pengguna jalan raya selain daripada kereta, iaitu pejalan kaki, pengguna motosikal dan pengguna bas, dan lebih tertumpu pula kepada kesesakan kereta sahaja. Maka kami tidak akan melepaskan diri dari kesesakan kereta dan mungkin akan mengikat jalan raya Pulau Pinang bagi penggunaan kereta sahaja. Walaupun sepuluh (10) buah kereta akan memenuhi Dewan yang mulia ini, tetapi keselamatan dan keselesaan sepuluh (10) orang pejalan kaki haruslah dibela dengan tumpuan yang sekurang-kurangnya sama dengan sepuluh (10) pengguna kereta. Begitu juga sepuluh (10) orang pengundi pemandu kereta semasa pilihan raya, adalah sama dengan sepuluh (10) pengundi pejalan kaki, sama dengan sepuluh (10) pengundi peniaga yang perniagaan mereka akan terjejas jika pengubahsuaian lalu lintas tidak dilaksanakan dengan prihatin.

Saya mencadangkan agar Jawatankuasa Khas ditubuhkan dengan mandat dan peruntukan untuk menguruskan kajian ke atas penggunaan jalan raya selain daripada kereta dan mengenal pasti keperluan infrastruktur bagi keselamatan dan keselesaan pengguna-pengguna lain ini. ...(dengan izin)nya, *I volunteer Pulau Tikus to be a pilot site for this study*. Saya amat berbesar untuk menumbang sepenuh tenaga demi pengendalian dan kejayaan kajian ini. Selain daripada itu, kami perlu mengubah sistem *parking* kereta dan mengubah sistem yang baru. Saya mencadangkan sistem terhad masa dan permit penghuni tempatan bagi meningkatkan peluang *parking* untuk semua dan menyelesaikan masalah *parking* bagi penghuni tempatan. Kami perlu mencari tempat meletak kereta tambahan terutamanya di Pulau Tikus.

Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Pulau Pinang telah pun berjaya menjamin keperluan asas individu. Tetapi banyak lagi keperluan asas bagi pembangunan ekonomi dan penarikan sumber manusia diperlukan. Kini

cabaran penggal kedua Kerajaan Pakatan Rakyat merangkumi pelancaran dasar-dasar yang akan memelihara kebajikan rakyat dan Negeri dalam jangka masa panjang. Kami harus memberi pau, tetapi janganlah keterlaluan dan jangan setakat memberi pau sahaja. Mogalah dasar pemberian, kami tidak mengakibatkan kelaparan pada hari kelak.

Untuk mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi Pulau Tikus kerana memberi peluang kepada saya untuk mewakili mereka di Dewan Undangan Negeri yang dihormati ini. Sebagai ADUN baru, saya ingin merakamkan setinggi hormat dan penghargaan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri penggal lepas atas kejayaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang, mempertingkatkan kebajikan dan kualiti hidup rakyat melalui pentadbiran pemimpin-pemimpin Negeri yang berdedikasi, cekap, telus dan amanah. Kejayaan ini yang membolehkan kejayaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang dalam Pilihan Raya ke-13. YB. Tuan Speaker, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan YB. Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk memberi ucapan dalam Dewan yang mulia ini. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, sebelum merakam ucapan saya, saya minta semua Yang Berhormat -Yang Berhormat wakil rakyat kerana dipilih oleh rakyat berbagai kaum, Cina, India dan Melayu. Mintalah jangan sentuh isu perkauman seperti *racist* di dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di kawasan N19 Jawi tanpa mengira kaum India, Cina dan Melayu. Yang memberi mandat dan sokongan besar kepada saya pada Pilihan Raya Yang ke-13 yang lepas ini. Saya berjanji akan berusaha sedaya upaya untuk mempertahankan kepentingan dan hak penduduk di kawasan Jawi N19 ini dan bukan untuk main isu perkauman dalam Dewan yang mulia ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Ya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya cuma ingin menyatakan di sini bahawa yang memainkan, memang nasihat itu, saya terima baiklah. Tetapi yang memainkan isu perkauman bukanlah daripada Pakatan Rakyat, yang ini daripada Barisan Nasional yang sedang mainkan isu perkauman. Sampai ada yang menuduh mengatakan bahawa seorang doktor Cina tak memberi perkhidmatan atau rawatan kepada seorang Melayu. Ini isu bukan untuk digelak ketawa YB. Tuan Speaker. Saya amat dukacita, saya menyatakan di sini. Saya telah terima banyak panggilan kelmarin, banyak daripada kawan-kawan sekolah saya yang telah belajar. Ada di kalangan Melayu, India, Cina yang menyatakan kenyataan Pinang Tunggal ini adalah yang terkutuk. Dan perlu diberi amaran serius oleh Dewan yang mulia ini. Kalau benarkan dia lari keluar, tak tahu di mana dia dah lari keluar sekarang, dan biarkan dia tidak minta maaf. Tak boleh benarkan, jadi saya ingin cuma ingin menyatakan yang bersikap begitu yang degil dan buat-buat bodoh adalah daripada Pinang Tunggal.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Jawi teruskan.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker. Saya sebagai wakil rakyat di kawasan Jawi N19, berpendapat bahawa di Negeri Pulau Pinang, memang kita mempunyai sumber manusia dan kemudahan infrastruktur yang akan menjadi faktor pendorong kepada sosial ekonomi, terutama dalam sektor perindustrian dan sektor pelancongan. YB. Ahli Dewan yang mulia ini, dan juga YB. Tuan Speaker, hari ini beberapa usul yang saya akan sentuh di Dewan yang mulia ini.

Pertama, kawasan perindustrian dan pelaburan. YB. Tuan Speaker dan Ahli Dewan yang mulia ini, kita dapat melihat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang ditadbir di bawah pimpinan Pakatan Rakyat sejak tahun 2008, sehingga sekarang telah mendapat pencapaian yang baik. Iaitu berjaya menarik pelabur yang paling besar di Asia 2 tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 2010 dan juga tahun 2011. Di kawasan Seberang Perai Selatan, terutamanya di kawasan N19 Jawi, cuma ada 5.15% atau seluas 310.71 hektar tanah yang digunakan untuk tujuan perindustrian. Buat sementara waktu yang saya fahami hanya 1 kawasan perindustrian di kawasan zon Jawi N19 ini. Iaitu kawasan perindustrian Bukit Panchor.

Saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri patut meneruskan usaha untuk mempertingkatkan pelaburan di Pulau Pinang terutama dalam sektor perindustrian dan juga perembangkan keupayaan IKS tempatan. Sebagai contoh, kita dapat lihat kawasan perindustrian Bukit Minyak telah dimajukan oleh PDC, pihak PDC dengan berjaya. Jika kita melihat 20 tahun yang lepas, kawasan Bukit Minyak adalah kawasan yang penuh dengan tanaman pokok kelapa sawit. Ini adalah contoh yang baik di mana kawasan perindustrian yang berkembang dengan pesat. Di Bukit Minyak secara tidak langsung telah membawa kepada pembangunan taman kediaman yang pesat di kawasan Juru iaitu di kawasan ADUN Bukit Tengah. Di mana kawasan Juru dulu adalah dengan tanaman pokok kelapa. Tetapi sekarang di kawasan Juru ADUN Bukit Tengah telah dibangunkan dengan kawasan kediaman. Saya difahamkan Kerajaan Negeri telah pun merancang pembangunan ala Industrial Park SME Village di Batu Kawan. Di samping itu, Jambatan Pulau Pinang yang kedua yang menyambungkan kepada kawasan Pulau ke Seberang Perai SPS, kawasan Bukit Tambun, kawasan YB. Tuan Speaker, dan jika lengkap siap untuk diguna pada bulan September tahun ini. Kedua-dua faktor ini akan membawa pembangunan kepada sektor perindustrian kerana dengan adanya sistem pengangkutan yang baik, ia akan menjadi salah satu faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesuatu kawasan.

YB. Tuan Speaker, dengan adanya Jambatan Pulau Pinang yang Kedua, saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut memperluaskan lagi kawasan perindustrian dari kawasan Bukit Minyak ke kawasan Batu Kawan dan terus ke kawasan Nibong Tebal. Ini adalah kerana kawasan Nibong Tebal masih ada potensi yang tinggi untuk dibangunkan. Memandangkan peratusan tanah yang digunakan untuk tujuan perindustrian di kawasan ini masih sangat rendah iaitu 5.15% sahaja. Sebagai contoh yang baik, pembinaan Jambatan Pulau Pinang pertama pada tahun 1985 telah membangunkan kawasan perindustrian Bayan Lepas. Sehingga sekarang kawasan Bayan Lepas terkenal sebagai kawasan perindustrian yang pesat dengan adanya pelabur asing yang banyak.

Saya berpendapat bahawa Negeri Pulau Pinang patut membangun kawasan perindustrian di N19 Jawi. Maka ia akan menjadi satu tumpuan kepada pelabur tempatan dan juga pelabur asing. Kerana dengan adanya sektor perindustrian, bukan sahaja peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan dapat dipertingkatkan malah pendapatan penduduk di kawasan Jawi juga dapat dipertingkatkan. Dengan adanya peluang-peluang pekerjaan seperti ini, maka penduduk tempatan tidak perlu lagi mencari pekerjaan di kawasan lain. Di samping itu, jika kita lihat di kawasan Batu Kawan sudah ada projek perumahan yang besar. Ia dapat membawa kepada perkembangan ekonomi di kawasan berhampiran seperti di kawasan Simpang Empat, kawasan Bukit Tambun dan seterusnya kepada kawasan Bukit Panchor dan Jawi. Usul kedua, pembangunan pelancongan. Saya berasa bangga ...(gangguan).

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

YB. Jawi, bersetujukah YB. Jawi jika seperti dicadangkan kepada pihak kerajaan tempatan dan Negeri supaya dalam usaha untuk membuat pengezonan semula di kawasan ini, kita dekatkan perumahan dengan kawasan bekerja, supaya kita dapat menjimatkan masa, tenaga dan sebagainya. Jadi bermakna orang yang bekerja di tempat itu, tinggal di tempat itu, dekat. Ini saya rasa untuk kebaikan dan saya minta dari pihak MPSP kalau boleh, daripada MPPP juga, mempertimbangkan pengezonan semula, supaya rakyat Pulau Pinang ataupun dalam Parlimen Pulau Pinang, pastikan dia bekerja dan tempat tinggal itu berdekatan. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Terima kasih. Saya berasa bangga kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya menarik 6.09 juta pelancong, di mana 3.09 juta adalah pelancong asing. Ini menunjukkan bahawa industri pelancongan boleh dijadikan salah satu pendorong kepada pembangunan sosial ekonomi. Persoalan saya, daripada 6.09 juta pelancong ini berapa peratus pelancong yang melancong di kawasan Seberang Perai. Walaupun terdapat berbagai tempat pelancongan yang istimewa di Pulau Pinang. Tetapi saya berpendapat bahawa di kawasan Seberang Perai juga mempunyai berbagai tempat berpotensi untuk dijadikan tarikan pelancong. Selama ini, tempat-tempat pelancong di kawasan Seberang Perai telah wujud tetapi tidak diberi tumpuan oleh Kerajaan. Saya berpendapat bahawa EXCO Pelancongan haruslah memainkan peranan yang penting terutama untuk membangunkan tempat-tempat pelancongan di kawasan Seberang Perai. Sebagai contoh, di kawasan N19 Jawi saya, kelip-kelip di Kampung Sanggang telah lama wujud tetapi tidak diwar-warkan atau dibangunkan sebagai tempat pelancongan. Keadaan ini, sangat berbeza jika kita berbanding dengan Kuala Selangor yang juga terdapat kelip-kelip yang telah dibangunkan menjadi satu tumpuan untuk tempat pelancongan di Negeri Selangor. Ini telah membuktikan bahawa kekurangan promosi tentang kelip-kelip di Kampung Sanggang ada dari segi promosi melalui *Google Map* ataupun risalah telah menyebarkan, industri pelancongan dapat berkembang. Sepatutnya cara untuk mempromosi kelip-kelip di Kampung Sanggang adalah di tangan Kerajaan Negeri terutamanya EXCO Pelancongan haruslah membuat sesuatu seperti mencatat risalah, membina papan tanda jalan menuju ke Kampung Sanggan dan menyediakan pengangkutan awam yang baik untuk destinasi pelancongan. Sesungguhnya mencetak risalah ini bukan setakat meletak satu gambar dan beberapa patah perkataan yang terperinci tentang tempat pelancongan tersebut.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Penjelasan ahli Kawasan Jawi, terima kasih. Saya terkejut sebenarnya apabila ahli Kawasan Jawi mengatakan yang kawasan kelip-kelip Kampung Sanggang tidak ada sebarang tarikan, padahal dalam setiap kali ucapan Yang Berhormat EXCO Pelancongan yang lepas selalu menyebut tentang kelip-kelip di Jawi. Tapi sampai ke hari ini, rupa-rupanya tidak ada apa-apa pun. Ini diakui oleh Ahli Kawasan Jawi. Tetapi Yang Berhormat selalu menyebut ini. Tentang apa, kelip-kelip, kelip-kelip. Rupa-rupanya dibuktikan hari ini tak ada inisiatif Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pulau Betong, Yang Berhormat Ahli Kawasan Jawi kawan saya. So, saya tak payah nak jelas

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Bukan nak *counting*. Saya merujuk apa Yang Berhormat buat.

**Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):**

Belum habis, dia kawan saya. Baru bertanding di kawasan Jawi. So, mungkin Ahli Yang Berhormat tak berapa tahu yang kita sudah banyak mempromosikan kawasan itu. So, kita boleh faham orang baru, saya akan jelaskan kepada dia.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Boleh saya tahu, YB. Ahli Kawasan Jawi tinggal di kawasan mana?...  
(ketawa)

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

Saya teruskan dengan ucapan saya. Tinggal di mana tak penting. Saya tinggal di Juru kerana saya dipilih oleh pengundi 15,219 pengundi menyokong saya wakil rakyat di sini. So, saya ada hak untuk menyoalkan hal kelip-kelip di Kampung Sanggang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Jangan salah faham. Yang Berhormat minta laluan. Penjelasan

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Kawasan Jawi bagi?

### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Tinggal di kawasan Balik Pulau pun tidak mengapa sebenarnya. Saya ingin mengesahkan bahawa apa yang diperkatakan oleh YB. EXCO Pelancongan pada beberapa sidang yang lalu tak betul. Ini dibukti oleh Ahli Kawasan Jawi. Terima kasih.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Duduk. Kawan tetap kawan. Dewan tetap Dewan. Silakan Ahli Kawasan Jawi.

### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

YB. Tuan Speaker, sebenarnya kawasan N19 Jawi ini masih terdapat banyak potensi untuk dijadikan sebagai sebuah destinasi untuk eko-pelancongan. Sebagai contoh, pemancingan udang galah di Kampung Sanggang adalah satu aktiviti yang sangat unik yang boleh diperkembangkan lagi sebagai satu tarikan pelancongan. Selain itu, Taman Negara Bukit Panchor juga boleh dibangunkan sebagai tempat tarikan pelancongan kerana Taman Negeri ini telah lama wujud tetapi tidak diselenggara dengan baik. Jikalau pembangunan sektor pelancongan berjaya di kawasan N19 Jawi, maka ia akan mendatangkan kebaikan untuk mempromosikan makanan tempatan. Ini kerana dengan adanya pelancong-pelancong tempatan mahupun pelancong asing, ia akan memanfaatkan sektor makanan seperti makanan laut tak kiralah makanan India, Melayu atau Cina, makanan tempatan, *homestay*, *souvenir shop*.

Usul ketiga pengangkutan dan pengurusan lalu lintas. Salah satu penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesuatu bandar adalah sistem pengangkutan dan pengurusan trafik yang baik. Maka saya berpendapat bahawa jika kita hendak memajukan kawasan N19 Jawi, kita haruslah menambah baik sistem pengangkutan supaya dapat menyambung kawasan Batu Kawan dengan Kawasan Changkat. Changkat adalah salah satu tempat di Kawasan Jawi. Ini adalah kerana ia akan menjimatkan lebih banyak masa dan menjadi jalan alternatif antara Kawasan Batu Kawan dan Kawasan N19 Jawi. Dengan adanya sistem pengangkutan yang baik, barulah ia akan membangunkan sektor perindustrian, sektor perumahan dan juga sektor pelancongan. Dengan adanya sistem pengangkutan yang baik dan pembangunan yang pesat, pengurusan trafik lalu lintas yang cekap juga diperlukan untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas.

Di samping itu, isu bandar selamat juga amat penting. Ini kerana dengan pembangunan pesat sesuatu bandar, keselamatan sesuatu bandar juga perlu dijaga. Pada tahun ini, kadar jenayah telah meningkat sebanyak 8%. Tadi Ahli Kawasan Machang Bubuk juga sentuh masalah jenayah yang makin meningkat. Dengan itu pemasangan kamera CCTV telah ditambah sebagai satu langkah untuk mengurangkan kadar jenayah di kawasan Pulau mahu pun kawasan Seberang Perai. Setakat ini kamera CCTV yang telah dipasang oleh MPSP di kawasan Seberang Perai adalah sebanyak 24 buah, dan 75 buah lagi dicadangkan akan dipasang pada tahun ini. Sebenarnya, pemasangan CCTV ini adalah sangat bagus untuk menangani isu bandar selamat. Namun begitu, pemasangan empat (4) buah CCTV sahaja di kawasan Seberang Perai Selatan adalah tidak mencukupi. Namun begitu, menurut maklumat terkini pada 3 Julai 2013, Ketua Menteri Pulau Pinang telah mengumumkan senarai 55 lokasi *hotspot* bagi cadangan untuk pemasangan kamera CCTV. Tambahan di kawasan Seberang Perai di mana....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Untuk isu CCTV yang dikaitkan dengan sistem pemantau jalan raya dan jenayah, saya fikir MPSP pada masa ini dengan jumlah 51 CCTV akan dipasang hingga 2014 mengikut laporan ini. Dan KPKT 76 unit, MPSP 79 unit, seluruhnya 206 unit. Untuk memberi perkhidmatan kepada populasi kita 1.8 juta. Maksudnya 8,300 orang di *service* kan 1 unit. Ini memang tak cukup. Saya fikir kalau boleh kita minta sekurang-kurangnya naik ke 1,000 unit. Dengan begitu satu (1) unit akan menserviskan 1,800 orang. Mungkin itu akan lagi berkesan.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Tanjung Bunga. Seperti kita sama tahukan lagi banyak CCTV lagi bagus. Okey. Dengan tambahan pemasangan CCTV di Seberang Perai, SPT akan dipasang sebanyak 16 buah, SPU akan dipasang 16 buah dan SPS sebanyak 23 CCTV yang akan dipasangkan. Ini menunjukkan bahawa Ketua Menteri Pulau Pinang mula memberi tumpuan kepada keperluan pemasangan CCTV di kawasan SPS supaya dapat mengurangi kes-kes jenayah dan kecurian yang berlaku di kawasan SPS. Menurut pengalaman saya menjadi Ahli Majlis MPSP, banyak aduan daripada orang awam berhubung dengan kes-kes kecurian dan kehilangan motor boleh dirujuk balik di Pusat Kawalan CCTV MPSP Bandar PERDA.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhammad Farid Bin Saad):**

Penjelasan Yang Berhormat. Kes bandar Selamat, kecurian dan sebagainya, dan kita tahu bahawa kes ini banyak berlaku kepada mereka yang menunggang motosikal. Dan kadang disebabkan mereka menunggang



motosikal banyak plat-plat palsu dan menyebabkan Polis sukar untuk mengesan. Mungkin kita buat cadangan supaya di Pulau Pinang, plat-plat kereta dan motosikal yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan supaya mereka dapat memantau. Ini salah satu cara yang dapat mengurangkan atau mengekang daripada berlaku lebih banyak lagi kecurian motosikal-motosikal ini.

#### **Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

Terima kasih YB. Ahli Kawasan Pulau Betong. Cadangan ini memang baik dan patut disampaikan kepada JPJ Kerajaan Persekutuan yang akan mengarahkan mereka untuk membuat kerja dan sentiasa membuat pemeriksaan kerap kali. Saya berpendapat bahawa minta pihak PDRM di kawasan Seberang Perai harus memberi lebih tumpuan kepada kawasan N19 Jawi. Kawasan SPS memandangkan kerap berlaku kes-kes jenayah dan pecah rumah sangat tinggi di kawasan tersebut. Pihak PDRM sepatutnya mengambil tindakan yang proaktif dan mencari jalan penyelesaian untuk menambah baik keselamatan penduduk di SPS dan bukannya mengambil tindakan selepas berlakunya kes jenayah. Inilah aduan-aduan daripada penduduk-penduduk bahawa selepas telefon kepada pihak PDRM, satu (1) jam lepas itu baru datang.

Isu keempat industri ternakan dan nelayan di kawasan N19 Jawi, kebanyakan penduduk setempat masih menjalankan aktiviti penternakan, pertanian dan penangkapan ikan. Dengan itu, pembangunan sektor industri ternakan dan nelayan haruslah diberi tumpuan kerana sektor ini adalah salah satu sumber pendapatan yang penting untuk penduduk tempatan di kawasan N19 Jawi ini. Keadaan ini telah wujud lama dan Kerajaan Negeri seharusnya memberi bantuan dan sokongan yang lebih banyak kepada mereka supaya industri ternakan dan nelayan dapat diteruskan. Pada pendapat saya, penternakan ikan laut juga boleh diperkembangkan kerana ia juga boleh menjadi satu sumber pendapatan yang baru untuk penduduk setempat Jawi dan mungkin ia juga dapat menjadi satu destinasi pelancongan masa depan.

Isu kelima ialah isu perumahan. YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, kawasan N19 Jawi merupakan salah satu kawasan yang berpotensi untuk kemajuan kerana ia masih terdapat banyak kawasan-kawasan yang boleh dimajukan dan dijadikan tempat kediaman dan tempat komersial. Pada masa yang sama, di kawasan N19 Jawi, terdapat banyak golongan orang miskin yang masih menunggu pembinaan rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah dan juga rumah mampu milik. Buat masa sekarang di kawasan N19 Jawi terdapat dua (2) projek sahaja iaitu di Taman Jawi Indah dan Taman Terkukur Indah. Saya berpendapat di kawasan Jawi terdapat beberapa ladang seperti Ladang Changkat, Ladang Victoria, Ladang Kaledonia dan

Ladang Byram telah penuh dengan rumah-rumah yang telah rosak dan diduduki oleh kaum India. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada sebarang rancangan untuk membantu kepada golongan penduduk-penduduk yang miskin yang menduduki tempat tersebut?

Usul keenam iaitu laluan basikal. YB. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan, saya di sini ingin memperingatkan dan memperbetulkan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar semalam bahawa tiada laluan basikal di kawasan Seberang Perai. Sebenarnya ini maklumat yang salah. MPSP pada tahun 2011 telah mewujudkan satu jawatankuasa laluan berbasikal di mana saya sebagai Ahli Majlis telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa tersebut. Di sini, saya ingin memberikan sedikit latar belakang dan pandangan berhubung dengan projek laluan basikal di Seberang Perai..... (gangguan). Pelan induk laluan basikal disediakan sebagai alternatif pengangkutan awam yang sedia ada. Ini adalah selari dengan dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007 di bawah langkah DSU12 menyediakan ruang yang lebih luas. Saya belum habiskan latar belakang untuk laluan basikal.... (gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tak ada sebutkan tentang laluan basikal dalam ucapan saya. Mungkin Ahli Kawasan Jawi tersilap orang....(gangguan).

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soo Lip Chee):**

Untuk menterjemahkan langkah-langkah di dalam RNSPP 2020 tersebut, Jabatan Perancang Bandar MPSP telah menyediakan Pelan Induk laluan basikal bagi seluruh Seberang Perai. Cadangan laluan basikal ini adalah sepanjang 210 kilometer yang merangkumi daerah, seperti daerah Seberang Perai Utara (SPU), 90 kilometer, Seberang Perai Tengah(SPT), 55 kilometer dan Seberang Perai Selatan(SPS) iaitu sepanjang 65 kilometer.

Cadangan Pelan Induk ini telah mengambil kira pandangan Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang semasa Majlis Perjumpaan Bersama Ketua Jabatan pada 14 Disember 2011. Cadangan laluan basikal adalah meliputi jalan-jalan mengikut daerah seperti berikut. Bagi daerah Seberang Perai Utara laluan alternatif pertama bermula dari Jalan Kuala Muda, Jalan Kampung Permatang Rawa, Jalan Permatang Benggali, Jalan Kampung Gurun, Jalan Bumbang Lima, Jalan Permatang Tiga Ringgit, Jalan Permatang Sintok, Jalan Kubang Menerong dan Jalan Pokok Machang, Jalan Tasek Gelugor ke Padang Serai, Jalan Ara Kuda ke Jalan Lunas. Alternatif kedua bermula dari Jalan Kuala Muda, Jalan Kampung Permatang Rawa, Jalan Penaga, Jalan Permatang Benggali, Jalan Bagan Belat, Pantai Robina, Telok Ayer Tawar, Jalan Pantai

Bersih, Jalan Bagan Ajam, Lebu Raya Lingkaran Butterworth dan Jalan Chain Ferry bersambung hingga ke Jalan Baharu di Seberang Perai Tengah... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Sebentar Jawi, yang disebut ini jalan berbasikal jalan yang sedia ada, bukan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Jalan yang sudah ada, kita cuba hendak adakan jalan berbasikal... (gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Jalan sedia ada, bukan yang dibuat?

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Jalan yang sedia ada, kita hendak adakan laluan basikal.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Kena buat *sign board* untuk laluan basikal.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):**

Laluan alternatif, Yang Berhormat, kalau hendak faham lebih, layarilah web MPSP, [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my) untuk maklumat terperinci. Bagi Daerah SPT, laluan alternatif pertama bermula dari Jalan Baharu, Bulatan Bukit Tengah, Jalan Permatang Pauh, Jalan Permatang Nibong, Jalan Tanah Liat, Jalan Penanti, Jalan Sungai Lembu, Jalan Kulim dan Jalan Gajah Mati.

Alternatif kedua bermula dari Jalan Perda Utama, Perda Timur, ke Jalan Nangka, Jalan Bayu Mutiara, Jalan Kebun Nenas menghala ke Auto City, seterusnya Jalan Perusahaan, Jalan Tok Kangar, Jalan Kebun Baru ke Penang Science Park. Alternatif ketiga, bermula dari MPSP Bandar PERDA, Jalan Permatang Rawa, Jalan Ciku, Jalan Ooi Chooi Cheng, Jalan Kulim ke Kulim Kedah.

Bagi Daerah SPS, laluan alternatif pertama bermula dari Jalan Bukit Tambun, Batu Kawan, Jeti Batu Musang dan Pulau Aman. Alternatif kedua bermula dari Batu Kawan ke Jalan Ooi Kar Seng, Jalan atas, Jalan Persekutuan 1, Jalan Seri Ampangan ke Parit Buntar, Jalan Seri Ampangan ke

Ampangan Jajar Sungai Kerian, Jalan Sungai Kecil, Jalan Kampung Sungai Buaya ke Taman Negeri Bukit Panchor. Alternatif ketiga bermula dari Jalan Atas, Jalan Pengkalan Rawa, Jalan Permai, Jalan Persekutuan 1 hingga ke persimpangan Jalan Junjung, Tasek, laluan bersambung ke Jalan Gajah Mati di SPT untuk melalui program MPSP Green Ride, bagi merealisasikan cadangan Pelan Induk laluan Basikal Seberang Perai ini, MPSP telah mengambil inisiatif menganjurkan program berbasikal kepada penduduk Seberang Perai bagi mempromosikan laluan yang telah dicadangkan melalui program MPSP Green Ride. MPSP Green Ride adalah program berbasikal yang dianjurkan dan disertai oleh MPSP dengan kerjasama NGO iaitu pasukan LP MTB Club, Pusat Sumber Alam Sekitar dan Tasek Gelugor Ride (TGR). MPSP telah mengadakan program MPSP Green Ride bagi ketiga-tiga daerah, kawasan SPU pada 18 Mac 2012 yang lepas iaitu sejauh 33 kilometer. YB. Ahli Padang Kota turut merasmikan program ini, di kawasan SPT pada 3 Jun 2012 sejauh 36 kilometer dan di kawasan SPS dijalankan pada 6 Januari 2013 sejauh 20 kilometer.

Cadangan laluan berbasikal di kawasan tumpuan penduduk, selain daripada program MPSP Green Ride, beberapa lokasi telah dikenalpasti untuk melaksanakan fasa kedua trek berbasikal dalam taman rekreasi, pesisiran pantai dan Pulau, antara lokasi yang terlibat adalah seperti berikut, Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh SPT telah diberi imej baru dengan penyediaan laluan berbasikal sepanjang 1.1 kilometer di dalam taman tersebut yang seluas 12.48 ekar yang telah dirasmikan oleh Tuan Speaker iaitu YB. Law Choo Kiang pada 20 Januari 2013 sebelum beliau dilantik sebagai YB. Speaker, dan seterusnya saya ingin menerangkan adalah bahawa pada hujung tahun 2013 laluan basikal yang pertama atas jalan akan dilukis dan dilaksanakan di kawasan SPS.

YB. Speaker, dan Ahli-ahli Dewan, di sinilah saya ingin mengakhiri ucapan saya dengan cadangan dan pandangan seperti yang saya telah huraikan tadi supaya Jabatan berkenaan dapat bertindak untuk mengatasinya dan ia dapat mendatangkan kemajuan yang lebih cekap dan sihat kepada penduduk-penduduk di kawasan N19 DUN Jawi ini dan juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat mencapai sebuah Negeri yang lebih bersih, hijau, sihat dan selamat, sekian terima kasih mohon menyokong.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya memberi peluang kepada YB. Padang Kota untuk pilih hak untuk menjawab isu-isu berkaitan dengan berbasikal itu nanti, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan disambung semula pada jam 2.30 petang.

***Dewan ditangguhkan pada jam 12.55 tengah hari.***

**Dewan bersidang semula pada 2.35 petang.**

**Setiausaha:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan di sambung semula. Silakan Ahli Kawasan Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):**

*Bismillahirrahmanirahim. Assalamualaikum Warahmatullah* dan Salam Sejahtera pada YB. Timbalan Speaker dan Ahli-ahli Dewan yang mulia in. Terima kasih YB. Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan ucapan terima kasih Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Sebelum saya mula membahis isu dalam ucapan terima kasih saya, saya ingin merekodkan setinggi penghargaan kepada pengundi DUN Penanti yang telah memilih saya untuk mewakili penduduk KADUN Penanti untuk bersuara di Dewan yang mulia ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat sekalian, 84.56% penduduk di KADUN Penanti adalah kaum Melayu, 12.83% adalah kaum Cina dan 2.11% adalah kaum India. Juga KADUN Penanti mempunyai 28 kampung dan 3 taman perumahan. Ini menunjukkan sokongan pengundi dari berbilang kaum bukannya kaum Cina sahaja maknanya termasuk orang Melayu dan penduduk kampung kepada Pakatan Rakyat. Itulah saya nak rekodkan benda itu.

Keduanya, saya ingin membahis beberapa isu dalam ucapan terima kasih saya. Isu pertama yang ingin saya tarik perhatian Dewan ialah bagaimanakah Pulau Pinang dapat merencanakan perindustrian dan pelaburan di dalam perkitaran ekonomi dunia ...(dengan izin), *economy cycle* yang berada dalam perkitaran menurun yang menyebabkan ekonomi dunia berada dalam keadaan berjimat cermat ...(dengan izin), *frugal economy* yang telah bermula sejak 2011 dan akan berlarutan hingga 2026 selama lima belas (15) tahun. Ini adalah berdasarkan pada data unjuran perbelanjaan pengguna atau *spending wave* di pasaran terbesar dunia iaitu Amerika Syarikat yang menjana 18.2% pada KDNK dunia.

Impak ekonomi berjimat cermat yang akan berlarutan hingga 2026 ini penting di tangani oleh Kerajaan Negeri dengan menggunakan strategi yang dapat meringankan beban dan memudahkan syarikat dan pelabur untuk mengembangkan perniagaan walau pun syarikat MNC dan syarikat tempatan mengambil pendekatan untuk berjimat cermat. Banyak syarikat-syarikat MNC telah menggunakan strategi perbelanjaan kapital atau pun *CAPEX* minimum atau pun *CAPEX* sifar ...(dengan izin), *zero CAPEX* strategi sejak krisis kewangan 2008 baru-baru ini.

Maka untuk merencanakan perindustrian dan pelaburan di Pulau Pinang dan memberi pekerjaan pada anak-anak muda dan warga Pulau Pinang. Saya ada dua cadangan. Pertama, saya cadangkan Kerajaan Negeri mempermudah syarikat-syarikat MNC yang baru dan juga yang sedia ada dan syarikat-syarikat tempatan yang ingin meningkatkan pelaburan dengan memperbanyakkan fasiliti siap sedia yang komprehensif yang dapat memenuhi keperluan aktiviti *CAPEX* tinggi seperti *clean room*, pemprosesan air, ... (dengan izin) *water treatment*, pembangunan produk dan fasiliti kongsi atau pun ...(dengan izin) *share facility* untuk menggunakan *tool-tool* yang mahal untuk mereka bentuk produk-produk. Maknanya Kerajaan Negeri memperbanyakkan fasiliti siap sedia ini untuk disewa, maknanya syarikat-syarikat tidak perlu melabur dalam perbelanjaan capital yang tinggi, maknanya sejurus dengan strategi perbelanjaan *capital CAPEX minima* atau pun *CAPEX* sifar. Ini dapat menggalakkan pelabur-pelabur dari Timur Tengah atau pun dari tempat-tempat lain untuk datang semula ke Pulau Pinang.

Keduanya disebabkan banyak kilang-kilang MNC termasuk yang besar seperti Dell dan *Ventures* sebelum ini dan syarikat tempatan telah pun mengambil strategi memindahkan aktiviti-aktiviti pengeluaran ke lokasi kos rendah dan mengambil pekerja asing yang lebih murah dan lebih stabil. Keadaan ini telah pun mengurangkan peluang pekerjaan terutama kepada anak-anak tempatan lepasan dan IPT. Kita tengokkan juga gaji pekerja sejak sepuluh (10) tahun di Pulau Pinang hanya naik 2.1% setahun untuk pekerja lepasan sekolah menengah tetapi di kawasan kampung gaji pekerja tidak naik.

Di samping itu, bilangan jawatan yang bergaji tinggi seperti Pengurus, jawatan profesional dan *technician* mahir telah berkurangan sejak 2002 dan kebanyakan jawatan bertumpu kepada pekerja kilang biasa yang bergaji rendah sekitar RM700.00 hingga RM800.00 sebulan. Perlu diingatkan juga tahap taraf kemiskinan tegar isi keluarga di Pulau Pinang juga adalah RM770.00. Bermakna gaji rendah ini tidak mencukupi untuk menanggung keluarga. Data-data ini saya ambil dari kajian di Pulau Pinang yang dijalankan oleh World Bank dan Khazanah Nasional pada 2010. Maka dalam ekonomi *frugal* atau pun ekonomi *global* yang berjimat cermat, saya mencadangkan agar peruntukan mikrokredit dari Projek Titian Saksama Rakyat atau pun (PTSR) diberi penambahbaikan untuk membantu anak-anak muda yang tidak dapat

pekerjaan atau tidak mahu mengambil pekerja-pekerja bergaji rendah yang tidak dapat menampung perbelanjaan keluarga. Maknanya ditambahbaik supaya ini dapat membantu anak-anak muda untuk membangunkan perniagaan kecil-kecilan. Perkara ini turut dirasai oleh wanita kerana walau pun wanita melebihi lelaki di dalam Institut Pengajian Tinggi iaitu 60% tetapi wanita di dalam sektor pekerjaan hanya 40% disebabkan oleh perkara yang sama maknanya gaji yang rendah dan tidak dapat membayar kos penjagaan anak-anak. Saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Y.A.B. Ketua Menteri kerana telah menubuhkan Briged Wanita di seluruh DUN-DUN di Pulau Pinang untuk membantu para wanita mendapat mikro kredit dari Projek Titian Saksama Rakyat serta lain-lain skim penghargaan pada ibu tunggal, suri rumah dan pemeriksaan mamogram percuma.

Setakat ini, Bajet 2013 Pulau Pinang telah memperuntukan RM3 juta untuk PTSR. Maka saya sarankan agar Kerajaan Negeri melalui PDC membuat promosi besar-besaran dan mempermudah proses permohonan agar ramai anak-anak muda mendapat pinjaman mikro kredit dan juga wanita. Dicadangkan juga mempelbagaikan pinjaman untuk membantu peniaga-peniaga di Pulau Pinang. Untuk menepati syarat pinjaman mikro kredit mendapat lesen.....(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan. Penanti, boleh? Terima kasih. Boleh duduk dulu. YB. Timbalan Speaker, saya minat untuk mengambil bahagian apabila Ahli Kawasan Penanti bercerita pasal perniagaan-peniagaan. Jadi saya rasa di kawasan Parlimen Permatang Pauh tak jauh dengan kawasan Penanti diwujudkan apa yang dinamakan *Up Town*. Saya ingat Ahli Kawasan Penanti sedia maklum dalam kawasan dekat dengan Majlis Perbandaran dekat PERDA. *Up Town* ini melahirkan ramai peniaga-peniagaan terdiri daripada pelbagai bangsa. Banyak peluang-peluang perniagaan diwujudkan, saya jangkakan lebih kurang 70 lebih peniaga. Oleh yang demikian, ada juga tambahan daripada itu hampir 300 peniaga yang mengambil peluang untuk tumpang cari makan. Oleh kerana tidak ada kerja lain, peluang-peluang untuk mereka berniaga sendiri berhampiran dengan *Up Town* yang diwujudkan. Akan tetapi menjadi malang kepada kita, apabila mereka ini diusir.

Baru-baru ini kejadian ini berlaku. Diusir dan tidak membenarkan mereka berniaga di situ, ini malang bagi kita. Saya difahamkan mereka telah berdepan dengan MPSP dan sebagainya untuk mereka ini diberi peluang. Jadi saya minta komen sedikit daripada Ahli Kawasan Penanti dan juga mereka yang bertanggungjawablah untuk memberi jawapan dalam hal perniagaan-peniagaan di *Up Town* di kawasan yang berhampiran dengan pejabat MPSP di PERDA. Terima kasih.

### **Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Mohon penjelasan, YB. Penanti. Terima kasih saya ucapkan kepada YB. Pinang Tunggal kerana membangkitkan perkara ini mengenai isu PERDA *Up Town* dalam Dewan. Sebenarnya isu ini lebih rapat dengan saya, kerana dalam kawasan DUN Seberang Jaya. Isu ini sebenarnya melibatkan peniaga-peniaga yang kita maklum sebanyak 75 peniaga PERDA *Up Town* yang telah diberi kelulusan oleh pihak MPSP untuk berniaga sejak tahun 2011. Namun akibat daripada populariti PERDA *Up Town* ini pertambahan peniaga-peniaga di situ sehingga seperti yang disebut oleh YB. Pinang Tunggal sebanyak hampir 300 peniaga-peniaga kecil. Tetapi untuk mengatakan bahawa mereka diusir itu adalah tidak benar, yang ingin kita lakukan kerana masalah yang sering dihadapi melibatkan PERDA *Up Town* adalah melibatkan pemilik-pemilik premis di bahagian PERDA dan juga pengundi-pengundi Seberang Jaya di apartmen PERDA.

Masalah kesesakan yang paling teruk berlaku adalah ketika musim bulan Ramadan dan juga menjelang Syawal. Apa yang ingin dilakukan oleh pihak MPSP dan juga penganjur dan juga dengan kerjasama daripada saya dan para peniaga kita ingin menyusun semula kedudukan tapak-tapak peniagaan ini supaya tidak mengganggu lalu lintas dan juga tidak mengganggu premis-premis perniagaan yang ada di situ kerana kita kena menghormati premis-premis perniagaan ini adalah mereka yang membayar cukai kepada Majlis Perbandaran.

Untuk makluman YB. Pinang Tunggal 75 dicampur dengan lebih 300 peniaga di *Uptown* PERDA ini, mereka tidak langsung membayar apa-apa kepada pihak MPSP atau kepada pihak penganjur melainkan elaun kebersihan sebanyak RM3.00 sehari, maka jumlah yang mereka bayar hanya RM90.00 sehari, maaf, RM90.00 sebulan...(dengan izin). Maka sebenarnya tidak ada isu pengusiran atau apa-apa isu yang ingin menutup periuk nasi peniaga-peniaga di *Up Town*. Apa yang ada hanyalah penyusunan semula supaya dalam tempoh, dalam penggal ini, kita akan menempatkan mereka di sebuah tempat yang baru yang lebih kondusif yang lebih baik untuk PERDA *Up Town* kerana kita tahu PERDA *Up Town* ini sudah menjadi ikon bandar Seberang Jaya dan juga bandar PERDA, sekian terima kasih.

### **Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta sikit lagi laluan YB. Penanti, terima kasih YB. Seberang Jaya kerana bangun jawab dengan jawapan yang agak panjang lebar tetapi saya telah pun difahamkan oleh YB. Timbalan Speaker oleh wakil-wakil yang saya dimaklumkan wakil-wakil ini dah pun berjumpa dengan ahli YB. Seberang Jaya betul tak? Peringkat pertama, peringkat awal mereka ini diberi jaminan oleh YB. Seberang Jaya akan cuba untuk menyelesaikan masalah depa. Kali kedua



pertemuan, Ahli YB. Seberang Jaya maklumkan kat depa tak ada hasilnya maksudnya Ahli YB. Seberang Jaya fahamkan kepada mereka wakil-wakil yang berjumpa ini Yang Berhormat. YB. Seberang Jaya tak boleh nak membantu mereka setelah Ahli YB. Seberang Jaya berjumpa dengan MPSP adakah sedemikian, apakah yang saya sebutkan ini betul, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya mohon laluan ADUN Penanti, sebenarnya memang perjumpaan telah diadakan, yang diminta oleh peniaga-peniaga ini, seperti saya sebut tadi tidak mempunyai lesen yang mereka minta adalah untuk berniaga semula dalam tempoh yang terdekat. Seperti yang kita maklumkan bila kita hendak menyusun semula tapak-tapak kita perlukan masa dan kita cuba dalam tempoh dua (2) minggu untuk perkara ini diselesaikan.

Untuk makluman YB. Pinang Tunggul, masalah PERDA *Up Town* ini telah wujud tahun 2011 dan sekarang semakin bertambah dan untuk makluman YB. Pinang Tunggul juga, apabila kita berbincang dengan pihak MPSP apakah masalah yang paling utama adalah sebelum ini tidak ada penguatkuasaan yang berlaku. Kita kena faham bahawa mereka ini adalah kalau boleh saya sebut adalah *illegal traders*, tetapi kita memberi peluang bahawa mereka ini peniaga-peniaga kecil dan juga mereka ini adalah sumber mata pencarian mereka yang utama adalah ini. Jadi sebab itu, kita ambil tempoh dua minggu ini untuk susun semula dan saya memang telah berjumpa dan saya berjanji untuk memujuk MPSP supaya penguatkuasaan ini dipendekkan tetapi selepas berbincang dengan pihak MPSP, MPSP menganggap bahawa kalau kita pendekkan penguatkuasaan yang telah ditangguhkan sepanjang tiga (3) tahun yang lepas, maka peniaga ini tidak akan memberikan kerjasama lagi. Jadi atas kesedaran itu dan atas dengan niat untuk menjadikan menjaga kebajikan para peniaga di PERDA *Up Town* dan juga untuk menambah baik perkhidmatan dan juga mutu perniagaan mereka di PERDA *Up Town* sebab itu langkah ini diambil untuk *rezoning* sebelum bulan puasa ini supaya apabila timbul bulan puasa, satu PERDA *Up Town* yang lebih tersusun dan lebih rapi akan dapat dijalankan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggul (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Sikit lagi YB. Penanti, YB. Timbalan Speaker, saya dalam pertemuan dengan wakil-wakil yang telah buat dengan saya mereka telah nampak seolah-olah hilang keyakinan kepada Ahli YB. Seberang Jaya, so depa kata dah ini YB. Seberang Jaya menipu dan segalanya, janji tak boleh ditunaikan, saya bagi jaminan saya nak jaga YB. Seberang Jaya saya bagi jaminan kat depa bagi ruang, peluang sebab dia baru, saya kata lagu ini betul bukan main-main bukan cakap politik, saya bercakap dengan wakil-wakil ini kita beri ruang, peluang sebab dia orang baru. Tetapi hakikatnya dia tak akan tipu, saya tak

mahulah dalam hal ini ahli YB. Seberang Jaya duk jadi penipu macam orang-orang lain juga macam kepimpinan dalam Pakatan Rakyat apa semua saya tak mahu kedudukan macam itu....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

YB. Penanti...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Seberang Jaya, EXCO boleh jawab dalam penggulungan nanti sila YB. Penanti sila teruskan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Tuan Timbalan Speaker, saya dah tengok YB. Pinang Tunggal awal-awal lagi, bila saya masuk dia lari keluar, ada okey, cabaran saya masih belum dijawab lagi sekarang YB. Pinang Tunggal menuduh Ahli YB. Seberang Jaya dan pimpinan-pimpinan PAKATAN lain sebagai penipu peraturan 46 (13), menyakitkan hati saya tapi saya tak buat tuduhan, saya membuat kenyataan yang masih lagi, cabaran saya masih belum lagi dijawab, jadi saya minta YB. Tuan Timbalan Speaker berilah tunjuk ajar kepada YB. Pinang Tunggal kalau nak mencelah tu membuat hujahan bernas boleh dibiarkan, tapi kalau ingin tuduh melulu, saya minta beliau supaya was-was, saya sedang perhatikan beliau....(ketawa).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan YB. Penanti....(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Tak bolehlah YB. Timbalan Speaker, saya ada sedikit lagi ya YB. Timbalan Speaker...(gangguan)

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak apa-tak apa, sila YB. Penanti silakan.

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

YB. Timbalan Speaker nampak cekang sikit dari YB. Speaker.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):**

Terima kasih YB. Timbalan Speaker. Saya sambung balik untuk menepati syarat mikrokredit iaitu mesti mendapatkan lesen perniagaan yang sah dari MPSP dan tapak premis yang sah ini bukan sahaja syarat mikrokredit dari PTSR tapi juga dari SME Corp., yang juga mensyaratkan peniaga-peniaga yang mempunyai jualan tidak lebih dari RM200,000 setahun untuk dan layak untuk mendapat 100,000 geran atau pun *matching grant* ...(dengan izin) maknanya kalau dia barang itu 1,000, RM500 akan dibayar oleh SME Corp. 50% dibayar oleh peniaga dan RM50,000 pinjaman pusingan modal mudah, maknanya ini akan membantu peniaga-peniaga kecil yang memang kecil sebab jualan kurang dari RM200,000 setahun, tapi syarat itu untuk mendapatkan lesen perniagaan yang sah dan juga tapak premis perniagaan yang sah. Maka dengan ini disebabkan dengan syarat-syarat yang dikenakan saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri membina tempat-tempat berniaga ala-ala macam UTC, yang mengumpul pelbagai jenis perniagaan dan perkhidmatan Kerajaan dan agensi Kerajaan di bawah satu bumbung sebagai contohnya. Saya juga mencadangkan agar syarat rumah kos rendah dan rumah mampu milik ditambahbaikkan untuk...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

YB. Penanti, saya juga nak menyentuh sedikit pasal keusahawanan tadi minta berhenti. Saya juga nak minta kerjasama Kerajaan Negeri untuk melihat semula perlesenan industri iaitu usahawan-usahawan kecil-kecilan ini yang membuat operasi mereka di kampung-kampung. Sukar sekali untuk mendapatkan lesen ini menyebabkan kalau kita tak ada lesen dari MPSP, MPPP mereka tidak boleh mendapat pembiayaan dan sebagainya dan saya minta Kerajaan Negeri untuk melihat perkara ini dengan lebih serius lagi. Kedua, berbalik kepada bulan puasa itu kalau boleh adakah Kerajaan Negeri akan memberikan lesen sementara Suria Traders yang membuat perniagaan bermusim ini, membolehkan mereka berniaga atau pun mencari rezeki menjelang bulan puasa dan juga akhir nanti, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):**

Saya juga mencadangkan agar syarat rumah kos rendah dan rumah mampu milik ditambahbaikkan untuk membantu anak-anak muda yang belum berkahwin dan wanita yang tidak berkahwin dan juga ibu tunggal dan ibu tunggal yang berpendapatan rendah, sebab sekarang ini syarat dia, dia mesti satu keluarga, ramai sangat permintaan daripada penduduk DUN Penanti. Isu

kedua yang saya hendak bangkitkan di sini adalah berkenaan untuk menjamin DUN Penanti dan Pulau Pinang sebagai Negeri yang hijau, lestari dan karbon rendah atau pun *low carbon*. Saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri mencontohi Negeri kecil dan juga kawasan lain di Malaysia seperti Costa Rica sebagai contohnya sebuah Negeri kecil yang berada di tingkat kelima dunia dalam EPI Ranking...(dengan izin) *Environmental Performance Index 2012....* (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan YB. Seri Delima boleh ke? Terima kasih, saya cuma ingin tambah di sini bahawa dan kita untuk makluman Dewan yang mulia ini Pulau Pinang adalah daripada Negeri yang mula-mula mengharamkan penggunaan plastik sebagai langkah untuk memastikan Pulau Pinang lebih hijau lagi. Selepas itu kita lihat Negeri-negeri lain menurut. Kalau kita mula-mula buat pada hari tertentu kita telah mengharamkan kegunaan plastik malahan di semua *hypermarket* dan *supermarket* ...(dengan izin), kalau kita ingin menggunakan plastik untuk membawa balik ke rumah barang-barang yang dibeli, kita perlu membayar ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Sedikit YB. Seri Delima, YB. Penanti ya, ini isu yang memang dah *settle* lama, duit yang dikenakan itu adakah diberi kepada peniaga atau pun diserahkan kepada Kerajaan Negeri sebagai akaun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya ingat tanya EXCO-EXCO akan jawablah, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

YB. Timbalan Speaker, ini saya amat kecewa kerana saya ingat dia rakan saya dia tak *prepare one* dan di Dewan sudah berapa kali saya ulang, ulang, ulang, ulang. Saya minta *recycle* bukan *recycle question*, faham dak? Baik saya *recycle answer* bagi memang dengan Kerajaan Negeri dan telah diumumkan akaun memang ada.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):**

Saya teruskan kalau kita tengok di...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Minta laluan sikit YB. Penanti, sikit je ya saya faham YB. Sungai Puyu akaun ada duit adakah, tak dak?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

YB. Timbalan Speaker, jangan menggunakan pengalaman Barisan Nasional untuk berbanding dengan saya, duit itu memang ada dalam akaun, dalam bank bukan poket atau pun kocek, faham dak?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan YB. Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):**

Kalau kita tengok Costa Rica yang mendapat ranking tahap kelima di dunia dalam EPI Ranking atau Environmental Performance Index 99.2% daripada kegunaan kuasa penjana kuasa datang daripada kuasa yang diguna semula atau pun *renewable energy* maka jikalau kita lihat masalah sampah memang banyak, 28 kampung di Penanti, jadi saya nak berikan sedikit fakta kalau kita tengok di Seberang Perai sampah adalah sebanyak 1,000 tan sehari itu sampah biasalah sampah apa dipanggil *solid* atau pun sisa pepejal yang biasa. Kalau kita tengok sampah-sampah yang hijau-hijau yang dari daun dari pokok itu semua sebanyak 150 tan sehari dan sampah-sampah lain adalah dari rumah *construction* dan sebagainya 1,200 tan sehari di Seberang Perai. Pada tahun 2007, UNDP telah membuat kajian terperinci untuk menyelesaikan masalah sampah di Pulau Pinang. Laporan UNDP mendapati penyelesaian terbaik adalah membina RDF di mana 50% daripada sampah yang digunakan untuk menjana elektrik dan 50% daripada sampah dikitar semula termasuk plastik dijadikan *bio-diesel* seperti di DUN Kajang di mana saya, keluarga saya tinggal. Di Kajang, sampah dia 750 tan sehari daripada penduduk di mana 80% daripada sampah diproses dan 20% di hantar ke *landfill* Pusat Pelupusan Sampah. Tetapi 20% yang sepatutnya di hantar ke pelupusan sampah perlu kurang lagi 5%, maknanya dia masih diproses lagi. Kos sebanyak RM50 defensif berbanding di Pulau Pinang kita perlu hantar ke *transfer station* di Ampang Jajar dan dihantar ke tempat pelupusan sampah di Pulau Burong.

Buat masa ini saya mendapat maklumat Kerajaan Negeri mendapat fasiliti MRF untuk kitar semula sampah. Jika kita dapat menggunakan sampah untuk menjana elektrik di Pulau dan Seberang sebab di Pulau itu sampah 750 tan sehari dan di Seberang Perai 1,000 tan sehari, ini dapat mengurangkan bil elektrik dan mengurangkan kos pada MPSP sepertimana yang dilakukan oleh RDF di Kajang yang menjimat RM12 juta kepada MPKJ. Ini dapat sedikit sebanyak masalah sampah dan kekangan bilangan tong sampah terutama di kawasan-kawasan kampung.

Seterusnya isu yang berkenaan masalah banjir dan parit saya telah memberi *input* kepada EXCO berkenaan, jadi saya ingin mencadangkan yang wang caruman perparitan dan harap dapat dilaksanakan dan cadangan ini telah dibangkitkan oleh beberapa dari JPS sendiri dan lain-lain. Saya ingin mencadangkan pelaksanaan wang caruman perparitan dari MMK Tebatan Banjir untuk digunakan membuat penyelenggaraan berjadual kepada semua parit dan sungai termasuk di kampung-kampung. Sebab sekarang ini penyelenggaraan ataupun *maintenance* sungai dan parit adalah tidak termasuk di dalam dan tidak dijadualkan, maknanya JPS mempunyai peruntukan pembangunan untuk membina parit-parit tetapi kalau kita pergi ke Pejabat Daerah dan JPS dia hanya menyelenggara parit itu secara *ad hoc* dan tidak berjadual dan mengharapkan penduduk di kampung untuk menyelenggarakan parit-parit. Saya dah pergi ke parit-parit ini kalau kebanyakannya penduduk tua-tua menyelenggarakan lalang-lalang dan pokok besar dalam parit yang agak membahayakan, saya rasa ini tak akan menyelesaikan masalah banjir terutama di kampung-kampung disebabkan kampung-kampung tidak mempunyai sistem perparitan yang terurus.

Yang lain itu saya rasa dan berharap agensi Kerajaan seperti JPS, dan saya juga mengucapkan terima kasih kepada JPS memberi *respona* yang agak cepat untuk menyelesaikan masalah banjir lumpur di Mengkuang Titi dan juga masalah banjir di Kampung Sungai Lembu. Saya amat berharap yang Kerajaan Negeri akan dapat mempunyai satu sistem penyelenggaraan sungai dan parit secara berjadual supaya kami ADUN-ADUN ini tidak jadi macam ahli Bomba, bila banjir kami kena, saya pun tidak sanggup tengok banjir dan banjir lumpur terutama di kawasan-kawasan di mana ada taman-taman perumahan yang baru sebab nanti taman perumahan ada sistem yang baik tetapi air-air pergi ke kampung-kampung, apa yang saya nampak ia telah mematikan pokok-pokok juga dan menyusahkan penduduk terutamanya di kampung-kampung di DUN Penanti.

#### **Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Penanti, minta laluan, sebenarnya perkara yang sama pada penggal yang lepas mungkin sebab Barisan Nasional diminta tak layan. Kali ini diminta oleh Penanti, kita tahu apa yang saya minta kalau boleh diadakan *Master*

*Drainage System* bagi kawasan luar bandar supaya perubahan-perubahan baru *connect* dengan *existing*, *if not* hari ini bila banjir hujan lebat bila saja berlaku habis semua, terutama sekali kawasan-kawasan yang melibatkan pembangunan baru. Saya minta kalau boleh kita nak lihat Kerajaan Negeri menyediakan satu *Master Drainage System* untuk kawasan luar bandar memastikan tidak ada lagi masalah kalau ada pun boleh dikurangkan di kawasan luar bandar dan sebagainya dan peluang baru.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Penjelasan apakah yang diminta oleh Barisan Nasional dahulu yang tidak ditunaikan oleh Pakatan Rakyat? Pertama soalan saya. Kedua kawasan yang selalunya teruk dilanda banjir adalah Datok Keramat dan setelah Pakatan Rakyat mengambil alih Kerajaan barulah kerja-kerja tebatan banjir dibuat, kalau Barisan Nasional, ADUN Barisan Nasional tak buat apa-apa untuk kerja-kerja mengurangkan kejadian banjir di situ dan apakah yang diminta oleh Barisan Nasional itu ditepati oleh Pakatan Rakyat. Boleh beri penjelasan?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Cukup Seri Delima ya penjelasan. Saya merujuk kepada *master Drainage system* untuk kawasan luar bandar bukan bandar faham tak? Luar bandar, ini saya bercakap Balik Pulau luar bandar. Kepentingan adanya sistem ini saya tak cakap kat pekan. Ada tapi luar bandar dan saya tahu Padang Kota tahu banyak kali perkara ini.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya pernah berada di sini semasa penggal yang lalu, tetapi apakah permintaan yang dibuat dengan jelas secara bertulis, lisan melalui perbahasan di Dewan?

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Cukuplah Seri Delima....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya dah minta, apa yang saya minta Padang Kota dah tahu yang lepas, saya rasa Padang Kota boleh *respond* nanti cukuplah.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskanlah Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya Penaga.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Salam sejahtera.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sebentar, Dewan mengalu-alukan kehadiran empat (4) orang Senator Dewan Rakyat pada petang ini bersama kita. Senator Dato' Muhammad Yusoff, Senator Syed Hussain, Senator Dr. Ariffin dan Senator Tuan Syed Shahir. Terima kasih. Silakan.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker, dan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengalu-alukan kehadiran Senator-senator petang ini bersama dengan kita. Selamat datang. Yang Berhormat Tuan Speaker, jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang bersempena dengan perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas pada 2 Julai 2013.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Timbalan Speaker kerana dilantik ke jawatan tersebut dalam Dewan ini. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada EXCO-EXCO yang telah dilantik dan juga tidak lupa kepada Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Dato' Jahara pada masa ini tidak ada di sini di atas pelantikan ke jawatan tersebut.



Yang Berhormat Tuan Speaker, ini adalah ucapan sulung saya dalam Dewan yang mulia ini. Bermula dari kelmarin sehingga hari ini saya telah berpeluang mendengar perbahasan di dalam Dewan ini dan saya dapati bahawa Dewan Undangan ini adalah satu tempat yang mulia yang mana semua Ahli-ahli Dewan adalah Ahli-ahli yang dipilih secara rasmi oleh pengundi-pengundi di kawasan masing-masing. Sebab itu saya rasa lebih elok saya mengucapkan tahniah kepada Ahli-ahli Dewan. Saya dan rakan-rakan di barisan pembangkang ingin memberi kerjasama kami kepada Dewan ini dalam penggal selepas PRU Ketiga Belas ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada pengundi-pengundi di DUN Penaga yang telah memberi undi kepada saya dan kepercayaan kepada saya untuk menjadi Ahli DUN Kawasan Penaga dan di atas sifat itu saya berada di sini. *Insyaa-Allah* saya akan menjalankan tanggungjawab saya sebagai ADUN Penaga dan juga kepada rakyat Pulau Pinang serta pengundi-pengundi di kawasan saya.

Yang Berhormat Tuan Speaker, isu yang pertama yang saya ingin bangkitkan di sini ialah berkaitan dengan pemilihan Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid di Pulau Pinang. Saya mendapat banyak rungutan dan rasa tidak puas hati daripada pengundi-pengundi di kawasan saya di mana mengikut mereka ada juga di kawasan saya di masjid-masjid tertentu di mana pemilihan telah dibuat mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Agama Islam tetapi setelah pemilihan dibuat, Ahli Jawatankuasa baru dilantik oleh Majlis Agama Islam dan pemilihan tersebut selepas itu ditangguh. Baru-baru ini saya difahamkan, secara spesifik, saya ingin menyatakan di sini, Masjid yang terlibat ialah Masjid Bakar Kapur di kawasan Penaga di mana saya difahamkan pemilihan telah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan ataupun dibenarkan tetapi selepas itu ditangguh kerana Ahli Jawatankuasa yang dipilih secara demokratik tidak diiktiraf dan selepas itu Majlis Agama Islam telah melantik seorang Pengerusi baru.

Saya difahamkan baru-baru ini Pengerusi itu telah dilantik dan Pengerusi itu diberi tugas untuk melantik Ahli Jawatankuasa yang lain. Perkara ini telah menyebabkan rasa tidak puas hati dikalangan anak-anak kariah di kawasan saya. Bagi saya perkara ini tidak sepatutnya berlaku di kalangan orang-orang Islam. Sebagai orang Islam saya rasa masjid adalah tempat kita semua bukan sahaja untuk bersolat ataupun beribadat tetapi ia adalah tempat untuk orang-orang Islam berhimpun dan mengadakan aktiviti-aktiviti lain. Jadi kalau betul apa yang diberitahu kepada saya seolah-olah pemilihan yang dibuat secara sah bagi mereka, kerana mereka ada bukti-bukti yang menunjukkan bahawa laporan, prosedur telah diikuti, tetapi akhirnya keputusan yang dibuat dalam Mesyuarat Agung untuk melantik Ahli Jawatankuasa tidak dipakai atau tidak diterima oleh Majlis Agama Islam dan nama-nama baru diberi. Malangnya, bagi saya perkara-perkara seperti ini tidak sepatutnya berlaku....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Penjelasan. minta laluan. Terima kasih Penaga. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua kerana perkara yang telah disebutkan oleh YB. Penaga tadi bukan sahaja tak seharusnya berlaku tetapi perlu diperbetulkan kerana Majlis Agama Islam bertanggungjawab untuk memastikan semua jawatankuasa-jawatankuasa kariah ini berfungsi dengan baik dipilih dengan betul dan mempunyai kewibawaan untuk mentadbir kariah, jadi kalau telah berlaku apa yang disebutkan YB. Penaga ini adalah satu kepincangan besar di dalam proses pemilihan jawatankuasa kariah yang tidak seharusnya dibendung dan kita tak tahu di mana-mana lagi yang berlaku yang tidak dilaporkan dan ini akan mencemarkan kemurnian institusi agama itu sendiri kemurnian keagungan agama Islam itu sendiri dan ini adalah satu perkara yang kalau dibenarkan tambah lagi kalau ada peranan ini yang dimainkan oleh Majlis Agama Islam adalah satu perkara yang cukup besar yang perlu diperbetulkan dan perlu diperjelaskan. Kita minta nanti Ahli Batu Maung memperjelaskan apa yang sebenarnya berlaku, di mana lagi yang berlaku dan tindakan yang dibuat oleh Majlis Agama Islam untuk membetulkan keadaan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Tuan Speaker.

**Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):**

YB. Tuan Speaker saya pun tertarik pasal benda ini, saya timbul tadi tapi cuma nak dapat pandangan Penaga, adakah pengerusi yang dilantik ini yang berada dalam Mesyuarat Agong ataupun tidak ada ataupun dia tidak bertanding jawatan pengerusi tapi dia dipilih ataupun pengerusi yang dipilih dalam Mesyuarat Agong itu tidak sebulu dengan pihak tertentu kerana kawasan saya berlaku, salah satu contoh di Masjid Sungai Kechil juga begitu bila pengerusi itu berjaya dalam pertandingan dilantik oleh anak kariah yang pertama, difahamkan namanya tak layak jadi pengerusi dipilih daripada yang tak bertanding pun menjadi pengerusi pandangan saya, Penaga kalau boleh dalam masjid rumah Allah ini sebagai orang Islam kita jangan kira apa fahaman politik kerana ini rumah Allah, kerana kita sembahyang semua satu kiblat sembahyang fardu lima (5) waktu semuanya sama rukun Islam sama, rukun Imam sama mengapa harus ini kita bezakan walaupun fahaman politik berbeza tapi soal agama kita tidak boleh tolak ansur kita sama jadi saya harap pada pihak yang berkenaan supaya teliti pertimbang dan bertindaklah dengan penuh jujur kerana *Allah* maha mengetahui apa yang kita buat baik atau tidak baik. Terima kasih.

## **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan Penaga.

## **Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih di atas pandangan Ahli Telok Ayer Tawar dan Sungai Acheh. Soalan yang ditanya kepada saya oleh Sungai Acheh saya tak pasti. Yang saya pasti ialah orang yang dilantik itu bukannya dilantik secara sah dalam Mesyuarat Agong. Sebab kalau orang yang baru dilantik itu maksud saya yang dilantik oleh Majlis Agama Islam, kalau dia dilantik maknanya beliau belum dilantik dalam Mesyuarat Agong. Kalau beliau telah dilantik dalam Mesyuarat Agong dia tak akan dilantik semula. Jadi saya setuju, amat setuju sekali dengan pandangan Sungai Acheh dan Telok Ayer Tawar dan saya amat berharap perkara ini diperbetulkan oleh Majlis Agama Islam.

Sebenarnya saya kecewa dengan apa yang berlaku. Saya sedih apabila melibatkan orang-orang Islam seperti mana yang dikatakan oleh Sungai Acheh, Kita ada cara kita orang Islam. Tetapi dalam hal begini pun kita tak boleh setuju. Satu lagi perkara yang saya bimbang ialah perasaan permusuhan ataupun kebencian di kalangan bukan sahaja orang Islam tetapi penduduk di kampung sendiri, anak-anak kariah itu sendiri. Ini tak sihat. Sebenarnya apa pun kita nak kata berkaitan dengan demokrasi atau tak demokrasi, bagi saya itu tak penting sangat. Bagi saya kampung adalah tempat di mana kalau ada kenduri, ada kematian, orang yang sama akan hadir di majlis tersebut tanpa mengira fahaman politik. Kita kena ambil kira perkara itu, Tetapi kalau kita timbulkan perkara-perkara begini ataupun disebabkan pelantikan macam ini, akan menimbulkan rasa tidak puas hati atau perasaan yang kurang senang di kalangan masyarakat di kampung.

Saya harap pihak Majlis Agama Islam cuba selesaikan perkara ini demi agama Islam kita yang suci dan demi untuk menjaga keharmonian masyarakat di kampung kita. Kadang-kadang kita duduk di atas, di pejabat, apabila kita membuat satu-satu dasar kita buat tanpa kita ada perasaan. Tetapi kalau kita tinggal di kampung, kita akan rasa macam mana. Saya rasa ini bezanya, saya cakap terang-terang sebab saya berasal dari kampung, saya tak duduk di bandar. Kadang-kadang orang pembuat dasar itu dia lupa di peringkat bawah macam mana keadaan-keadaan tidak harmonian itu boleh berlaku. Jadi saya harap benar dan saya minta supaya isu-isu pelantikan dan pemilihan Ahli Jawatankuasa Masjid tidak dipolitikkan dan saya harap umat-umat Islam di Pulau Pinang ini dapat memahami dan bersatu dalam hal-hal agama kita.

Isu yang kedua YB. Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit mengenai isu pelancongan dalam ucapan dasar ataupun ucapan Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena perasmian mesyuarat Dewan ini. Saya boleh katakan saya amat gembira sekali apabila salah satu tempat di kawasan saya disebut oleh TYT iaitu Kuala Muda, di dalam kawasan DUN Penaga, sebagai satu tempat pelancongan dalam ucapan dan saya *check* dan memang ada. Saya amat berharap Kuala Muda diberi perhatian dan dibangunkan sebagai sebuah tempat pelancongan. Sebenarnya Kuala Muda ini penduduknya adalah nelayan. Dan mata pencarian mereka tentu sekali daripada hasil laut. Jika Kerajaan Negeri dapat mengambil sesuatu usaha untuk membangunkan industri pelancongan di Kuala Muda tentu sekali pendapatan penduduk-penduduk di kawasan itu akan meningkat. Hasilnya bukan sahaja akan dinikmati oleh mereka, nelayan-nelayan, tetapi oleh keluarga mereka dan (kalaulah tuan-tuan, minta maaf). Jikalau Ahli-ahli Dewan ini masih ingat Kuala Muda adalah satu tempat di mana berlaku tsunami bukan tsunami politik tetapi, tsunami betul pada 2004 Disember, salah satu tempat di mana penduduk-penduduk di tepi pantai mengalami masalah akibat tsunami.... (gangguan).

Terima kasih Yang Berhormat, Pilihan Raya 2004 lepas itu dalam tahun yang sama tsunami berlaku. Apa pun apa yang saya nak katakan di sini kadang-kadang kita terlupa apa yang berlaku di situ. Disebabkan tsunami maka penduduk-penduduk di kawasan itu terutama sekali yang tinggal di tepi-tepi laut mengalami banyak masalah seperti kehilangan nyawa, kerosakan pada rumah, harta benda dan hasil daripada kerjasama, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), kalau tak salah saya, satu projek perumahan yang lebih dikenali sebagai Taman Tsunami telah dibina untuk penduduk-penduduk yang terlibat dalam insiden tersebut. Itu satu perkara, bagi saya, kita tidak harus melupakan pada mereka. Oleh itu saya amat gembira sekali apabila saya mendengar dan membaca dalam ucapan TYT yang menyentuh mengenai Kuala Muda dan apabila dinyatakan bahawa Kuala Muda boleh dibangunkan sebagai sebuah tempat pelancongan, saya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Penaga amat mengalu-alukan. Saya harap perkara ini berlaku dan *insya-Allah* saya rasa ia akan berjaya dan akan disambut baik oleh penduduk-penduduk Kuala Muda.

Sebelum saya akhiri ucapan saya yang ringkas tadi saya ingin menyebut sedikit. Baru-baru ini pada 13 Jun 2013, kawasan saya khususnya di sebelah Kuala Muda telah dikena ribut angin bencana alam, dan akibat ribut tersebut banyak rumah yang mengalami kerosakan dan kita telah mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat. *Alhamdulillah* bantuan telah diberi tetapi sehingga ke hari ini masih ada lagi rumah yang belum diberi bantuan sepenuhnya. Jadi saya pada hari ini berharap pihak Kerajaan Negeri dapat membantu dalam menyelesaikan hal ini. Sebelum saya akhiri ucapan saya,

saya ingin merakamkan di sini penghargaan kepada bekas Ketua Pembangkang Barisan Nasional pada sesi 2008 hingga 2013 YB. Dato' Azhar Ibrahim di atas.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan sedikit bila Yang Berhormat sentuh tentang YB. Dato' Azhar, saya nak komen bahawa ucapan Yang Berhormat lebih jitu dan lebih baik daripada YB. Penaga dulu, itu pendapat peribadi saya, sebab itu saya tak mencelah memang bernas, memang mempunyai asas saya memang setuju. Kalau dulu Yang Berhormat Penaga dia selalu mai tunjuk punggung sahaja.... (ketawa).

**Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):**

Terima kasih YB. Seri Delima, seperti yang saya katakan tadi saya ingin merakamkan jutaan terima kasih di atas khidmat yang telah diberi bekas YB. Penaga di Dewan ini, dengan itu, Yang Berhormat Timbalan Speaker saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya YB. Sungai Dua, silakan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, Yang Berhormat Timbalan Speaker, Ahli ahli Yang Berhormat Ketua-ketua Jabatan, pemerhati yang dihormati sekalian, *alhamdulillah* syukur kepada Allah S.W.T. kerana kita masih lagi berada dalam Dewan yang mulia ini untuk kita terus membincang membahaskan dan mencari satu kata putus untuk kita memastikan rakyat-rakyat Negeri Pulau Pinang ini mendapat perkhidmatan yang baik, saya duk kerling dekat YB. Rayer takut dia celah sat lagi... (gangguan).

Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Tuan Speaker dan juga Timbalan Speaker yang telah dilantik dipilih sebagai Speaker dan juga Timbalan Spekaer bagi meneruskan agenda atau Mesyuarat Penggal Dewan Undangan Negeri yang mulia ini. Saya daripada Sungai Dua mohon untuk turut serta dalam membahaskan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang tempoh hari yang mana beliau, Tun telah memperingatkan kita bahawa patut mematuhi peraturan Dewan dan memastikan Dewan berjalan dengan teratur, sempurna serta dengan penuh rasa hormat menghormati antara satu sama lain, saya sebagai

ahli baru mengharapkan supaya saranan daripada Tun ini dapat kita ikuti dan patuhi dan tidak ada sebarang unsur perkara yang menyebabkan kita saling benci-membenci, menyakitkan hati masing-masing, ini kita perlu elakkan *Insyaa-Allah*.

Ada empat (4) perkara yang menarik perhatian saya dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun yang perlu saya sebut bangkitkan dalam ucapan terima kasih ini, yang pertamanya ialah berkaitan infrastruktur dan kemudahan. Perkara yang saya nak fokuskan di sini ialah berkaitan dengan banjir kilat, banjir ini sering berlaku termasuk di kawasan YB. Seri Delima saya kena fokus dekat dia lebih sikit, dan saya rasa sumbangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan juga ada dalam menangani banjir dalam projek tebatan banjir dan sebagainya. Jadi kita tak boleh mengadakan atau tak ada sumbangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan, dan apa yang saya nampak adalah masalah yang berlaku di kawasan saya, kawasan Sungai Dua bila saya dilantik sebagai Yang Berhormat selama tiga (3) bulan esok cukup tiga (3) bulan. Masih banyak berlaku banjir kilat di kawasan luar bandar di kawasan kampung-kampung tradisional. Oleh kerana rumah-rumah kampung ini dia perparitan tidak ada ataupun tidak lengkap rumah berselerak, rumah kampung, sini sebuah, belakang rumah menghadap ke depan rumah.

Jadi ini menyebabkan berlaku bermacam-macam masalah kesihatan, air kumbahan penuh bila banjir, bila hujan lebat, air tak boleh jalan tak boleh keluar ia menyebabkan banjir kilat yang menyebabkan ia lebih teruk saya rasa daripada kawasan pekan atau bandar lebih teruk lagi sebab air yang sedia maklum, air yang cukup tak baik, tak elok air kumbahan, air ...(dengan izin) air acaq di kawasan kampung disebut air acaq. Jadi ini perlu diberi penekanan sebanyak RM30 juta lebih di bawah tebatan banjir ini saya nampak kita perlu melihat isu ini cuba untuk membuat satu sistem pengairan kawasan kampung yang memerlukan seliaan daripada pihak Kesihatan, pihak ICU kita minta Kerajaan Negeri di bawah MPSP melihat masalah ini dan cuba untuk mencari jalan penyelesaian kepada isu perparitan, saluran, longkang di kawasan-kawasan kampung.

Perkara yang kedua berkaitan dengan infrastruktur dan kemudahan berkaitan dengan pembinaan *link* ketiga Pulau Pinang yang melibatkan dari persiaran Gurney ke Bagan Ajam dalam cadangan untuk pembinaan, bila cadangan pembinaan ini kita kena lihat dari segi kajian, kajian yang dibuat perlu kajian dengan lebih teliti dan lebih telus mungkin pihak profesional untuk membuat kajian yang lebih terperinci dan kajian betul-betul supaya tidak berlaku masalah dan perlu ketelusan dalam pembinaan atau cadangan untuk membina, kita kena lihat masalah lain, selain dari masalah ekosistem, masalah nelayan di kawasan tersebut, masalah berkaitan dengan penduduk di kawasan sekitar Bagan Ajam yang kemungkinan besar terpaksa berpindah dan sebagainya. Kita kena lihat dan juga masalah yang berkaitan dengan

pelabuhan yang ada di situ. Pelabuhan kita kena tengok sebagai sumber kesihatan banyak orang bekerja dan sebagainya, jadi kita kena tengok pelabuhan itu tidak menjadi masalah, boleh diteruskan walau dibina terowong dan sebagainya terowong bawah tanah. Perkara yang kedua yang saya nak sebut di sini ialah pelancongan, rakan-rakan Yang Berhormat telah menyebut tadi pelancongan merupakan liabiliti yang utama di Negeri Pulau Pinang menyumbang pendapatan yang tinggi pelancong pun ramai masuk, termasuk pelancong asing dan domestik ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Apakah pandangan YB. Sungai Dua kalau tak silap saya, Yang Berhormat setuju dengan terowong bawah tanah yang akan dibina? Ya? Itu saja saya tersilap dengar ke? ...(ketawa) maksudnya setuju lah? Maksudnya setuju, YB. Sungai Dua setuju dengan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tidak setuju, saya minta kajian buat dengan cara yang telus dan juga tepat. Jadi kajian itu kena buat betul-betul jangan nanti ada masalah lain kata setuju buat ini ...(gangguan)

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Sebabnya saya tanya adalah kerana komponen Barisan Nasional iaitu Gerakan telah mengadakan demonstrasi membantah terhadap pembinaan terowong bawah tanah walaupun ia adalah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas kalau tak silap saya tadi Yang Berhormat telah mengatakan setuju kalau dibuat secara telus selepas kajian, betul? Yang Berhormat, ...(ketawa).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya rasa saya tidak setujulah, ...(ketawa) saya tak setuju cuma saya minta kajian dibuat. Sebab dia melibatkan banyak keburukan daripada kebaikan, nak elak kesesakan saya rasa ada jalan lain lagi, bina banyak mungkin lebuh raya atau jambatan ketiga dan sebagainya. Ada pelan-pelan lain yang boleh kita buat selain dari buat terowong. Okey isu pelancongan, Yang Berhormat Timbalan Speaker, dah banyak rakan-rakan bangkitkan cuma kita nak fokus kalau boleh kawasan-kawasan di sebelah seberang, kawasan saya pun ada kawasan di Air Itam dalam, ada kawasan pelancongan agro tourism yang boleh kita bangunkan, boleh dilihat secara terperinci boleh buat kajian, boleh dijadikan sebagai satu kawasan pelancongan, kawasan Air Itam dalam.

Yang ketiga berkaitan dengan kecemerlangan belia dan sukan. Belia kita faham adalah pewaris bangsa pewaris kepimpinan di masa akan datang, jadi kita perlu membentuk belia yang lebih cemerlang, lebih faham dari segi kepimpinan. Masalah belia hari ini merupakan belia-belia yang tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang agak tinggi dari segi kepimpinan ataupun dari segi kefahaman atau dari segi sejarah agama, bangsa dan negara. Kita perlu lihat kena fokuskan kepada program-program bentuk bina insan untuk membentuk pemimpin-pemimpin pelapis kepada Negeri Pulau Pinang ini. Saya harap kita kena fokus lebih kepada program yang berbentuk kepimpinan motivasi dan sebagainya kerana ianya agak kurang saya nampak, cuma kita kena fokuskan lebih kepada bidang ekonomi dan sebagainya lalu kita kena lebihkan pada bidang kursus motivasi kepimpinan, membentuk pemimpin dan sebagainya. Dan juga saya minta pihak Kerajaan Negeri tidak fokus pada atau tumpu pada ...(dengan izin) Penang Youth Development Corporation Sdn. Bhd., kita ada banyak lagi penubuhan jabatan belia, pertubuhan belia, NGO dan sebagainya kita beri peranan ini, peranan untuk membangunkan belia kerana kita ada banyak NGO dan belia-belia pun banyak Mission Bay Yacht Club (MBYC) pun banyak yang boleh kita beri tugas dan juga tumpuan untuk kita beri *task* ataupun tugas kepada dia untuk melaksanakan program-program seperti yang saya sebutkan tadi.

Dari segi sukan saya rasa Pulau Pinang telah melahirkan sukan yang hebat kita ada dua (2) orang sukan yang hebat di sini di Pulau Pinang, Nicol Ann David dan Lee Chong Wei sampai ke peringkat tertinggi, peringkat antarabangsa dan mengharumkan nama Negara. Cuma kita agak kekurangan di Sungai Dua sendiri memang tidak ada tempat untuk yang lengkap untuk kita membentuk atlet di sekolah Sungai Dua, saya baru pergi rasmikan sukan, ada lima (5) orang yang mewakili Negara, empat (4) mewakili negara di peringkat bola sepak dan juga sepak takraw dan seorang mewakili negara di peringkat antarabangsa, bolasepak jadi mereka ini boleh dibentuk untuk dilahirkan sebagai ahli sukan yang baik tetapi kemudahan tempat dan sebagainya tidak ada di Sungai Dua dan juga di kawasan-kawasan lain. Saya harap kita dapat membina sebuah kompleks sukan yang lengkap mungkin di kawasan Sungai Dua untuk semua peringkat terlibat dalam membentuk ahli sukan yang cemerlang. Keempatnya dari segi pengangkutan dan lalu lintas.

Dalam ucapan TYT Tun disebut lima komponen di bawah pengangkutan Negeri Pulau Pinang telah memasuki fasa pelaksanaan iaitu Pelan Tindakan Lebuhraya, Pelan Tindakan Sistem Pengangkutan Awam, Pelan Tindakan Kebolehcapaian, Pelan Tindakan Institusi dan Kajian Pengangkutan Air. Jadi kita mengharapkan supaya pelaksanaan pelan-pelan ini dapat dimaklumkan kepada pihak Yang Berhormat semua mungkin di dalam Dewan yang mulia ini peringkat pelaksanaannya supaya kita lebih mengetahui dari segi pelaksanaan pelan-pelan tersebut.



Seterusnya saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pengundi-pengundi di Kawasan Sungai Dua yang telah memberi kepercayaan, memberi amanah ini kepada saya untuk mewakili rakyat di kawasan Sungai Dua. Bila tinggal di kawasan Sungai Dua ianya ada enam (6) isu yang perlu saya bangkitkan dalam Dewan ini berkaitan dengan kawasan Sungai Dua. Pertamanya mengenai isu berkaitan dengan paip air Pihak Berkuasa Air (PBA) dari kawasan Permatang Buloh hingga ke Pekan Sungai Dua sering berlaku paip pecah di jalan-jalan besar, *main road*, ...(dengan izin). Bila berlaku paip pecah ini banyak masalah timbul iaitu jalan rosak, kemalangan jalan raya, gangguan bekalan air dan sebagainya dan menyusahkan penduduk di kawasan yang terlibat. Saya mengharapkan paip air yang berusia lebih kurang 20 tahun ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan Yang Berhormat. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat, bersetuju dengan Yang Berhormat, memang ia satu ucapan yang bernas dan berasas berbanding dengan Ahli Dewan Undangan Negeri sebelum ini yang selalu datang melenting dan membuang masa saja. Adakah Yang Berhormat setuju dengan saya YB. Sungai Dua sebelum ini tidak melaksanakan tugas-tugas beliau sebab itu ada enam (6) masalah yang masih lagi belum diberi perhatian. Setuju dengan saya?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

YB. Speaker, saya rasa soalan yang ditimbulkan oleh YB. Seri Delima adalah tidak relevan langsung. Dia tanya tentang orang dulu, sekarang saya yang bercakap.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila teruskan YB. Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih. Saya ingat saya tidak perlu jawab soalan itu sebab saya rasa....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Maksudnya mengakulah. Tidak ada jawapan maksudnya mengakulah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

YB. Sungai Dua yang dahulu, Dato' Jasmin memang telah melaksanakan tugas dengan sempurna.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Cakap memang dia pandai tetapi dia tak pandai buat.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

YB. Seri Delima memang ada masalah yang tidak habis. Masalah macam ini memang tak boleh habis. Hebatlah YB. Seri Delima. Seterusnya ialah mengenai masalah paip PBA yang juga melibatkan kawasan kampung Dato' Salleh, kawasan Permatang Sungai Dua. Kawasan itu mempunyai banyak masalah dari segi paip air PBA dan saya harap ianya dapat diselesaikan dengan menggantikan semula paip yang sudah lama dan kerap kali rosak. Keduanya dari segi Pekan Sungai Dua itu sendiri. Sungai Dua mempunyai satu pekan yang baru naik rumah-rumah kedai, bila naik rumah kedai yang baru ini, naik juga kes mesin kuda yang sudah mula beroperasi pada tahun 2012. Hingga sekarang sudah ada lima (5) kawasan kedai yang mempunyai slot mesin judi kuda yang telah beroperasi 24 jam dan tidak berehat. Bila ada judi kuda ia melibatkan banyak pengunjung yang menghabiskan hampir RM200-RM300 sehari dan puratanya, *average* ... (dengan izin) 200 orang. Sehari duit yang dikeluarkan adalah sebanyak RM60,000 sahaja perbelanjaan untuk judi.

Kita berharap tindakan akan diambil oleh pihak-pihak berkaitan seperti MPSP, Polis dan sebagainya untuk menyelesaikan masalah mesin judi kuda. Kedai mereka ini di depannya bukan kedai mesin kuda, depannya ada macam kedai *hand phone* atau *cybercafe*. Setahu saya *cybercafe* ini sudah tidak dikeluarkan lesen oleh MPSP. Mengenai projek perumahan, banyak perumahan yang dibina di kawasan Sungai Dua adalah projek perumahan kos tinggi seperti RM300,000 ke atas, cuma ada rumah kos rendah di kawasan Merbau Kudong yang dibangunkan oleh JKP dan juga di kawasan Kampong Teluk yang dibangunkan oleh PERDA. Saya harap pembangunan seterusnya oleh pihak Kerajaan Negeri dan swasta boleh melihat dari segi pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah yang boleh dimiliki, mampu dimiliki oleh golongan yang berpendapatan rendah supaya seimbang di antara rumah kos tinggi dan rumah kos sederhana rendah dan rumah kos rendah.

Ketiga ialah mengenai kawasan sawah padi. Kawasan Sungai Dua adalah kawasan tanaman sawah padi. Apa yang saya nampak secara *detail*, ...(dengan izin) ialah banyak kawasan padi sudah mula diganti dengan industri lain seperti industri perumahan, hartanah, tanah lot dan sebagainya. Ini

merisaukan saya sebab di kawasan itu sebahagian besar penduduk terlibat dengan kegiatan tanaman padi, mereka bekerja di situ dan mencari pendapatan di situ dan jika tanaman padi di situ sudah berkurangan maka akan menjejaskan pendapatan mereka dan kita juga mungkin melakukan pembaziran dari segi peruntukan yang telah disediakan dan juga dari segi infrastruktur, kemudahan asas di situ yang begitu banyak oleh kerajaan persekutuan saya rasa sudah melibatkan ratusan juta ringgit untuk membangunkan seluruh kawasan pengairan di Sungai Dua. Isu kariah saya rasa sudah disebut oleh itu saya rasa tidak perlu disebutkan cuma di kawasan Sungai Dua ada sedikit masalah di Kawasan Penaga, Sungai Acheh di mana di situ ada masjid yang telah mengadakan mesyuarat agong dan memilih jawatankuasa tetapi menerima surat supaya menangguhkan atau menggantung pemilihan tersebut. Jadi kita hendak juga penjelasan kerana mereka telah datang berjumpa saya dan bertanya kenapa. Penggantungan ini berlaku dekat bulan puasa dan mereka hendak menjalankan program-program di bulan Ramadan dan ini menimbulkan masalah. Itulah masalah yang timbul di kawasan Sungai Dua. Saya ada tambahan dua isu di sini, bukan isu tetapi saya hendak jelaskan sedikit kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat iaitu tentang isu indeks jenayah. Saya hendak sentuh sedikit mengenai indeks jenayah, seperti yang dibangkitkan ianya semakin meningkat, saya rasa dari bulan Januari hingga Mei tahun ini.

Di dalam Utusan Malaysia pihak Ketua Polis Negeri telah melaporkan, saya *quote* apa yang dilaporkan iaitu Utusan Malaysia pada 13 Jun, indeks jenayah telah meningkat 10% dari bulan Januari hingga Mei 2013 dan ini adalah disebabkan oleh pihak Polis membuka semula kes-kes kecil dan lama dan menyebabkan indeks jenayah semakin meningkat. Keduanya mungkin dari segi penghapusan undang-undang *Emergency Ordinance*, bila penghapusan undang-undang tersebut banyak masalah timbul bila pesalah-pesalah yang ditahan dilepaskan, jadi indeks jenayah makin meningkat. Itu apa yang saya dimaklumkan oleh akhbar Utusan. Apa yang jelas di sini ialah peranan Polis adalah amat penting. Kita jangan menidakkan peranan Polis yang menjaga keselamatan kita. Kita hidup dalam suasana yang baik, tenang dan aman pun dengan hasil usaha pihak Polis. Jika kita menidakkan langsung peranan Polis ini tidak begitu baik dan saya harap peranan kita ..(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan. Saya ingin menjemput pandangan Yang Berhormat untuk memberi komen. Saya tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat yang mengatakan kita tidak boleh memperkecilkan tugas-tugas Polis. Yang Berhormat setuju tidak dengan saya, kita telah melihat apabila ia melibatkan pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat, kita nampak pihak Polis dengan segera mengambil tindakan seperti menuduh pihak-pihak yang telah menganjurkan Perhimpunan 505. Semalam dalam perbincangan saya telah merujuk kepada

kejadian-kejadian di mana pemimpin Pakatan Rakyat telah diserang dan dipukul, umpamanya seperti bas Dato' Seri Anwar Ibrahim telah diserang, Nurul Izzah pernah diserang, Ketua Menteri kita pernah diserang semasa dalam Perhimpunan Aman Lynas, kita lihat tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap pihak yang terlibat sehingga mereka masih lagi menyiasat kertas-kertas tetapi tidak ada sebarang maklumat apa yang telah berlaku kepada pihak-pihak yang terlibat dalam perkara ini. Itulah komen-komen yang kita buat, adakah pihak Polis ini bersikap pilih kasih apabila ia melibatkan siasatan. Kita lihat kejadian di luar rumah Ketua Menteri di mana mereka mengadakan sembahyang jenazah tetapi tiada sebarang tindakan diambil sehingga hari ini. Serangan yang dibuat terhadap Ahli Parlimen Bukit Gelugor di Parlimen oleh pihak-pihak yang mengaku mereka adalah Pemuda UMNO juga tidak ada tindakan diambil. Tetapi bila orang yang menganjurkan Perhimpunan 505 secara aman yang dihadiri oleh orang Melayu, India dan Cina dan berlaku secara aman, pihak penganjur dituduh di mahkamah. Boleh Yang Berhormat memberi komen mengenai isu ini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih YB. Seri Delima. Saya tidak mahu beri komen perkara ini, ini kes Polis dan Polis akan komen, kita serah kepada Polis, cuma ... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Setuju atau tidak bahawa ada unsur-unsur pilih kasih. Kalau tidak mahu membuat komen boleh setuju atau tidak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tidak setuju sama sekali. Saya cuma hendak membangkitkan tentang tugas dan peranan Polis, jadi saya harap kita faham perkara ini.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Saya hendak minta laluan, boleh? Terima kasih. Tadi sebelum YB. Sungai Dua pergi ke isu lain, YB. Sungai Dua ada bangkitkan mengenai isu Polis dan salah satu perkara yang dinyatakan untuk menjustifikasikan peningkatan kejadian jenayah ialah kerana pemansuhan beberapa undang-undang seperti EO yang kita baca di dalam surat khabar baru-baru ini. Semua surat khabar menyatakan bahawa itu adalah salah satu faktor yang menyebabkan peningkatan dalam indeks jenayah. Saya ingin memberi pandangan saya berkenaan isu ini kerana ia telah menjadi satu isu nasional dan melibatkan pihak Polis. Kepada saya apabila EO dimansuhkan, apabila individu-individu yang dikatakan *hardcore criminal* ini dikembalikan kepada

*society*, apa yang perlu dibuat oleh pihak Polis, saya setuju dengan pandangan YB. Sungai Dua berkenaan dengan tanggungjawab pihak Polis, apa yang perlu dibuat oleh pihak Polis ialah mereka mesti mempertingkatkan mutu khidmat mereka kerana sekiranya individu-individu ini yang dikatakan *hardcore criminal* berada di luar mereka melakukan satu jenayah itu tidak bermaksud pihak Polis tidak boleh mengambil tindakan terhadap mereka untuk menentukan mereka tidak sambung kegiatan jenayah mereka. Apa yang saya sarankan pihak Polis mesti mempertingkatkan mutu perkhidmatan mereka, itu satu. Dari segi *investigation of evidence*, kita dapat bukti, mesti dipertingkatkan supaya mereka boleh dibawa ke muka pengadilan. Kedua, bila mereka dibawa ke muka pengadilan, apa yang penting ialah kita mesti pertingkatkan mutu pendakwaan di situ. Baru-baru ini kita melihat satu kes di Sungai Petani di mana seorang yang telah dituduh di bawah Seksyen 302 telah dilepas dan dibebaskan kerana tiada bukti menurut mahkamah akan kesalahan beliau. Itu yang berlaku dan saya rasa itu bukan seharusnya dijadikan satu faktor. Saya harap YB. Sungai Dua dapat memahami pandangan saya, faktor mengapa indeks ini seharusnya meningkat. Kita perlu meningkatkan mutu perkhidmatan Polis dan meningkatkan mutu khidmat pihak pendakwaan. Itu pandangan saya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta laluan, sedikit sahaja. Saya cuma ingin memberi komen sahaja iaitu terdapat tuduhan bahawa ada seorang yang telah dibebaskan melalui EO ini telah membayar RM50,000 sebulan untuk mendapat perlindungan seorang kakitangan Polis, seorang *senior officer* ...(dengan izin), seorang pegawai kanan. Mungkin ini salah satu faktor juga yang menyumbang kepada peningkatan kadar indeks jenayah. Unsur-unsur rasuah dalam Polis DiRaja Malaysia, mungkin Yang Berhormat boleh beri perhatian.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan. Terima kasih YB. Sungai Dua. Saya setuju dengan apa yang dikatakan untuk mengatasi masalah peningkatan jenayah pihak Polis perlu meningkatkan mutu perkhidmatan dan keupayaan mereka, keberkesanan tugas mereka dan pendakwaan. Tetapi saya nak tanya Ahli Datok Keramat. Bagaimanakah kita nak menyelesaikan masalah kerana penjenayah-penjenayah ini, walaupun cukup ganas menjadi masalah besar kepada masyarakat, tidak dapat didakwa kerana tak cukup bukti dan orang yang boleh menjadi saksi-saksi yang untuk memperkukuhkan kes-kes ini, tidak sanggup berani dan takut datang ke hadapan untuk menjadi saksi.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Macam P.I Bala. Macam P.I Bala.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Nantilah bagi saya habis dulu. Saya tak bagi laluan.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Saya tanya penjelasan sebagai P.I Bala....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Ahli Seri Delima adalah pengamal undang-undang seharusnya.... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seri Delima duduk.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Yang patut menghormati peraturan dalam Dewan yang mulia ini. Jangan melulu sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak perlu melenting.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Seri Delima pun tak perlu melenting. Saya tengah dok cakap elok-elok kenapa nak kacau.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tak payah melenting. Kelmarin ....(gangguan). Seperti P.I. Bala diberi sokongan kan? Setujukah.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Saya tak bercakap tentang sogokkan. Saya bercakap masalah mendapat saksi dan bukti yang cukup. Ini yang menjadi masalah besar. Seri Delima bertugas dalam mahkamah dan tahu masalah ini. Ya. Kita juga simpati dengan rakyat yang terpaksa berdepan dengan mereka yang melakukan jenayah-jenayah ini yang tak dapat di bawa ke muka keadilan kerana tidak

cukup bukti. Bukan kerana Polis tak mahu buat kerja. Ya. Tetapi kerana orang yang mempunyai bukti-bukti yang tahu tentang masalah ini tak berani datang dan takut. Takut hendak memberi kerjasama.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Dua, lama lagi kah? Sila buat rumusan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sedikit lagi sahaja.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Minta laluan. Sedikit lagi. Tadi YB. Telok Ayer Tawar tanya saya satu soalan, mungkin saya boleh jawab. Itu saya langsung tak tuduh Polis, tak buat kerja YB. Telok Ayer Tawar. So, tak adil tuduh saya. No, itu satu (1). Tetapi itu berbalik kepada YB. Telok Ayer Tawar kata, tak ada bukti. Itulah masalah dia. Mesti mempertingkatkan mutu perkhidmatan supaya kita boleh cari bukti tersebut. Itu apa yang saya kata. Jadi balik kepada YB. Sungai Dua tadi, itu pandangan saya lah.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat rumusan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Terima kasih kepada YB. Datok Keramat atas pandangan tadi. Jadi seterusnya tentang isu tapak kuil yang dibangkitkan di kawasan SPPP (PPC). Apa yang saya maklum pihak AJK Kuil telah bersetuju dan berbincang, dah menerima tapak baru di kawasan baru dan akan membangunkannya. Peruntukan disalurkan kepada pihak AJK Kuil dari ICU sebanyak RM30 ribu sebagai permulaan. Saya rasa akan diteruskanlah. Benda ini akan diteruskan pembangunannya.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

YB. Saya ucapkan ribuan terima kasih di atas jawapan. Mungkin YB. Sungai Dua patut jadi Ketua Pembangkang, kerana dapat berani di sini, berani memberi satu komitmen. Dulu kalau kita lihat Ahli Telok Bahang Dato' Seri Hilmi pun tak berani, walaupun dia merupakan seorang Pengerusi PPC. Tetapi saya betul-betul menghormati Sungai Dua, berani memberi jawapan. Terima kasih. Cuma saya nak tanya bilakah kuil itu akan siapkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Bila, kita tak boleh janjilah.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pula. Tak boleh janji pula.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Mungkin kita akan uruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Sungai Dua, dua (2) minit lagi. Yang lain duduk.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Okey. Dan saya ingat sebagai penutuplah, saya harap segala apa yang telah dibentangkan dalam diucapkan oleh Tuan Yang Terutama Tun sebagai janji atau janji yang akan dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, dapat ditunaikan, dapat dilaksanakan supaya kita tidak ada masalah dari segi penilaian janji kepada rakyat di kawasan Negeri Pulau Pinang dan kita harap dapat bekerja dalam satu pasukan yang kuat. Kita walaupun sebagai pihak pembangkang dapat memberi pandangan dan dilaksanakan oleh pihak Negeri, dan kita dapat rasional dalam apa yang kita bincangkan. Dan jangan *emotional* lah. Okey, saya ucapkan terima kasih kepada YB. Timbalan Speaker, dan saya Sungai Dua mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Seterusnya. Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

YB. Timbalan Speaker, saya Cheah Kah Peng ADUN Kebun Bunga. Salam sejahtera kepada semua dalam Dewan yang mulia ini. Pertama sekali saya mengucapkan tahniah kepada YB. Timbalan Speaker kerana telah dipilih sebagai Timbalan Speaker dalam Dewan yang mulia ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahaskan ucapan Tuan Yang Terutama dan juga untuk saya membentangkan ulasan dan cadangan saya pada hari ini.



Saya ingin juga merakamkan penghargaan kepada Tuan Yang Terutama atas ucapan pada 2 Julai 2013 yang merangkumi isu-isu kemajuan, sosial ekonomi dan pembangunan dan keharmonian masyarakat. Bagi saya ucapan Tuan Yang Terutama baru-baru ini, adalah satu bukti komitmen yang tinggi terhadap masa depan rakyat Pulau Pinang untuk terus hidup berharmoni dan dengan kesejahteraan dan masyarakat majmuk ini. Selain itu, saya juga ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi Pulau Pinang kerana sokong dan telah ditunjukkan kepada sokongan kepada Pakatan Rakyat. Saya mengucapkan syabas kepada Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng dan semua Yang Berhormat-Yang Berhormat kerana telah mencapai kemenangan dalam Pilihan Raya Umum Ketiga Belas.

YB. Timbalan Speaker, saya merujuk kepada *paragraph* enam (6) dalam ucapan Tuan Yang Terutama. Saya mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mangsa-mangsa yang terlibat dalam tragedi runtunan dan anjakan penyambung susur keluar Jambatan Kedua Pulau Pinang, dan runtunan rod besi penebat kilat di Menara UMNO, Jalan Macalister. Sebagai seorang wakil rakyat Negeri dan warga Pulau Pinang saya berkongsi kebimbangan dan prihatin atas kehilangan nyawa dalam kedua-dua kemalangan ini yang cukup menyayatkan hati kita. Hanya dengan penyesalan ke dalam ...(dengan izin), *deepest regret* dan simpati yang telus ikhlas, atas segala yang berlaku. Kita sebagai satu pasukan kena berazam dan berusaha dengan sesungguhnya untuk mengelakkan tragedi ini berlaku sekali lagi di Negeri kita.

YB. Timbalan Speaker, jelasnya isu keselamatan rakyat adalah isu yang terpenting. Saya ingin mengatakan dan merujuk kepada isu keselamatan awam khasnya berkaitan dengan isu alam sekitar, tanah bukit dan juga pembangunan atau struktur tinggi di Negeri Pulau Pinang ini. Isu-isu membotakkan Bukit Relau dan juga beberapa bukit di Pulau Pinang, di Negeri kita ini, dan juga tentang isu pembangunan tinggi yang perlu diperiksa atau tidak ada laporan berkala....(dengan izin) *Geological Report* yang kemungkinan ataupun boleh menjejaskan keselamatan nyawa orang awam tidak boleh ditoleransikan ...(dengan izin), tidak boleh di *tolerate*. Bagi saya bukannya Negeri kita yang tidak ada Undang-undang. Bagi saya kita ada Akta Alam Sekitar, Akta Kerajaan Tempatan. Kita ada Akta Bangunan, juga ada Akta Tadahan Air ...(dengan izin), *water catchment* dan lain-lain lagi.

YB. Timbalan Speaker, tetapi jikalau saya ditanya, saya akan kata, budak-budak kecil pun akan tahu ini bukan masalah tiada undang-undang yang mengawal kemalangan di Negeri kita ini. Bagi saya, YB. Timbalan Speaker, ini adalah mengenai pelaksanaan ataupun menguatkuasakan kadang-kadang. Masalah adalah bagi saya pihak yang melanggar undang-undang ataupun bertindak di luar sisi undang-undang di Negeri kita ini. Mesti di bawa dalam kawalan undang-undang. Saya pernah YB. Timbalan Speaker, saya pernah

menyaksikan ataupun memantau satu kes di Balik Pulau di mana *magistrate* menjatuh hukum terhadap tuan tanah yang menumbangkan pokok-pokok di atas tanah bukit yang akibat yang menumbangkan pokok itu, mewujudkan bencana kecil di mana air dan tanah semua telah runtuh selepas hujan lebat. Ini jikalau dilakukan secara tidak munasabah di luar sisi undang-undang secara *scale* yang besar akan menjejaskan nyawa dan mengancam nyawa rakyat Pulau Pinang dan juga sesiapa yang datang ke Pulau Pinang. YB. Timbalan Speaker, awal pagi ini, saya dibangkitkan oleh .....(gangguan).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Topik alam sekitar memang rakan-rakan kita dalam Dewan yang mulia ini, banyak bangkitkan terutamanya isu-isu *water catchment* dan sebagainya, amatlah kesal bahawa dalam ucapan perasmian ini, tak sentuh sikit pun tentang topik alam sekitar, melainkan topik-topik lain, setujukah lain kali isu alam sekitar mesti dikaji.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Saya membincang mengenai isu keselamatan yang berkaitan dengan alam sekitar. Saya rasa ini isu yang penting tapi saya akan pendekkan perkara itu. Isu keselamatan runtuh bukit, bangunan semua isu keselamatan walau pun ia berkaitan dengan bukit.

YB. Speaker, bagi saya apa gunanya jika bukit tidak lagi bukit kerana dibotakkan, hancur, dihakis. Apa yang kena kita beritahu kepada anak cucu kita mengenai hakikat kita menghakiskan bukit. Apa yang kita boleh kata kepada anak cucu mengenai ...(dengan izin) *the fast disappearing lung* di dalam Pulau Mutiara kita ini. Saya nampak adalah penting jadi di dalam Dewan ini saya akan cuba ada satu pantun mengenai perkara ini tetapi bagi saya ini serius tetapi saya bukan penulis pantun yang bagus. Ia berbunyi seperti berikut:

Semalam saya duduk dengar bunyi hujan,  
Akhirnya bunyi menjadi sampai tangisan,  
Suara apa suara yang saya terdengar malam ini,  
Ibu pertiwi menangis kerana dihancur hakisan.

YB. Timbalan Speaker, saya bukan penulis yang bagus tapi ini dari hati saya maksud saya, pendek kata ini menjadi seperti ...(dengan izin) *viral*. Dua minggu lalu saya diberitahu cepat-cepat pergi ke kawasan saya tengok tujuh (7) pokok yang setinggi enam (6) tingkat dicabut tanpa akar, akar sikit sahaja. Pokok *rain tree* ...(dengan izin), *rain tree* yang cukup cantik, membayangkan ... (dengan izin) *represent* Pulau Pinang setinggi enam (6) tingkat dengan daun-daun yang cukup cantik itu dicabut dengan mesin raksasa, kren raksasa. Selepas cabutan itu walau pun hanya tiga (3) yang dicabut yang empat dihentikan selepas pokok hujan yang besar setinggi enam (6) tingkat itu dicabut ke sekeliling daun-daun dipotong, digunakan kapak, gergaji kemudiannya ditanam secara, saya nampak saya bukan *botanic* ...(dengan izin), pakar tetapi ditanam di atas tanah Negeri di tepi jalan, ia stabil atau tidak stabil saya tidak tahu tetapi nampaknya pokok sebesar ini tiga (3), enam (6) orang pun boleh peluk, tiga (3), empat (4) pokok ini dicabut akarnya dikeluarkan. Bagi saya pendek kata, YB. Timbalan Speaker, ini menunjukkan satu perangai di Negeri kita di mana bagi saya pemaju ataupun tuan tanah boleh buat apa-apa yang mereka ingat mahu sahaja, ingin sahaja. Bagi kita macam tidak nampak ada *authority* ...(dengan izin) ataupun pihak berkuasa yang mengendali.

**Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):**

Apabila Yang Berhormat perkara tersebut berlaku apakah tindakan Yang Berhormat segera sama ada majukan kepada Pihak Berkuasa.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Ya. Saya dengan orang awam memberitahu kepada Kerajaan Tempatan dan dihentikan. Kita tidak tahu ini bukan salah pihak Kerajaan ini salah orang individu ataupun syarikat bagi saya masih ada tapi saya ingat *you* ada saya punya jawapan sudah ada jawapan. Maksud saya biarkan saya selesaikan. Pendek kata, semua ini kita tidak mahu menjadi *viral* bagi saya tiap-tiap orang boleh membuat apa-apa saja jadi pendek jawapan saya cadangan saya atas isu ini adalah tiga perkara sahaja. Perkara pertama, tindakan *action* ...(dengan izin), kedua tindakan dan perkara tiga (3) tindakan juga. Bagi saya kita kena wujudkan satu tindakan yang dilaksanakan dibuat oleh itu setiap orang yang ingin berhasrat melanggar undang-undang akan takut.

YB. Timbalan Speaker, isu kedua saya juga merujuk kepada ucapan Tuan Yang Terutama pada *paragraph* 36 di mana isu untuk menghapuskan dan menurun kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang telah dibincangkan. YB. Tuan Speaker, seperti yang dimaklumkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Kerajaan Negeri memang menimbulkan kebimbangan terhadap pihak-pihak Polis ekoran kadar jenayah telah meningkat sebanyak 8% pada tahun ini. Oleh

yang demikian, sebagai Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab, CCTV, lampu jalan, kempen, Pasukan Peronda Sukarelawan telah dipasang, ditubuhkan dan dibekalkan sumber oleh Kerajaan Negeri juga Kerajaan untuk ada satu hubungan yang lebih perbincangan dialog dan perbincangan yang lebih erat dengan pihak Polis untuk mengatasi masalah itu. Ini semua bagus. Sehubungan dengan itu, saya juga mengambil kesempatan dan inisiatif pergi berjumpa dengan pihak pegawai Polis yang berpangkat tinggi dan selain daripada perbincangan mengenai isu penjenayah di kawasan saya dimaklumkan kepada saya bahawa sumber ataupun kakitangan tidak mencukupi dalam pasukan Polis.

Bagi saya ini satu maklumat kepada saya, tapi saya harap atas isu ini pihak Kementerian Dalam Negeri dan Ketua Polis Negara jikalau boleh dapat melawat saya di sini, supaya mereka membantu meningkat taraf seperti yang dibincang oleh rakan-rakan Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum saya mengenai meningkatkan pembekalan latihan dan juga sumber manusia kepada pihak Polis di Pulau Pinang. Setahu saya ataupun dimaklum kepada saya lebih kurang lima (5) saya mungkin silap tetapi lebih kurang 5,000 anggota Polis *personal*. Saya tidak tahu ada pihak Polis di sini atau tidak tapi lebih kurang 5,000 dan kemungkinan kawasan kita terlalu besar di Negeri Pulau Pinang dan juga populasi sudah berkembang mungkin itu ataupun mungkin ada ciri-ciri yang lain tapi bagi saya hanya menyeru supaya kita mendapat lebih sumber untuk kawalan keselamatan Negeri kita.

YB. Speaker, kekhuatiran dan kebimbangan masyarakat terhadap jenayah ganas ...(dengan izin) *violent crime* makin meningkat khasnya jenayah ganas terhadap wanita, kanak-kanak dan warga emas. Banyak kes dahsyat tetapi saya tidak mahu bincang banyak kita semua tahu dan baca surat khabar misalnya kes yang lebih *high profile* itu macam baru-baru ini kes Chee Geap Yap wanita di Kedah dirogol dibunuh kes ini sampai sekarang kes ini tidak dapat diselesaikan. Kes pelancong-pelancong asing dari Negara Perancis diseksa, hilang tiga (3) bulan, dibunuh banyak lagi kes yang *high profile* macam kes Sosilawati, seorang kes pembunuhan kejam jutawan kosmetik juga Datuk Sosilawati dan juga kes yang kita semua tahu kes seperti Altantuya pun mewujudkan satu situasi di mana keselamatan wanita tidak boleh dijamin. Bila ada kes yang *high profile* ini yang tidak boleh diselesaikan, tidak boleh mendapat ...(dengan izin) *perpetrator* pembunuh dia memberikan satu tanda satu keadaan di mana penjenayah-penjenayah rasa mereka boleh buat, seperti isu pertama di mana tuan tanah ataupun pemaju dia rasa jikalau tiada kawalan undang-undang mereka boleh buat apa-apa di Negeri Pulau Pinang ini.

Jadi berbanding dengan situasi di mana orang-orang yang melanggar undang-undang sebagai penjenayah ataupun secara ...(dengan izin) *low or top* maksudnya melanggar undang-undang sivil mereka tidak akan berhenti selain daripada jikalau mereka dihenti oleh penguatkuasa. Jadi ini juga membawa kita

kepada isu yang asas, isu pokok, pokok kita masyarakat kita di mana isunya adalah melaksanakan kuasa yang diagih, diamanahkan, dimandatkan rakyat kepada kita. Ini isunya. Adakah pihak Polis, Kerajaan Tempatan, hakim ataupun tapi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Kebun Bunga. Pendek....(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara BintiHamid):**

Sikit saja. Terima kasih Kebun Bunga dan YB. Speaker, isu keselamatan memang di hati semua rakyat, apabila keluar rumah saja, dalam rumah pun kita takut tentang keselamatan kita, tapi seharusnya isu keselamatan ini bukan tanggungjawab Polis sahaja ataupun Kerajaan Negeri sahaja ataupun pihak berkuasa tempatan sahaja ia tanggungjawab kita semua. Satu bukan saja penguatkuasaan ke atas undang-undang dan juga kawalan pendakwaan tetapi juga kesedaran daripada semua rakyat tentang keselamatan diri, keluarga, harta dan sebagainya. Oleh sebab itu, seharusnya masalah keselamatan ini adalah satu yang begitu holistik dan global yang perlu diberi kesedaran dan perlu diberi tindakan yang di pelbagai oleh semua sektor. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih, YB. Timbalan Speaker dan terima kasih Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar. Untuk menggulungkan isu ini, saya juga mencadangkan bahawa kita juga ada KPI. YB. Timbalan Speaker saya mencadangkan kita mungkin secara dialog, surat menyurat ataupun melalui *certain network* ataupun menulis kepada pihak Ketua Polis ataupun pihak Menteri Dalam Negeri untuk meningkatkan *performance*...(dengan izin), pihak Polis untuk mengatasi ataupun *to solve the case* ...(dengan izin).

Untuk maklumat Dewan, di dalam banyak negara di mana pihak Polis ataupun Ketua Polis ataupun Menteri Dalam Negeri jikalau mereka tidak boleh *perform* ataupun kes-kes jenayah terlalu banyak tidak boleh diselesaikan di banyak Negara ini, menteri pun akan meletak jawatan. Jadi saya rasa tanggungjawablah.

Isu yang ketiga Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya merujuk kepada perenggan-perenggan 15 dan 16 ucapan Tuan Yang Terutama mengenai isu pengangkutan. Banyak wang dibelanjakan ke atas pengurusan

trafik dan ada kata *fail to plan is plan to fail* ...(dengan izin). Jikalau kita tidak rancang dengan sesungguhnya kita tiada rancangan langsung. Ada disebut dalam ucapan Tuan Yang Terutama dalam *paragraph* 17 mengenai infrastruktur mengenai projek RM6.3 bilion untuk meleraikan trafik melalui pembinaan tiga (3) lebuhraya iaitu jalan pintas. Saya mengalu-alukan projek tersebut kerana saya yakin ini akan membantu jalan raya untuk lalu lintas untuk warga Pulau Pinang dan juga pelawat.

Walau bagaimanapun saya juga nak cadangkan di dalam Dewan ini ataupun meminta nasihat atas pihak yang tertentu yang berkaitan dengan projek ini ataupun yang berkaitan dengan mengawal rancangan lalu lintas di Pulau Pinang ini adakah rancangan ataupun tempoh jangka pendek *short term plan* ataupun *middle term plan* ...(dengan izin), maksud saya projek RM6.3 bilion ini dengan logik ia akan dijalankan selama beberapa tahun, jikalau bukan 10 tahun ataupun satu *decade* ...(dengan izin). Maksudnya selain daripada memajukan situasi dengan jangka masa yang panjang, di Pulau Pinang kita kena juga kena ada pelan ataupun rancangan lalu lintas mengawal trafik pengangkutan dalam jangka masa yang pendek kerana situasi perlu dikawal dari sekarang bukan sahaja pada masa depan. Ini pandangan dan cadangan saya juga. Jadi saya minta dapat nasihat maklumat atas apakah kemudiannya rancangan mengawal trafik dari segi ataupun sudut jangka masa pendek, *within these few years* ...(dengan izin), ataupun boleh dikata sebagai *alternate plan* ...(dengan izin), dalam jangka masa pendek di dalam beberapa tahun ini.

YB. Tuan Speaker, berkaitan dengan isu pengangkutan juga dalam Pulau Pinang ini dalam analisa saya, nampak masih kekurangan bas ataupun teksi yang menggunakan meter. Mungkin saya silap. Tapi jikalau ini ternyata benar tak cukup bas untuk pengangkutan yang bermeter. Saya ingin juga maklum balas dari pihak yang tertentu dalam Dewan ini apakah rancangan kita di dalam tempoh yang pendek juga ataupun di dalam penggal kita ini yang lebih kurang lima (5) tahun ini.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Panjang lagi ker? Boleh buat penggulungan dalam tiga (3) minit?

#### **Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Tak. 25% lagi. Saya dah ucapkan 75%. YB. Tuan Speaker ini *research* saya yang ambil banyak masa. Butiran yang ketiga, ini mengenai isu ...(dengan izin) *medical tourism*, saya ada *research* sikit, saya bukan doktor, tapi. Pendek kata pelancongan kesihatan, saya tak nak *introduce* semua inilah. Kita terus masuk ke isu pelancongan kesihatan di Pulau Pinang, tak mahu Malaysia lagi. Menurut laporan bagi Dewan yang terkini Pulau Pinang telah menarik 60% daripada 550,000 pelancong perubatan asing ke Malaysia pada tahun lepas.

60% untuk perkhidmatan kesihatan di Negeri kita. Keluasan *coverage* ... (dengan izin), besar. Ini ada *follow up research*, menurut Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) yang *Chief Executive Officer* (CEO) Dato' Redza Rafiq Abdul Razak. Ada 7 buah hospital swasta di Pulau Pinang dan Penang Health Association (PHA) telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM280 bilion pada tahun 2012 berbanding dengan 2009 pendapatan yang dihasilkan dalam bidang pelancongan perubatan di Pulau Pinang hanya RM171 milion sahaja.

Sememangnya ini merupakan berita yang baik kepada orang Pulau Pinang. Nanti kita sampai tahap ini tapi saya nak jelaskan sikit lagi untuk perspektif. Sikit sahaja. Cadangan kita kerana ini bersangkutan dengan Penang Medical. Wang banyak. Pelaburan bukan secara pelaburan perindustrian. Ia pelaburan perubatan. Selain daripada menarik pelancong perubatan di luar negara, industri pelancongan perubatan ini juga bersangkutan-paut dengan *service industry* ... (dengan izin), yang lain di Pulau Pinang termasuk misalnya hotel, rumah tumpangan, sistem pengangkutan teksi biasanya, van untuk mengangkut pesakit biasanya. Bisnes-bisnes yang besar khasnya *pharmaceutical* ... (dengan izin), perubatan, pembekalan bahan-bahan *pharmaceutical* ataupun bahan-bahan perubatan, makanan, beli-belah, baju, doktor, hospital dan juga jururawat swasta. Ini merupakan salah satu industri yang besar di Pulau Pinang di mana saya ingin membawa fokus Dewan ini di mana kita boleh

#### **Ahli Kawasan Komtar (YB. Teh Lai Heng):**

Penjelasan, minta laluan, YB. Ahli Kawasan Kebun Bunga saya tahu memang *medical tourism* mempunyai potensi untuk ekonomi Pulau Pinang. Tetapi ada sedikit khuatir jika semua warga asing yang kaya-kaya datang ke Pulau Pinang dan menggunakan fasiliti swasta kita, so saya akan khuatir warga tempatan orang yang gaji tak tinggi macam saya tak dapat mampu mendapat rawatan diswastalah.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Okey, lagi satu alasan ini YB. Ahli Kawasan Kebun Bunga. Ini alasan yang tak betul. Pelancong yang datang sini datang untuk rawatan sahaja. Dia sakit sampai dia tak guna apa-apa sampai dia pergi beli-belah. Dia masuk hospital secara agen lepas itu pulang balik. Dia gunakan servis kita,. Itu nombor satu (1). Nombor dua (2), fasiliti-fasiliti infrastruktur yang selainnya baik *local government, manager's facility including not only infrastructure highway, all the road from the airports to the facility. So we do not get any benefit not so ever from this tourism because there is paper. Saya ada buat satu research which as recognise as tourism industry. So, I think you better correct it.*

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Yang Berhormat saya tidak bersetuju. Saya tak nak mempertikaikan *research* Yang Berhormat Dr. Jayabalan. Tapi saya juga ada *research*. Walau bagaimanapun pendek kata *to cut the long story short* ...(dengan izin).

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):**

Penjelasan. Satu saja. Tentang *medical tourism* ...(dengan izin), saya fikir adalah *service* atau teknologi yang baru juga penting dibangkitkan kerana kita ada tujuh (7) buah hospital. Dengan begitu banyak bilangan yang datang ke sini, kita harus juga ambil perhatian tentang *medical wave* di mana teknologi baru di mana *factory exfoliation* dibawa di Pulau Pinang supaya dapat menjaga *environment* kita.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat kesimpulan YB. Ahli Kawasan Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):**

Penjelasan. Saya tidak boleh katakan ada *research*. Namun saya ada pengalaman dalam Pulau Tikus. Bagi saya salah satu masalah *medical tourism* adalah tempat tinggal pesakit-pesakit. Kalau mereka tinggal di tempat tinggal yang memang sah *lawful* ...(dengan izin), mungkin boleh dikatakan okey. Tapi kita ada banyak masalah di Pulau Tikus di mana mereka tinggal di tempat yang tidak sepatutnya *commercial* tetapi telah digunakan sebagai *service apartment* dan ada satu contoh di mana pesakit-pesakit ini datang melalui *tourist bus*, bas yang besar yang berpuluh-puluh orang pesakit datang bersama-sama, kita bukan nak diskriminasi terhadap pesakit-pesakit ini tetapi memang hak penduduk kondo tersebut untuk menjamin keselamatan mereka, agar orang tak dikenali oleh mereka dengan terlalu kerap, jika memang hospital-hospital atau Kerajaan berminat dengan *medical tourism* ini maka saya rasa hospital patut bertanggungjawab mencari tempat atau *apartment* atau dikhaskan untuk pesakit mereka, *since* ...(dengan izin) ia adalah *business* mereka maka ia juga perlu menjadi tanggungjawab mereka.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Yang Berhormat Timbalan Speaker dengan Yang Berhormat sekalian datang memberi nasihat dan pandangan dan cadangan. Saya amat terima kasih semua mereka, saya tidak mempertikaikan, cuma saya nak memberi satu butir mengenai saya rasa pandangan saya atas isu *medical tourism* ini saya nampak satu ...(dengan izin) di satu gelas air setengah penuh bagi saya. Tapi ada yang lebih negatif nampak setengah kosong, maksud falsafah untuk



lebih proaktif iaitu maksud saya *medical tourism* pelancongan perubatan dianggap sebagai satu cara mengubati menyelamatkan pesakit dan juga satu (1) *business* kita kena ada rancang seperti yang saya nyatakan sahaja sebelum saya kata *fail to plan, is plan to fail* maknanya kita mesti ada rancangan bagi saya yang isu pokok adalah mengaktifkan ekonomi Negeri Pulau Pinang dengan satu ranting pelancongan perubatan. Ini saya rasa rakan-rakan saya Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian tak akan menolak untuk ekonomi lebih baik.

Saya juga terima sepenuhnya Yang Berhormat Pulau Tikus mengenai tempat duduk tempat singgah dan kesemua itu ini semua ini kena dirancang ini bagi saya *positively* hanya boleh bermakna lebih banyak bilik hotel boleh disewa demi ekonomi Pulau Pinang ini satu perkara yang baik dan bagi saya mengenai perkara yang Yang Berhormat Batu Uban Dr. Jayabalan yang menyatakan mengenai orang sakit tidak pergi membeli belah butir pertama tak semestinya orang sakit boleh beli belah. Selain daripada itu untuk makluman Yang Berhormat Batu Uban dia datang dengan ahli keluarga banyak pesakit datang dengan ahli keluarga hanya cuba Yang Berhormat Batu Uban pergi Gurney Drive pergi ...(dengan izin) *One Stop* banyak mereka. Hanya *key* isu adalah rancangan. Saya pendekkan itu.

Yang akhirnya saya ingin sentuh sedikit salah satu kawasan saya iaitu di Padang Tembak. Pendek kata saya datang berucap di Dewan yang mulia mengenai Padang Tembak hanya dengan satu hasrat, satu pendekatan, satu permintaan, permohonan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Padang Tembak ini 3,668 unit lebih kurang, dia ditubuh dengan sembilan (9) blok sejak tahun 1969 dan sudah lebih kurang 45 tahun bangunan itu dibina secara kuat dan kukuh. Pendek kata tapi masa tak lama banyak struktur dan mungkin tak begitu baik, saya amat bersyukur dan amat terima kasih kepada Kerajaan Pulau Pinang selama ini telah melaburkan berbilion berjuta-juta ringgit atas kawasan Padang Tembak dan lain-lain saya kumpul atas kawasan Padang Tembak dan berjuta-juta wang ini digunakan atas tempat-tempat ini membantu rakyat jelata.

Walau bagaimanapun saya tak payah beritahu mungkin sedikitlah kebocoran paip, tempat *car park*, satu (1) perkara yang memang saya pun terkejut saya nak maklumkan kepada Dewan yang mulia ini satu (1) minggu lalu hari Rabu atau hari Khamis saya bermesyuarat dengan pegawai-pegawai yang ...(dengan izin) *very friendly* dengan Kerajaan Tempatan itu satu (1) minggu lalu berbincang dengan mereka untuk menyelesaikan masalah mereka *tar ring* di Padang Tembak dan minggu itu sudah disiap saya mengucapkan banyak terima kasih dan saya juga banyak terima kasih kepada pegawai dari Kerajaan Tempatan yang cukup berkesan itu.

Pendek kata Pakatan Harapan Rakyat. Saya akan pendekkan. Tapak letak kereta dibuat dengan cukup, MPPP juga datang membuat tempat untuk orang kurang upaya dengan cukup canggih dan bagus banyak saya amat terima kasih kepada MPPP dan banyak lagi dengan bantuan Yang Berhormat EXCO Yang Berhormat Jagdeep Singh banyak membantu kawasan kita saya mengucapkan terima kasih dan juga Ketua Menteri yang beri sokongan banyak dan semua rakan-rakan Yang Berhormat.

Yang terakhir, Yang Berhormat kena masukkan kesemua ini nanti saya *take the chance*, saya diamanatkan dengan orang Kebun Bunga. Lagi pendekkan Padang Tembak ini atau Kebun Bunga seluruhnya dia memang mungkin terlalu awal perkara ini dan saya pun orang baru saya pun tak berapa tahu bagaimana menyalurkan hasrat ke ...(dengan izin) *eagerness* perkara ini, keghairahan Ketua Menteri. Apa yang saya akan sebut ini bagi saya pentinglah. Di tapak sebelah Padang Tembak itu ada lagi sikit tanah dan pendek kata bagi saya cadangan untuk membina atas tanah itu dalam Dewan itu terus terang untuk membuat kemudiannya menyempurnakan keadaan penduduk yang cukup yang diperlukan pindaan ataupun ubah suai ini cadangan yang singkat. Cadangan yang singkat dalam Dewan yang mulia itu. Cadangan saya pertama kali saya bawa ke Dewan ini yang lain saya tak tahu, tapi saya ingin dengan cara kemudiannya melobi bagi pihak penduduk-penduduk di Kebun Bunga itu mungkin Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian masih ingat, saya melobi Yang Berhormat sekalian atas perkara ini untuk membangunkan tempat duduk untuk orang yang kurang upaya, untuk ibu tunggal, untuk banyak lagi bukan untuk kawasan saya. Bukan kawasan saya sahaja, masalah saya tak pernah membandingkan sebagai masalah tapi kawasan saya cukup menarik kerana tempat ini sewa pun kurang, tempat pun sederhana di *inner city* di *central of Penang* dan banyak orang nak pergi termasuk orang kurang upaya, termasuk ibu tunggal ajar anak pergi sekolah, tempat ini tempat orang nak datang kita suka, saya hanya nak *fight for* memperjuangkan lupa ayat itu hak untuk mereka dengan ini dengan tidak membuang masa akhir kata.

#### **Y.A.B. Ketua Menteri:**

Sebelum akhir kata saya nak lanjutkan tempoh persidangan Dewan ... (dengan izin). Yang di-Pertua Perkara 6A(1) selaras dengan Peraturan Majlis Mesyuarat. Negeri Pulau Pinang saya memohon supaya masa persidangan hari ini 4 Julai 2013 Khamis dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**Timbalan Ketua Menteri I (YB. Haji Mohd Rashid Bin Hasnon):**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 4 Julai 2013 hari Khamis dilanjutkan sehingga pukul 6.00 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan “Ya,” dan tidak bersetuju katakan “Tidak.”

**Ahli-ahli Kerajaan:**

“Ya.”

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Lebih suara bersetuju usul dipersetujui. Sila buat kesimpulan.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):**

Terima kasih akhir kata, akhir bagi sesi ini. Selaku Ahli Wakil Rakyat Kebun Bunga Pulau Pinang menunjukkan ucapan terima kasih kepada agensi-agensi dan jabatan Kerajaan yang memberi kerjasama dan sedia membantu semua penduduk di Kebun Bunga setakat ini beberapa masalah telah diselesaikan oleh berbagai pihak termasuk JKKK, JPS, MPPP dan lain-lain lagi saya tak boleh sebut semua saya mempercayai muafakat membawa berkat dan muafakat ini yang dapat dimiliki oleh semua yang menduduki kawasan Kebun Bunga sekian, terima kasih. Saya pohon untuk menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Bayan Lepas.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad):**

*Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*  
YB. Timbalan Speaker, Yang Di Pertua Dewan, Ahli-ahli Yang Berhormat terima kasih diberi kesempatan untuk membahaskan ucapan TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sempena mesyuarat Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Kali Yang Ketiga Belas. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada semua yang telah pun terpilih semua sekali yang ada bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini. Saya mengambil masa yang agak singkat sahaja.

Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa agensi pada pagi ini yang telah menolong saya menyelesaikan masalah banjir di kawasan DUN Bayan Lepas kerana di beberapa kawasan kampung saya hampir dua ratus (200) rumah dimasuki air pada 4.00 pagi sehingga tengah hari tadi. Apa yang saya mengambil kesempatan dalam Dewan ini yang pertamanya memohon kepada EXCO Tebatan Banjir supaya melihat beberapa perkara yang pertamanya saya memohon kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk melihat kembali kedudukan Sungai Telok Kumbang di mana kapasitinya sudah semakin kecil, tadi bila saya beritahu sungai kita kecil masalah sungai, ada yang kata bukan sungai mereka kata parit, saya kata sebenarnya sungai, sebab dahulunya memang besar, tetapi hari semakin kecil dan menyebabkan kapasiti air yang turun semalam adalah sesuatu yang tidak dapat ditanggung. Yang keduanya JPS telah pun, terima kasih kerana telah membuat pintu air secara automatik, tetapi saya nampak kapasiti pamnya juga tidak mampu, jadi saya harap perkara ini semua kita dan agensi-agensi yang terlibat untuk melihatkan perkara ini.

Keduanya juga saya memohon kepada jawatankuasa yang meluluskan projek-projek perumahan, semua agensi-agensi yang ada, MPPP, JPS, JKR dan sebagainya untuk melihat bahawa Bukit Relau dibotakkan, tetapi kita juga harus melihat apabila berlaku kawasan-kawasan perumahan yang hendak dibina di kawasan-kawasan kaki bukit, ada satu projek lebih kurang enam (6) ekar mereka telah menaruh tanah dan sebagainya dan akhirnya bila berlakunya banjir-banjir yang sebegini tanah-tanah merah ini telah masuk ke rumah-rumah yang tuntutan, pampasan dan sebagainya telah datang mencurah-curah ke pejabat saya, kerosakan yang puratanya lebih kurang RM3,000 setiap rumah dan saya sedang melihat dengan teliti daripada sampai tengah hari tadi. Cuma saya minta sebelum hendak meluluskan projek-projek ini pihak-pihak yang terbabit harus melihat kesesuaian projek itu apabila mereka memulakan kerja-kerja pembersihan tanah ini maka parit-parit yang sekeliling di kawasan itu ada rumah teres, ada rumah pangsa dan sebagainya, tetapi parit yang ada kapasitinya tidak cukup untuk mengalirkan air dari projek yang dilakukan di situ.

Yang keduanya pihak MPPP harus memastikan bahawa takungan banjir yang dibuat oleh syarikat-syarikat perumahan ini adalah satu takungan yang besar yang mampu untuk tidak mengalir masuk ke kampung-kampung, saya minta supaya MPPP, JKR dan sebagainya JPS, walaupun dua minggu yang lepas saya telah mengadakan mesyuarat dengan MPPP, JPS dan sebagainya tetapi hari ini saya lihat benda itu adalah satu (1) amat memerlukan kerana kita tidak mahu benda itu berterusan cerita tentang banjir kilat semua termasuklah beberapa di kawasan pekan dan sebagainya yang merugikan dan tiap kali kita harus membayar pampasan yang silih berganti, jadi kita tidak dapat hendak menyelesaikan benda itu secara yang totalnya.

Yang kedua saya juga melihat bahawa kerja-kerja tanah ini haruslah dipantau bukan pada sekadar tiap minggu, agensi mana yang terlibat maka harap ada pegawai yang berada di situ, kerana selain daripada kerja-kerja tanah ini adalah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) daripada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) harus juga berada di situ kerana dibawa batu-batu yang besar, sebelum dia bawa tanah dia bawa batu dulu, jadi kapasiti lori yang ada ini sampai timbul, kita takut selain daripada pencawang. Selain daripada yang telah berlaku jambatan runtuh dan sebagainya, maka batu-batu yang melalui kawasan-kawasan awam, macam kawasan pasar dan juga kawasan-kawasan kanak-kanak laluan sekolah kerana mereka keluar pada waktu jam 7.30 pagi, saya tidak tahu kenapa begitu awal dikeluarkan batu-batu ini, jadi ini harus dilihat bahawa mesti ada penguatkuasaan yang berada di situ supaya benda-benda yang tidak diingini tidak berlaku.

Saya melihat bahawa keruntuhan pencawang dan sebagainya, maka Pihak Kerajaan Tempatan (PBT) hari ini berebut-rebut semua rumah-rumah pangsa dan sebagainya ataupun rumah-rumah persendirian untuk dapatkan ganjaran daripada memasang *aerial* ataupun pencawang terutama dari syarikat-syarikat telekomunikasi ini di mana dapat bayaran yang lumayan, tetapi kalau kita langut sahaja ke atas sekarang ini ramai dan banyak pencawang-pencawang ini yang dipasang secara yang tidak selamat ini kita lihat yang besar yang jatuh tapi pencawang yang ada di perumahan-perumahan maka hari ini saya berharap kejadian yang berlaku itu juga harus ada satu tata cara. Ada satu perundangan yang memastikan pemasangan-pemasangan *aerial* oleh syarikat-syarikat dari telekomunikasi ini mencapai tahap yang kita perlukan supaya tidak berlaku kerana kawasan perumahan yang dipasang tepi-tepi pasar raya dan sebagainya ini kawasan-kawasan yang amat berbahaya.

Jadi dalam hal-hal ini kita harap badan-badan penguatkuasa haruslah memberi perhatian yang serius kemudian saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pelancongan sedikit sahaja, iaitu melihat di kawasan saya memang terkenal dengan kawasan mee udangnya, ada *highway* nya jadi ini adalah kawasan-kawasan yang tepi pantai jadi apabila ada pesta-pesta makanan dan sebagainya selalu saya tengok ada di kawasan-kawasan bandar maka apa salahnya di bawa ke kawasan-kawasan luar bandar ini kerana inilah peluang untuk memberi ruang kepada kita punya penjaja-penjaja untuk meningkat terutamanya kalau tengok di sana ada dua kedai makan iaitu *highway* dan khuntai siam, jadi ramai daripada bandar yang masuk ke kawasan-kawasan luar bandar, jadi harus dilihat perkara-perkara ini supaya membantu kawasan-kawasan luar bandar oleh pihak Kerajaan Negeri.

Menyentuh tentang jalan raya maka saya mohon kepada Kerajaan Negeri supaya melihat jalan Bayan Lepas yang terlalu sesak untuk datang waktu pagi ke kawasan bandar memakan masa satu jam setengah ada beberapa kawasan, jadi saya ingat kawasannya sempit sekarang ini SP Setia akan melancarkan projek perumahannya saya tidak tahu pula apa yang akan berlaku kalau projek itu, saya rasa projek itu plan rancangannya hampir siap tunggu hendak dibina sahaja, tetapi jalan ini terlalu sempit sampai tiga *line* dan banyak berlaku kemalangan maka kawasan Bayan Lepas ini harus dilihat, harus diberi perhatian dan saya difahamkan mungkin hendak tunggu sampai projek Jambatan Pulau Pinang yang kedua itu siap baru akan disambung projek itu. Jadi saya haraplah mungkin Kerajaan Negeri dapat membantu menyelesaikan masalah kesesakan tersebut. Kalau sekiranya projek-projek ini disegerakan saya rasa kawasan-kawasan luar bandar ini akan lebih terjamin dari segi pembangunan dan juga keamanan dan juga keselesaan penduduk.

Kemudian saya pergi kepada masalah nelayan, jadi saya berharaplah agensi-agensi yang ada selain daripada kita mendapat pihak nelayan telah diberikan beberapa subsidi seperti diselnya, subsidi petrolnya, kemudian ada elaun bulannya, tetapi pada nelayan-nelayan pantai mereka menghadapi masalah yang besar dengan jumlah tangkapan yang semakin kekurangan kerana masalah pukot tunda, mereka telah menceroboh kawasan-kawasan nelayan pantai, jadi saya haraplah kepada Kerajaan Negeri benda ini tidak pernah ada satu penyelesaian sudah lama dah, sekarang semua ini diserahkan kepada pihak MARITIM, jadi saya haraplah pihak MARITIM sentiasa berada di Pulau Kendi itu atau di Pulau Rimau inilah kawasan yang selalunya pukot-pukot tunda ini yang keluar untuk menangkap ikan dan juga satu undang-undang ataupun satu peraturan yang membolehkan pihak Jabatan Perikanan mengkompaun sekiranya berlaku, tidak payah tunggu sampai hendak tangkap di laut, bila balik sahaja ke darat lihat ikan apa yang ada, seperti negara-negara maju yang melaksanakan di mana kalau tangkapan itu bukan saiznya bukan dari segi tempatnya maka akan dikompaun sahaja, ketam yang tidak cukup saiz kalau di Kanada sebagainya tidak boleh ditangkap, tetapi kita anak ikan pun habis, sebab itu di Negeri Perak sekarang ini sudah tidak ada kawasan tangkapan ikan cuma kawasan Pulau Pinang sahaja yang menjadi tempat nelayan-nelayan daripada Pulau Pangkor dan sebagainya.

Negeri kita yang mewah dengan ikan ini harus kita jaga, kalau kita tidak jaga, kalau kita biarkan pukot tunda ini dengan pukot buayanya, kalau dulu pukot tunda hanya di bawah sahaja dia tarik naik, tetapi ini pukot buaya daripada atas muka laut sehingga sampai ke dasar laut, dasar laut sudah musnah karang-karang sudah habis ditarik, kemudian daripada peringkat atasnya habis anak-anak ikan dijadikan baja, kalau anak ikan ini habis kemanakah kita pada satu hari nanti akan mendapat kita punya sumber protin ini, jadi saya berharap sangat supaya pihak yang berwajib supaya memberi perhatian yang, kita tidak perlu membuat tangkapan, tetapi hanya dari segi

pemantauan sahaja, bila ada sahaja MARITIM duduk di situ mereka tidak akan datang, jadi tindakan 24 jam, jangan pula bila kita telefon dia beritahu kita kena ada di berapa batu notika, 14 batu kami tidak sempat datang, ini saya haraplah daripada pihak MARITIM supaya tubuh satu pasukan yang berada di beberapa pulau di kawasan tersebut mudah sahaja, duduk di kawasan pulau itu *lending* sahaja di situ maka lihat, mereka tidak akan berani datang, pukut tunda tidak akan masuk kalau ada MARITIM tidak akan masuk, ini satu hal yang harus diberi perhatian,

Kemudian juga saya ingin menyentuh berhubung dengan keagamaan, jadi saya harap kepada EXCO Agama yang utamanya melihatlah bangunan adakah hendak di tempatkan Jabatan Agama di bangunan Word Heritage ini, sekarang bangunan itu pun saya difahamkan sudah reput, lantai di tingkat atas bila kita lalu saja ada habuk turun bererti benda itu sudah reput, jadi saya haraplah mungkin dapat melihat supaya Jabatan Agama ini diberi perhatian dapat satu bangunan yang baik untuk kakitangannya. Keduanya begitu dengan Pejabat Agama Timur Laut, dahulu letaknya di Masjid Negeri sudah selesa, tiba-tiba ditempatkan di satu kuarters lama sebelah dengan Sekolah Penang Free, orang ramai hendak pergi berurusan pun cari tidak jumpa, Dato' ya, jadi saya haraplah benda ini supaya, ini untuk kegunaan orang ramai hendak cerita pasal hendak bercerai, bergaduh dan sebagainya kena pergi ke pejabat agama, yang pergi pula itu yang muda-muda tidak apalah, kalau kena yang tak berapa macam saya ini, jenoh cari bas pun tidak lalu di situ, kena lalu dekat Jalan Datuk Keramat berjalan lebih kurang empat (4) hingga lima (5) kilometer. Jadi saya berharap, saya berharap bahawa benda ni dapat disegerakanlah. Kesian depa yang dok ada di jabatan itu pun merungut, nak makan payah dan sebagainya kerana kita dapati bahawa kita menjaga kebajikan di sektor awam. Kemudian kita akan datang pula bulan Ramadan dan selamat menyambut Ramadan kepada semua pegawai-pegawai dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam.

Yang pertama saya mintalah, menyenaraikan hotel-hotel yang benar-benar yang mendapat hak halalnya kerana selepas ini semua Yang Berhormat beragama Islam akan dijemput oleh badan-badan NGO dan sebagainya untuk berbuka puasa. Berapa banyakkah hotel-hotel yang mempunyai logo halalnya? Tak kiralah logo daripada Negerikah, daripada pusatkah. Tapi kita nak tengok yang halal ini, benar-benar halal. Jangan halal yang, maaf. Kita ada yang halal tapi tidak ada pemantauan. Yang nak memantau ini siapa pula? Bila kita tanya Penguatkuasa kata bukan hak dia. Dah halal kena bagi jabatan halal lah memantau. Jadi ini pun kena lihatlah. Kerana kita bagi halal kita tak memantau. Jadi ini kena lihat benda-benda semacam ini supaya makanan ini adalah menjadi darah daging untuk kita.

Yang keduanya, datang bulan Ramadan juga menjadi masalah. Selalunya bila datang saja bulan Ramadan yang pertamanya cerita berapa rakaat yang nak buat. Tak pa lah, tinggallah yang itu. Yang itu Dato' Mufti pun sedia maklum dah. Kawan tu telefon pasal apa nak buat lapan, pasal apa nak buat dua puluh. Tapi menjadi suatu benda yang baru pula adalah berhubung dengan tazkirah di pertengahan sembahyang Terawih. Tazkirah itu tak apa, saya berharaplah sahabat-sahabat saya di Jabatan Agama dan di pihak kita punya EXCO sendiri supaya kita jadikanlah tazkirah itu supaya tazkirah yang sebenarnya. Janganlah ada tazkirah-tazkirah yang kita membangkitkan menjadikan sebagai suatu gelanggang yang tidak baik. Saya tak mahu mengulas benda ini. Saya haraplah sedia maklum kakitangan dan pegawai di Jabatan Agama terutamanya Pegawai-pegawai Tadbir Agama Daerah Barat Daya dan juga semua Pegawai-pegawai Tadbir Agama supaya melihat perkara ini supaya tidak berlaku perpecahan, pergaduhan pada masa kita sembahyang terawih.

Saya juga ingin memohon kepada EXCO Agama. Kita banyak kes-kes perbuatan sumbang, khalwat dan sebagainya. Dulu masa kakitangannya tak ramai menempatkan Pegawai-pegawai Penguatkuasanya di semua Pejabat-pejabat Agama Daerah. Masa itu hanya ada satu (1) daerah seorang, satu (1) daerah seorang, so kita ada enam (6) daerah kita ada enam (6) orang. Kita boleh tempatkan tak timbul masalah tengah malam kah, pukul 2.00 pagi kah, kita boleh telefon untuk mengadu. Tapi sekarang apabila dah ramai kakitangan hanya ada di jabatan dan Ibu Pejabatnya di Seberang Perai, Butterworth. Jadi saya harap supaya sekarang ini sudah dinaik taraf. PTAny dinaik taraf daripada 44 saya difahamkan ke 48, kakitangannya tak berapa ramai. Jadi tak ada Unit Penguatkuasaannya, jadi saya harap Unit Penguatkuasa ini perlu ditempatkan terutamanya di kawasan di belah Barat Daya. Terutamanya di kawasan Seagate dan sebagainya. Banyak berlaku kerana kawasan kilang ditambahkan lagi dengan kemasukan pendatang-pendatang daripada Indonesia, Bangladesh dan sebagainya. Saban hari kita mendapat aduan-aduan tetapi kita nak menghubungi pegawai-pegawai walau pun kita dah bagi kuasa kepada pegawai-pegawai masjid tetapi maklum sahaja lah pegawai-pegawai masjid ini semuanya umur dah lanjut. Jadi nak pi ganggu tengah malam jadi hal. Jadi saya haraplah benda-benda ini supaya dapat Jabatan Agama menempatkan pegawai-pegawai penguatkuasa ini di setiap daerah supaya dapat orang ramai untuk mengadu kerana ini adalah perkara nahi mungkar yang perlu kita utamakan. Bala-bala yang akan turun kerana kelekaan kita terhadap nahi mungkar ini.

Yang akhir sekali, saya memohon ada ramai-ramai kawan yang menyatakan tentang sukan. Kita dapat pasukan bola sepak Negeri, tahniahlah menang FA Cup. Jadi kita ada satu piala lah, kalau dulu kita julang dua (2), tiga (3) piala, tapi hari ini kita hanya julang satu (1) piala saja. Tapi kita masih ada pasukan yang kuat yang harus kita hormati. Jadi saya berharap pasukan yang



ada, pasukan bola sepak terutamanya EXCO Sukan melihat perkara ini supaya pasukan bola sepak kita ini menjadi terkenal seperti zaman-zaman tahun 70-an, 80-an dan 90-an. Tapi bila mai tahun 2000 ni, kita punya kedudukan jauh tercorot. Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh memberikan satu peruntukan khas untuk memajukan pasukan *team* bola sepak kita ini.

Jadi akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada semua wakil-wakil jabatan yang akan terus membantu semua ADUN-ADUN dan saya juga ucapkan tahniah sekali lagi kepada mereka yang telah dilantik Tuan Yang di-Pertua Dewan, Timbalan dan barisan EXCO dan semua sekali yang telah pun berjaya dalam pilihan raya. Jadi apa pun kita telah diamanahkan dengan satu (1) amanah yang amat besar maka dengan itu kita harapkan kita sama-sama dapat bekerjasama dalam banyak hal. Walau pun kami di pihak Pembangkang tetapi kami masih lagi memerlukan banyak hal yang perlu kita dan bantuan daripada pihak tuan-tuan di barisan EXCO. Jadi saya harap jalinan kerjasama itu akan kita teruskan tanpa ada rasa berbelah bagi. Jadi saya harapkan itu saja, sekian saya mohon menyokong. Terima kasih.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Batu Uban.

### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Selamat petang dan salam sejahtera. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada YB. Tuan Speaker dan Timbalan Speaker yang telah dilantik sebagai Speaker bagi Dewan Undangan Negeri ini. Usul yang akan dibentangkan oleh saya adalah seperti yang berikut. Yang pertama, isu pembangunan Negeri. Seperti yang dinyatakan kejadian jambatan runtuh dan *road* penambat bangunan UMNO runtuh merupakan tragedi yang menimpa kita. Kedua-dua tragedi amat dikesali. Saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa dan yang terlibat. Seperti yang diketahui bencana angin ribut juga telah menyebabkan kerosakan bumbung-bumbung terbang dan pokok-pokok pun tumbang.

Saya bersetuju dengan cadangan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula (S.O.P) *Standard Operating Procedure* tetapi terdapat dengan perkara ini yang ada satu yang lebih asas. Saya ingin menjelaskan sebelum itu pengalaman saya di tempat tragedi jambatan runtuh. Saya nampak pekerja asing ditugaskan membuat kerja-kerja. Dia panjat tempat yang runtuh dengan dia tak gunakan alat-alat pakaian keselamatan. Terdapat dengan ini ada orang awam pun masuk ke kawasan bencana tanpa pengawasan. Ini sangat berbahaya. Walau pun ada pasukan peronda sukarela tetapi yang paling

penting adalah menubuhkan satu sistem ...(dengan izin), *emergency respond team* atau mask *disaster plan* untuk di bawah selia Kerajaan Negeri atau Kerajaan Tempatan. Ini mustahak kerana kita nampak *rescue team* ...(dengan izin), tak dapat tolong di tempat yang ada kejadian runtuh ini.

**Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Sr. Muhamad Farid Bin Saad):**

Saya ingin menarik perhatian Dewan, saya terkejut pagi tadi apabila saya keluar daripada rumah di Sekolah Kebangsaan Sungai Korok terdapat satu struktur tiang telekom yang cukup *decentralize* sepuluh (10) tingkat, tinggi. Boleh dikatakan sebagai tiang untuk YES, *something like that*. Saya rasa cara pembinaan juga sebenarnya adalah amat mencurigakan dengan *foundation* nya dengan dia punya booth yang agak *limited*. Saya takut ini juga akan mendatangkan mudarat, lebih-lebih lagi dibina dekat tapak sekolah. Saya difahamkan juga ada beberapa struktur seperti yang sama dibina di tapak yang lain. Adakah ini mendapat pemantauan daripada majlis tempatan atau bagaimana? Sebab saya rasa perlu diambil tindakan dengan segera mengawasi supaya kejadian yang buruk tidak berulang lagi. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Kenapakah kita perlu ada sistem pasukan keselamatan? Saya ... (dengan izin), *three foreign workers* dalam bahasa Inggeris ini di Star pagi tadi kita ada tapi yang jadi *land slide*, tiga orang meninggal, pekerja asing dengan beberapa orang cedera. Ini satu contoh yang boleh mengakibatkan kerja di cerun. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri Pulau Pinang, tadi saya belum habis berkenaan dengan *global warming* yang disebut semalam. *Global warming* ada beberapa bencana yang boleh jadi. Kita kena ambil tindakan untuk tubuhkan satu sistem *emergency respond* atau satu sistem *master disaster plan*. Dengan ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Negeri dan Ketua Menteri Pulau Pinang kerana tampil memberikan bantuan pampasan untuk membaiki kerosakan akibat angin ribut baru-baru ini.

Pada ketika ini kerja membaiki sudah hampir selesai. Tetapi terdapat masalah permintaan membaiki alat-alat bukan kegunaan asas dan permintaan dari tempat di sini ada permintaan yang bukan tak profesional tapi orang miskin memang dia minta yang bukan asas. Contohnya dia minta cat kereta, minta membaiki piring astro dan sebagainya. Saya cadangkan agar perkenalkan sebuah badan penilaian bebas yang ini mustahak. *Independent full of adjusted, we need too*. Kita kena tubuhkan satu *independent full of adjusted* untuk membuat garis panduan dalam membantu menilai kerugian dan jumlah pampasan yang patut diberikan. Mengenai isu.....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan. Yang DiPertua memang Kerajaan Negeri telah ada satu Jawatankuasa MKN di mana mereka telah ada garis panduan. Garis panduan adalah mengikut dan berkaitan dengan Tabung TYT dan bukan untuk ganti rugi tetapi hanya bantuan sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Mengenai isu bukit yang digondolkan di Bukit Gambir atau di Bukit Relau. Ramai rakan-rakan di sini membangkitkan isu ini. Tempat ini boleh dilihat bukan jauh dari tingkat pejabat saya. Saya risau perkembangan ini kerana kerja-kerja penggondolan ini dilakukan terang-terang, *openly it has been done ...*(dengan izin), *open day light. It has been done in day light.* Hanya dengan disahkan orang awam saya bersama rakan saya, YB. Rayer membangkitkan hal ini dan isu ini telah mendapat perhatian. Saya ingin mengucapkan tahniah dan ribuan terima kasih kepada MPPP kerana berjaya mengeluarkan notis menghentikan kerja dan membawa hal ini ke mahkamah... (gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Minta penjelasan sikit, memang tindakan akan diambil, saya setuju tindakan telah diambil tetapi, yang sangat mendukacitakan ialah mengapa perlu Majlis Perbandaran tunggu sehingga Yang Berhormat dan saya sendiri membawa ke perhatian mereka. Saya rasa kita perlu menyeru kepada mereka supaya lebih proaktif memantau bukan sahaja Majlis Perbandaran Pulau Pinang tetapi jawatan perhutanan, pejabat DO kerana perkara ini kalau kita lihat daripada Jambatan Pulau Pinang kita dapat lihat, dari Komtar dapat lihat, tapi mengapa tidak ada sebarang tindakan diambil, inilah satu sikap yang saya rasa begitu mendukacitakan. Pula *shock we more proactive...*(dengan izin), saya minta disarankan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Kami di fahamkan mengenai pengezonan,...(dengan izin) *is very special zoning, that special zone to be create, ini special zoning* yang dibuat ialah untuk golongan kaya, the projek itu *is above RM4.2 milion, the project suppose to be above RM4.2 milion, how they said talk in term affordable housing...*(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Yang Berhormat sikit penjelasan, saya hendak tambah, *maybe we shoot what ...*(dengan izin), kita perlu buat adalah melarang sama sekali orang-orang asing, kita dapati sekarang satu fenomena di mana orang Siingapura kebanyakannya membeli harta di sini, membeli harta bukan untuk tinggal di sini, tetapi cuma untuk mengaut keuntungan, lepas lima (5) tahun, enam (6) tahun mereka menjual, jadi mungkin Kerajaan Negeri perlu lihat, kalau undang-undang digubal dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri di mana orang-orang yang tinggal di luar atau orang-orang bukannya warganegara Malaysia yang ingin membeli hartanah di sini harus di larang sama sekali, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Saya ini...(gangguan).

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):**

Minta laluan, terima kasih YB. Tuan Speaker, kita rakyat Pulau Pinang memang cukup sayang pada bukit-bukit kita sampai satu tahap dahulu banyak tahun dahulu, rancangan besar untuk membangunkan Bukit Bendera telah mendapat bantahan yang berleluasa daripada rakyat Negeri Pulau Pinang, sehingga ia dibatalkan. Jadi sekarang sampai satu masa sekarang pemaju-pemaju dah mula begitu berani sekali untuk gondolkan bukit-bukit kita sampai botak. Saya tak rujuk kepada sesiapa, saya kata bukit botak, *sorry*.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Bukit Relau.

**Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid);**

Ya, Bukit Relau dan kalau kita tidak jaga, banyak lagi kawasan-kawasan yang akan dibotakkan. Kita kena jaga bukit-bukit kita di Bukit Mertajam dan macam-macam lagi, Bukit Panchor, Balik Pulau, kita tidak mahu dibotakkan kerana kalau dah dibotakkan kita tahu akan kesannya kepada alam sekitar, kesannya kepada hakisan, banjir lumpur dan sebagainya, jadi boleh tak Dewan ini serta Batu Uban menyokong kita mengusulkan cadang kepada Kerajaan Negeri untuk *enforce* laksanakan garis panduan, had pembangunan 250 kaki ke atas itu dengan sekeras-kerasnya dengan tidak ada siapa pun yang berani melanggarnya dan tidak dilayan apa-apa pun permohonan untuk membangun kawasan lebih daripada 250 kaki, demi rakyat Pulau Pinang, demi keseimbangan ekosistem kita di sini, terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ahli-ahli Yang Berhormat...(gangguan), Seri Delima nanti, saya hendak bagi masa lebih kurang tujuh (7) minit lagi kepada Batu Uban kerana ada seorang lagi pembahas kita belum bercakap.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, dalam hal ini saya rasa untuk kali pertama kali Seri Delima akan menyokong Ketua Pembangkang, di mana kita harus memperketatkan lagi prosidur atau pun apa-apa permohonan di mana sebarang kemajuan di atas bukit tidak sewajarnya di benarkan dan saya setuju kita perlu memantau dan bukan hanya memantau, tetapi mengambil tindakan-tindakan tegas orang-orang yang melakukan perkara ini seharusnya di bawa ke mahkamah dan dituduh di mahkamah.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Minta laluan, saya hendak sentuh sikit pandangan YB. Seri Delima tadi berkenaan dengan kenapa pihak-pihak *authority* ...(dengan izin), mengambil masa begitu lama untuk ditegur baru hendak sedar bukit dibotakkan. Saya sebenarnya baru pertama kali naik ke tingkat 53 apabila dijemput oleh SUK untuk *briefing* Dewan. Apabila saya naik ke tingkat 53 Komtar, saya berdiri buat pertama kali di lobi saya terkejut sebab pandangan mata saya dengan Bukit Gambir sama *level*, selari, jadi saya menjadi harian kenapa kita yang di bawah sedar di peringkat 53 boleh tidak sedar, *something* tidak kena, semalam dalam ucapan saya, saya sudah timbulkan perkara ini. YB. Telok Ayer Tawar juga menunjukkan, daripada keberanian ini datang, sebuah *company* besar, *they brought the light*...(dengan izin), dalam suasana yang begitu terang, *level* bangunan dan *level* bukit pun sama dengan *level* tingkat 53 Komtar, boleh menarah bukit, boleh membotakkan bukit dengan keyakinan bahawa projek itu orang tidak akan nampak. Kalau di Lembah saya kata semalam okey, di belakang bukit juga okey, depan terang-terang, jadi...(gangguan), tak apa, masa kempen ke, apa ke, saya tidak tuduh sapa-sapa, sebab yang berkempen adalah ahli politik apa pula dengan petugas-petugas di tingkat 53. Itu pun orang Pulau Pinang sepatutnya tanggungjawab, bagi sayalah tanggungjawab ini kena dipikul oleh semua, sebab itu saya bersetuju dengan hari ini kita mencapai satu persetujuan semangat sepakat tidak ada lagi pembangunan yang perlu di luluskan, sebab apa pertama kali apabila saya nampak bukit itu sebelum YB. Rayer nampak, saya dah nampak, tetapi saya tak berani, tak telefon Yang Berhormat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Ini tak setuju, janganlah ambil kredit saya, saya yang mula-mula bawa perkara itu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Nanti, boleh tak apa, setujulah, sama-sama setuju. Tetapi....(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi mula-mula itu saya tak setujulah. Saya yang bawakan perkara ini dulu.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Tak apa, tak apa. Sebab saya bagi kredit kepada Yang Berhormat. Saya nampak, saya bawa kereta dan saya nampak tetapi cuma saya tidak terfikir untuk membuat laporan, sebab dalam kepada saya mengatakan bahawa macam mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh meluluskan projek ini mungkin ada sebab itu sahaja.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Pembetulan Yang Behormat tidak diluluskan, ini dibuat secara haram.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Betul-betul saya setuju.

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Tapi memandangkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Memandangkan pada masa tersebut apabila...(gangguan).

**Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):**

Andaian itu salahlah.

### **Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):**

Apabila kita tidak mempunyai undang-undang yang mengharamkan. Hari ini kita buat satu persetujuan kata sepakat kata bahawa pembangunan di puncak bukit untuk kita haramkan, senang kalau macam itu, jadi *in the future* kalau saya nampak mana-mana bukit digondolkan, saya dah tahu itu haram, tapi sebelum ini saya ingat halal, ya itu saja, terima kasih.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila buat penggulangan.

### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Pemaju yang merosakkan alam sekitar patut dikenakan hukuman. Itu yang mustahak maksimum, tapi saya takut juga kenapa ada sebuah laporan baru hanya hendak RM6,000 sahaja dikenakan kepada pemaju yang merosakkan kawasan Pyket Avenue No.20 Kawasan Pyket Avenue, tempat itu pembangunan mencecah yang nilai lebih 500 juta projek, *project 500 million the fine that was only 6,000 ringgit*. Saya ingin mencadangkan lagi satu (1) ada sebuah *committee* majoriti yang disertai oleh badan bebas yang boleh menyiasat perkara ini agar tidak berlaku di masa akan datang.

Kedua berkenaan dengan industri dan pelaburan. Saya ingin mencadangkan penubuhan projek pengeluaran *pharmaceutical* terutamanya pengeluaran ubat-ubatan *generic*, ubat-ubat *generic* adalah ubat-ubat tiruan daripada ubat berjenama atau *innovated*. Ubat ini hanya boleh dikeluarkan selepas *tauten* ditamat, *expire date* ataupun ubat tiruan ia mempunyai kualiti setanding ubat berjenama tidak ada berkompromi dari segi kesihatan dan keberkesanan *interactiveness*. Sekarang kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat setiap tahun dan ini merupakan satu cabaran kepada Kerajaan dan pesakit untuk memastikan penggunaan mampu untuk mendapat ubat-ubat *generic*, ubat-ubat rawatan. Pasaran ubat di Malaysia adalah sebanyak RM3.84 bilion dan separuh 1.5 bilion merangkumi 30% merupakan pasaran untuk ubat *generic*. Akan datang pasaran ubat *generic* akan meningkat sebanyak tiga (3) kali ganda. USM sedia terdapat 130 graduan ahli graduan farmasi bagi setiap tahun. Ini adalah sumber manusia yang boleh digunakan dalam industri ini. Di samping itu kita dapat melindungi pengeluaran ubat *generic* di luar kawasan Seberang Perai. Isu TPPA ini ialah Trans Pacific Partnership Agreement. Isu ini masih dalam perbincangan antara MITI dan rakan *Trans Pacific*. Tidak lama lagi Malaysia akan menjadi rakan dalam *inter* perjanjian ini.

Saya ingin membawa perhatian di Dewan ini kepada isu ini, kerana di dalam Negeri Pulau Pinang kita terdapat tujuh (7) buah kilang yang mengeluarkan ubat *generic*, lima (5) buah kilang di seberang dan dua (2) buah di bahagian Pulau. Ini adalah aset negara dan aset Negeri, aset perlu di jaga daripada pengeluar ubatan asing dari luar yang akan membuka kilang-kilang di sini hasil daripada perjanjian TPPA ini. Selain daripada itu satu lagi isu yang paling penting kepada pesakit yang datang dari golongan miskin. Ia itu ubat generik 70% digunakan di hospital-hospital awam. Pesakit yang pergi hospital awam ialah dari golongan miskin. Kos ubat-ubat akan meningkat sekiranya kita tidak melindungi pengeluaran ubatan *generic* tempatan. Kenaikan kos ini akan menimpa pesakit golongan miskin. Kerajaan Negeri mesti menentang keras perjanjian TPPA daripada ditandatangani.

Perkara ketiga, pengangkutan. Walaupun ini hal kecil, ini berkenaan dengan...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Uban sila tamatkan.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Okey, walaupun hal ini kecil, tetapi tempat parkir adalah menjadi masalah tiap-tiap daerah. Saya mendapat aduan daripada ramai yang duduk di kondo di *apartment* seperti itu berkenaan dengan isu parking. Akan datang kita akan lihat macam di US saya ingat orang boleh guna senapang untuk cari tempat parkir. Janganlah kita jadi macam itu US. Saya cadang setiap pihak yang terlibat dalam pembangunan perumahan mengambil berat isu ini, setiap bangunan yang diluluskan perlu menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi. Yang lebih penting adalah menggalakkan perkongsian kereta *car pooling and more important is ...*(dengan izin) *to bring in bicycle system...* (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Batu Uban, kita ada 10 minit nak beri kepada YB. Pinang Tunggal, boleh tamatkan?

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Berkenaan dengan perkara yang ini perkara empat (4) pelancongan tadi kita YB. Kebun Bunga ada sebut berkenaan dengan pelancongan saya ingin menyentuh pelancongan perubatan. Saya berasa gembira apabila difahamkan 60% daripada 3.9 juta pelancong asing datang ke Negeri kita sebagai



pelancong perubatan. Pelancong jenis ini datang dengan satu tujuan iaitu mendapatkan rawatan terdapat pakej-pakej yang diperkenalkan agensi pelancong khas untuk pelancong pelancongan jenis ini, tetapi kita dapat biaya yang mendapat keuntungan daripada industri ini hanya ialah sektor perubatan swasta bukan sektor perubatan awam. Penyelenggaraan jalan raya dan perkhidmatan yang diberikan kepada pelancong oleh Kerajaan Tempatan, cukai khas perlu saya cadang cukai khas perlu diperkenalkan untuk pelancong dari golongan ini supaya lebih ramai yang akan mendapat faedah saya pun cadang ini cukai boleh digunakan untuk sistem dialisis atau mencadangkan pusat dialisis boleh *cross subsidize we can cross ...*(dengan izin), *subsidized dialysis center with the tax we get...*(gangguan).

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Batu Uban, boleh tamat ucapan lima (5) minit tinggal pembahas yang terakhir *unfair*, kita akan tamat pukul 6.00. Ada seorang lagi pembahas kalau boleh ada seorang pembahas YB. Pinang Tunggal.

#### **Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa):**

Ada satu lagi isu yang mustahak. Satu itu ya, ini berkenaan stesen bas Sungai Nibong ia merupakan gerbang pelancongan ke Pulau Pinang. Saya difahamkan stesen bas ini dipajakkan kepada seorang kontraktor yang ditamatkan perkhidmatan oleh MPPP, tender baru sudah dikeluarkan tetapi perkara-perkara asas yang diperlu diberikan perhatian. Tidak mesra ini tempat tidak mesra untuk pengguna, tak cukup tempat duduk tidak mesra untuk orang OKU, kemudahan asas ada tetapi tidak diselenggara. Baik, tandas teruk, lif tak boleh guna, pelbagai masalah teksi ada tabungan atau gabungan teksi ada banyak masalah. Teksi haram import penumpang dia kawasan stesen yang gelap boleh mengundang jenayah. Syarikat pengusaha bas menggunakan agen tiket, saya nampak lagi satu hal yang penting, ada syarikat-syarikat bas yang menggunakan agen bas tiket yang tidak terlatih mereka dilihat sebagai tidak profesional atau kita nak apa yang ...*(dengan izin) thought their thought*.

Setengah mereka mengugut pengguna bas awam untuk membeli tiket saya cadang mereka ini adalah pekerja yang baik, saya cadang dia boleh latih yang *they can be trained ...*(dengan izin) untuk menjadi ejen *tourist* saya cadang ini plan untuk latihan ini dekat 40 orang pekerja yang kerja sebagai *thought* diambil berat. *Last, two minute*, okey infrastruktur *car park*. Akhir sekali isu kesihatan akhir sekali tiga (3) tahun lepas yang lepas Pulau Pinang telah diberi peluang menjadi sebagai Negeri bebas asap rokok tetapi perkara ini tidak realiti sebagai ganti Negeri Melaka telah dipilih oleh mysihat. Walaupun begitu, terdapat beberapa program bebas asap rokok dijalankan dikawasan-kawasan warisan kajian yang telah buat oleh pihak MUTC dan USM pada tahun 2009 dan 2011, menunjukkan tempat-tempat awam seperti restoran

hawa dingin, lobi-lobi hotel dan terminal kenderaan awam mempunyai kualiti udara yang amat rendah berbahaya. Terdapat 20 tempat larangan merokok di Pulau Pinang, bukan saja di Pulau Pinang di seluruh Malaysia tetapi kita nampak ada tempat larangan ini termasuk gimnasium, bas sekolah, kafe internet, tempat keagamaan, hospital. Saya ada tempat yang membahayakan dengan asap rokok. Saya juga ingin berkongsi bahawa terdapat sebuah kilang di Pulau Pinang yang telah memenangi anugerah *blue ribbon* kerana membangunkan tempat kerja bebas asap rokok. Perkara ini perlu menjadi ambil berat saya kita kena ambil berat dan ambil apa-apa langkah untuk tempat awam yang jadi lebih sihat, terima kasih. Saya mohon menyokong.

### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

YB. Pinang Tunggal. 5 minit.

### **Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):**

Okey, *Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* YB. Tuan Timbalan Speaker, Y.A.B. Ketua Menteri, Ahli-ahli EXCO, Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian. Terutamanya saya melahirkan rasa syukur kepada Allah swt kerana memberi kesempatan sekali lagi untuk turut serta dalam Dewan kali ini, saya juga mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih YB. Tuan Timbalan Speaker kerana memberi peluang kepada saya, persetujuan kepada saya di saat-saat akhir mewakili Pinang Tunggal dan kemungkinan kawan-kawan, sahabat-sahabat, pihak pembangkang untuk menggulung dalam perbahasan ucapan terima kasih TYT Tun Negeri Pulau Pinang dalam mesyuarat pertama penggal pertama Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas ini.

YB. Tuan Timbalan Speaker, banyak perkara yang telah pun disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang ada hubungkait dengan kesempurnaan Negeri kita, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada calon-calon yang telah pun memenangi PRU yang Ketiga Belas yang telah pun ditentukan pengundi-pengundi rakyat kita, bagi menentukan mereka-mereka yang layak untuk mewakili kawasan masing-

masing. Keputusan telah pun dibuat dan jawapan sudah ada wakil-wakil telah pun ditentukan maka kita yang dipilih akan menunaikan tugas dan tanggungjawab kita sebaik mungkin, *insya-Allah.* Baru beberapa hari yang telah kita masing-masing menunaikan tanggungjawab kita ini telah menyuarakan pandangan dan fikiran masing-masing banyak perkara banyak isu yang telah pun disentuh sama ada dalam bab kesihatan, pendidikan, keagamaan, kebudayaan, belia dan sukan, halal hub dan apa juga telah pun disentuh oleh wakil-wakil daripada kawasan masing-masing, tetapi semua ini

sekiranya negara tanah air kita yang kita cintai ini tidak ada tidak wujud kedudukan dan keadaan, keselesaan atau pun keselamatan maka apa juga tindakan gerakan kerja buat kita dapat capai dengan sempurna. Oleh yang demikian, betapa pentingnya amat pentingnya kepada kita seluruh rakyat Malaysia Negeri Pulau Pinang akan keselamatan Negeri kita ini negara tanah air kita keselamatan amat penting.

Oleh yang demikian, dalam beberapa hari kita berbahas ada yang menyentuh kewibawaan Polis dan sebagainya. Saya ingin menyebut bahawasanya peranan tugas dan tanggungjawab yang disempurnakan oleh anggota Polis kita amat baik sekali untuk Negeri kita ini. Mereka ada pengetahuan yang tinggi, mereka ada keupayaan, mereka ada kesungguhan di dalam kerja buat mereka sebab itulah negara kita tanah air kita yang kita cintai ini kita dapat hidup dalam suasana dan baik aman dan sempurna masing-masing dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab masing-masing. YB. Tuan Speaker, YB. Tuan Timbalan Speaker dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab tanpa ada apa-apa masalah, Y.A.B. Ketua Menteri juga apabila diberi mandat dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa ada apa-apa masalah. Begitu juga dengan kami, kami juga ada peranan tugas dan tanggungjawab kami, sebagai wakil rakyat sudah dua (2) penggal, sebagai pembangkang kami akan menggunakan segala ruang dalam Dewan ini sebagai pembangkang segala sesuatu kedudukan dan keadaan sama ada ianya untuk kebaikan rakyat semua untuk kebaikan rakyat semua sebab itulah apabila kita merasakan kita memikirkan keselesaan rakyat.

Contohnya yang macam saya sebut, saya buat celaan kelmarin dari segi keselesaan rakyat, dari segi servis yang diberikan oleh pihak hospital dan sebagainya, saya nak luah di sini supaya perkara-perkara sedemikian rupa mereka-mereka yang bertanggungjawab dapat menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan baik dan berkesan jadi bukan makna kata saya nak buat tuduhan saya faham dengan peranan tugas dan tanggungjawab penjawat awam tak akan dia buat dia melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan amat baik sekali, saya nak tuduh itu, nak tuduh ini gilalah saya, kalau saya gila hilanglah kelayakan untuk menjadi calon, tak adalah saya di sini seumpama sedemikianlah. Jadi betapa pentingnya keselamatan kepada kita untuk kita turut sama semua menjalankan tugas dan tanggungjawab dan tak perlulah kita mempertikaikan kewibawaan Polis saya sanjung tinggi pihak Polis dalam menunaikan tugas dan tanggungjawab dan saya kalau saya cakap lepas pukul 6.00 petang tak ada makna dah, pada saya nanti *you* sambunglah saya ingat itu sajalah mandat dan tanggungjawab saya, peranan saya *insya-Allah* kita ada tanggungjawab masing-masing, *insya-Allah* kita dapat tunaikan di sini pun penting tetapi jauh lebih penting masing-masing kita dapat bekerja masing-masing dapat memberi khidmat bakti kita rakyat kita kepada mereka-mereka yang kita wakili supaya kedudukan dan keadaan yang ada jauh lebih baik daripada hari ini, terima kasih Yang Berhormat saya mohon menyokong.

## **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahi Yang Berhormat sesi perbahasan ucapan terima kasih TYT Tun telah selesai. Dewan akan menyambung sesi penggulungan pagi esok. Sekarang Dewan ditangguhkan dan akan bersambung semula pada jam 9.30 pagi esok 5 Julai 2013.

***Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang.***